

BAB DUA

PEMIMPIN AGAMA SEBAGAI AJEN PELAKSANA DIALOG ANTARA AGAMA: ANALISA KONSEPTUAL DAN REALITI DI MALAYSIA

2.0 Pendahuluan

Perbincangan berkaitan aspek pemimpin mahupun ketua sudah pasti tidak dapat dipisahkan daripada perbincangan kepimpinan (*leadership*). Justeru perbincangan Pemimpin Agama (*Religious Leader*) juga tidak akan lari daripada persoalan Kepimpinan Agama (*Religious Leadership*). Ini adalah kerana kepimpinan agama itu adalah perbincangan yang bersifat umum dan perbincangan pemimpin agama ini adalah bersifat khusus.

Dalam penyelidikan ini penulis akan memberi fokus kepada persoalan pemimpin agama di mana merujuk kepada golongan yang mengetuai kumpulan agama dengan ciri-ciri khusus seperti mempunyai latarbelakang pendidikan agama, menjawat jawatan-jawatan penting di dalam organisasi-organisasi agama dan juga menjadi rujukan kepada masyarakat di bawah kepimpinannya berkaitan hal-hal keagamaan. Oleh itu di dalam kajian ini penulis tidak akan menghuraikan secara terperinci perbincangan kepimpinan (*leadership*) tetapi akan menggunakan konsep-konsep dan teori-teori kepimpinan (*leadership*) dalam mengupas persoalan pemimpin agama.

2.1 Pemimpin Agama dan penglibatan di dalam dialog antara agama

Di dalam bab satu penulis telah menghuraikan bahawa dialog antara agama di Malaysia telah melalui satu transformasi (1980 -2000) daripada bersifat tuntutan satu pihak kepada satu pihak yang lain kepada suatu keperluan di dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum. Oleh itu di dalam proses pelaksanaannya dilihat terdapat pelbagai isu dan kelemahan di mana telah memperlahankan proses dialog atau pelaksanaannya tidak menepati tujuan utama dialog antara agama khususnya dalam realiti dan suasana di Malaysia. Di antara kelemahan yang dilihat penting dan juga menjadi fokus utama di dalam penyelidikan ini adalah aspek penglibatan pemimpin agama dalam memastikan pelaksanaan dan perjalanan dialog antara agama berjalan dengan baik sama ada *inter-dialogue* mahupun *intra-dialogue* terutama dalam konteks dialog penyelesaian konflik

Merujuk kepada beberapa laporan kajian berkaitan pelaksanaan dialog antara agama oleh *Institute of Peace* di Amerika¹⁵³, pengkaji seperti Bill Sterland dan John Beauclerk¹⁵⁴, Mohamad Abu –Nimer¹⁵⁵ dan Vivien Lowndes dan Rachael Chapman¹⁵⁶, proses pelaksanaan dialog berlangsung dalam beberapa kategori masyarakat atau kumpulan. Di antaranya (1) Ketua Agama Tertinggi (*High-level religious leader*)/ *Faith*

¹⁵³ Special Report, “What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs”, (Washington: United States Institute of Peace, 2004), 2-5.

¹⁵⁴ Bill Sterland & John Beauclerk, “Faith Communities as Potential Agents for Peace Building in the Balkans”, (Analysis of faith-based interventions towards conflict transformation and lasting reconciliation in post-conflict countries of former Yugoslavia, 2008) (Laporan penuh penyelidikan yang ditaja oleh Norwegian Church Aid yang dijalankan pada 1 Oktober 2007 – 31 Disember 2007).

¹⁵⁵ Mohammed Abu Nimer, “Conflict Resolution, Culture and Religion: Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding”, *Journal of Peace Research*. Jil.38 .London: Sage Publication (2001) , 685-704. (Telah diterbitkan bagi pihak of International Peace Research Institute, Oslo).

¹⁵⁶ Vivien Lowndes dan Rachael Chapman, “Faith, hope and clarity: Developing a model of faith group involvement in civil renewal”, (Laporan utama kajian di bawah program Civil Renewal Research Program yang dikelola oleh Local Governance Research Unit, De Montfort University Leicester , UK., 2005).

*leadership*¹⁵⁷, (2) Badan-badan antara agama (*Interfaith bodies/organisation/network*)¹⁵⁸, (3) Masyarakat pertengahan (*Middle group*)¹⁵⁹ dan (4) Masyarakat bawahan (*Grassroot participant*)¹⁶⁰. Begitu juga di Malaysia proses pelaksanaannya turut melibatkan pelbagai kategori kumpulan. Di antara kategori tersebut adalah (1) Badan-badan kerajaan, (2) Badan bukan kerajaan (Berkonsep Agama dan selain berciri agama), (3) Ahli Akademik/Institusi Penyelidikan dan (5) Orang awam.¹⁶¹

Pada pandangan penulis jika dibandingkan dengan maklumat kategori kumpulan yang terlibat dalam pelaksanaan dialog antara agama di luar Malaysia perbezaannya tidak begitu ketara. Walaubagaimanapun jika skop dan fokusnya dilihat dari segi dialog antara agama dalam konteks penyelesaian konflik agama dan para pendialog sebagai agen penyelesaian konflik antara agama sebagaimana fokus penyelidikan ini maka perbezaannya amat ketara. Di Malaysia kumpulan yang dikategorikan sebagai *High-*

¹⁵⁷ *High-level Religious leader* atau *Faith leadership* ini adalah merujuk kepada kumpulan pemimpin agama yang mengisi jawatan-jawatan tertinggi dalam agama sama ada dalam Agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain. Mereka yang berada di dalam kumpulan ini adalah yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama masing-masing. Secara umumnya kumpulan ini mempunyai potensi untuk mempengaruhi pihak pembuat dasar, penggubal undang-undang seperti kerajaan serta masyarakat awam dalam konteks yang luas. Kumpulan ini juga terlibat sebagai mediasi atau pengantara penyelesaian konflik. Mereka terlibat sebagai wakil dialog di awal konflik antara agama yang berlaku atau program-program dialog antara agama, penglibatan dialog ke arah penyelesaian konflik (*during conflict*) atau dialog selepas konflik (*post-conflict period*) serta proses dialog ke arah perdamaian (*step toward reconciliation*). Di antara contoh kumpulan pemimpin agama yang menjalankan dialog antara agama untuk penyelesaian konflik adalah Mufti bagi Agama Islam, Rabbi bagi Agama Yahudi dan Paderi bagi agama Kristian. Maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan dialog antara agama yang berlangsung di antara Mufti dan Rabbi yang dapat dijadikan contoh dalam meredakan konflik antara Muslim dan Yahudi di Hebron sila rujuk Special Report, "What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs", 3.

¹⁵⁸ *Interfaith bodies/organisation/network* adalah merujuk kepada badan-badan agama, persatuan-persatuan agama dan Badan bukan kerajaan (NGO). Mereka yang berada di dalam kumpulan ini mempunyai latarbelakang pendidikan yang tinggi sehingga ada yang berpendidikan Doktor Falsafah-Profesor. Selain itu golongan profesional seperti pensyarah (termasuk bidang agama) dan peguam serta ahli politik juga turut dikategorikan di dalam kumpulan ini. Kumpulan ini juga dikategorikan sebagai *Elite Group*.

¹⁵⁹ *Middle group* ini adalah kumpulan yang turut mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik di mana mempunyai potensi untuk mempengaruhi dalam kelompok yang kecil dan kebiasaannya lebih kepada pendekatan peribadi (*personal*). Di antara kelompok ini adalah seperti golongan para pendidik dan golongan agama setempat (*local clergy*).

¹⁶⁰ *Grassroot* adalah merujuk kepada rakyat (*citizens*) beragama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain dan kebiasaannya mempunyai ciri-ciri aktivisme. Walaubagaimanapun mereka hanya berpotensi mempengaruhi sesiapa yang mempunyai hubungan rapat dengannya seperti rakan-rakan dan keluarga.

¹⁶¹ Khairulnizam Mat Karim dan Suzy Aziziyana Sali, "Dialog Antara Agama:", 62-63. Rujuk juga, Wan Sabri Wan Yusuf dan Arfah Ab Majid, "Inter-Religiuos Dialogue Model in Malaysia", 7-13.

level religious leader/ faith leadership yang harus berperanan sebagai agen dalam konteks penyelesaian konflik tidak wujud dan dialog antara agama yang berperanan sebagai platform untuk berbincang secara serius dan mendalam di kalangan pemimpin agama juga tidak berlaku.¹⁶²

¹⁶² Justifikasi ini dibuat oleh penulis adalah berdasarkan tulisan Ghazali Basri berkaitan Dialog Antara Agama Di Malaysia yang bertajuk “Pengalaman Lalu, Cabaran Semasa dan Prospek”. Di dalam bahagian akhir di bawah tajuk Pelan Tindakan Bersama, beliau telah mengesyorkan beberapa perkara yang melibatkan kelompok pemimpin agama. Di antaranya adalah, “Dalam waktu yang sama harus dimulakan juga dialog teologi di kalangan kelompok pemikir-pemimpin agama bagi tujuan memberi bimbingan kepada masyarakat awam”. Syor ini telah buat pada tahun 2005. Penulis dapat membuat kesimpulan bahawa sebelum tahun 2005 tidak terdapat pelaksanaan dialog khusus di antara kelompok pemimpin agama secara khusus berkaitan persoalan dasar setiap agama. Apatah lagi dialog yang membincangkan isu-isu atau konflik antara agama di antara pemimpin agama sedangkan isu-isu dan konflik antara agama sentiasa berlaku sebagaimana yang diuraikan di dalam Bab Satu penyelidikan ini. (Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini adalah tidak berlakunya dialog yang tertutup khusus di antara pemimpin agama tetapi aktiviti dialog yang bersifat umum seperti syarahan, seminar, konvensyen masih berjalan). Maklumat lanjut sila rujuk Ghazali Basri, “Pengalaman Lalu, Cabaran Semasa dan Prospek”, 13. Rujuk juga temubual wartawan Salbiah Ani bersama Ghazali Basri dalam Salbiah Ani, “Malaysia perlu dialog antara agama”, Berita Harian, 6 Mac 2004 (Sabtu). Maklumat ini juga turut disokong oleh kajian Khairulnizam yang turut membincangkan tentang realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia sekitar 80 an hingga tahun 2003. Di dalam perbincangan berkaitan sejarah permulaan dialog antara agama di Malaysia (1980-1990) beliau mengemukakan data bahawa dialog yang berlaku di peringkat awal adalah melibatkan pihak kerajaan dan wakil agama-agama terutama wakil Kristian iaitu dalam menerangkan isu pelaksanaan Dasar Islamisasi. Tidak pula diuraikan berlakunya dialog antara pemimpin agama Islam contohnya Mufti dengan pemimpin agama yang lain. Di samping itu peranan untuk menerangkan berkaitan dasar tersebut dilakukan oleh menteri-menteri daripada kerajaan di dalam seminar-seminar mahupun konvensyen di mana telah dikategorikan oleh beliau juga sebagai dialog. Oleh itu bagi penulis dalam waktu ini tidak berlaku dialog antara pemimpin agama bagi menjernihkan kemelut yang berlaku mahupun berdialog untuk mendapat maklumat yang jelas tentang Dasar Islamisasi tersebut. Dalam waktu ini penulis berpendapat bahawa peranan atau pendekatan yang bersifat politik lebih mendominasi situasi. Beliau juga menerangkan bahawa dalam penyelesaian kepada isu Dasar Islamisasi ini pemimpin agama bukan Islam telah menubuhkan satu majlis iaitu Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia atau *Malaysian Consultative For Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS)*. Tetapi tidak ada wakil daripada pemimpin agama Islam yang turut serta di dalam majlis tersebut. Oleh itu pada pandangan penulis dialog antara pemimpin agama di Malaysia tidak berlaku pada waktu itu. Lanjutan daripada itu, Khairulnizam dalam kajian kes beliau terhadap *Interfaith Spiritual Fellowship (INSaF)* dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya skop kajian 1990-2003 turut mendapati bahawa jenis aktiviti dialog yang berlangsung adalah melibatkan pelbagai kelompok dan bukan di antara pemimpin agama secara khusus apatah lagi membincangkan isu yang timbul dan penyelesaian konflik. Maklumat ini juga turut disokong oleh Dr. Amir Farid, Pengerusi INSaF. Di antara jenis dialog yang berjalan di Malaysia adalah seperti (1) Seminar/Persidangan, (2) Syarah/Kuliah Umum/Ceramah, (3) Forum, (4) Bengkel, (5) Projek/ Aktiviti Usahasama dan (6) Kursus/Kelas Pengajian. Maklumat lanjut rujuk Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Dialog Antara Agama Di Malaysia:”, 70-95 dan 128-157. Rujuk juga pandangan bekas Perdana Menteri Malaysia Keempat dan Kelima iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi tentang pandangan mereka berdua berkaitan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia. Tun Mahathir Mohamad pada 2002 telah menyatakan bahawa masyarakat Islam di Malaysia pada hakikatnya masih belum bersedia untuk berdialog terutama dialog antara agama. Manakala pada tahun 2004 pula Tun Abdullah Ahmad Badawi pula mengesyorkan kepada masyarakat di Malaysia terutama Islam untuk memulakan dialog antara agama terutama untuk menghapuskan salah tanggapan terhadap kepercayaan agama masing-masing. Ini juga menjadi satu bukti bahawa pada realitinya dialog antara agama di Malaysia terutama di antara pemimpin agama tidak berlaku secara serius untuk menangani sebarang permasalahan atau konflik. Sila rujuk New Straits Time, Rabu, 27 Februari 2002, 2 dan Utusan Malaysia, 4 Ogos 2004, Muka hadapan. Rujuk juga Robert Hunt, “Can Muslim Engage in Interreligious Dialogue? A study of Malay Muslim Identity in Contemporary Malaysia”, *The Muslim World*. Jil. 9, (United Kingdom: Blackwell Published Ltd., 2009), 581-607 dan Chandra Muzaffar,

Dengan merujuk kepada perbincangan di atas maka penulis melihat bahawa kumpulan yang dikategorikan sebagai Pemimpin Agama Tertinggi (*high-level religious leader/faith leadership*) ini adalah kumpulan yang paling penting dalam pelaksanaan dialog antara agama terutama dialog yang berkonsepkan penyelesaian konflik antara agama. Ini adalah kerana kesalahan memilih atau menghantar wakil dalam berdialog apatah lagi dialog yang bertujuan menyelesaikan konflik agama maka dialog tidak akan berjaya dan masalah yang cuba diselesaikan tidak juga berhasil.¹⁶³

Oleh itu untuk meneliti dengan lebih lanjut persoalan pemimpin agama sebagai ejen dialog antara agama maka penulis terlebih dahulu akan mendefinisikan maksud pemimpin agama dari aspek bahasa. Pembahagian pendefinisian ini dilakukan adalah untuk memaparkan unsur-unsur, ciri-ciri dan konsep asas yang wujud dalam definisi perkataan pemimpin agama tersebut. Oleh itu kesimpulan dan definisi tepat sama ada dari segi teori dan juga realiti sebenar pemimpin agama itu dapat dijelaskan. Maka dengan melihat kepada konsep pemimpin agama tersebut kesalahan pemilihan wakil di dalam dialog antara agama dapat dielakkan terutama dialog yang melibatkan penyelesaian konflik antara agama.

Penulis akan meneliti dari segi perbincangan bahasa iaitu bahasa melayu, bahasa inggeris dan bahasa ‘arab. Selain itu perbincangan daripada perspektif Islam dan Kristian akan turut diperhalusi.

“Dialogue between Islam and Confucianism: Its Significance for Ethnic Relation in Malaysia”, dalam *Islam and Confucianism A Civilizational Dialogue*, ed. Osman Bakar dan Cheng Gek Nai (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1997), 156.

¹⁶³ Khairulnizam Mat Karim, “ Realiti Dialog Antara Agama Di Malaysia:”, 167 (Sila lihat penerangan di dalam Nota kaki 289).

2.2 Definisi Pemimpin Agama, *Religious Leader*, *Az-za‘īm Ad-dīnī*

Sebagaimana yang telah diuraikan sebelum ini tujuan pendefinisian ini dibuat adalah untuk melihat apakah unsur-unsur atau ciri-ciri yang terdapat dalam perkataan pemimpin agama dan bukan untuk membahaskannya daripada perbahasan bersikap pemikiran dan falsafah. Di antara perkataan-perkataan yang digunakan untuk menerangkan pemimpin agama adalah seperti; di dalam Bahasa Melayu, “Pemimpin Agama”, Bahasa Inggeris: “*Religious Leader*” dan “*Head of Religion*”. Manakala di dalam Bahasa ‘Arab, “*az-za‘īm ad-dīnī*”, “*al-qāid ad-dīnī*” dan “*raasa ad-dīn*”. Disebabkan terdapat lebih daripada satu perkataan yang menghuraikan pemimpin agama sebagaimana di dalam bahasa Inggeris dan Bahasa ‘Arab maka penulis hanya memilih satu sahaja daripadanya iaitu *Religious Leader* untuk Bahasa Inggeris dan “*az-za‘īm ad-dīnī*” bagi Bahasa ‘Arab.

2.2.1(a) Pemimpin

Merujuk kepada beberapa buah kamus Bahasa Melayu¹⁶⁴ pemimpin turut bermaksud ketua yang membawa makna orang yang tertua, mempunyai banyak pengalaman, seseorang yang mengepalai atau memimpin dan bertanggungjawab serta mengawasi perjalanan sesebuah organisasi, pertubuhan, kumpulan dan lain-lain. Selain itu definisi juga merujuk kepada seseorang yang terkemuka dan sangat penting di kalangan mereka di

¹⁶⁴ Hajah Noresah bt Baharom et al. eds., *Kamus Dewan*, cet. ke-3, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP), 2000), 669; Teuku Iskandar et al. eds., *Kamus Dewan*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 546-547; Haji Zainal Abidin Safarawan, ed., *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, cet. 1, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd 1995), 895-896; Haji Hasan Haji Hamzah et al. eds., *Kamus Melayu Global*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Piramid Perdana(M) Sdn. Bhd, 1997), 628; Othman Puteh et al.eds., *Kamus Am*, cet. ke-3, (Kuala Lumpur: Crescent News(K.L) Sdn. Bhd, 2001), 515; Mashitah binti Taharin et al. eds., *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2008), 435.

mana turut membimbing, menasihati, menerajui, mengarah, mengimami dan memerintah.

2.2.1(b) *Leader*

Manakala di dalam Bahasa Inggeris ¹⁶⁵, *leader* bermaksud *person that leads* (mengetuai), *guides* (membimbing), *commands, directs or supervise* (mengarah), *conducts* (memimpin), *rules* (mengatur) dan *controls* (mengawal). Selain itu ia juga bermaksud *who guides or direct others by showing them the way or telling them how to behave*¹⁶⁶ (seseorang yang membimbing atau mengarah orang lain dengan menunjukkan jalan atau cara bagaimana untuk berkelakuan). Di samping itu pendefinisian juga turut mengenenahkan ciri-ciri pemimpin seperti seseorang yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti (*leadership quality*) seperti bertanggungjawab (*responsible*), mampu untuk mempengaruhi orang lain dalam kepemimpinannya (*influential person*) terutama dalam menjadi pembimbing kerohanian (*spiritual guidance*)¹⁶⁷, seseorang yang mempunyai usaha inisiatif yang tinggi (*innitiative person*) terutama dalam proses kepimpinan dan yang paling penting mempunyai kuasa penentu

¹⁶⁵ Diana Treffry et al. eds., *Collins English Dictionary*, cet. ke-5, (Great Britain: HarperCollins Publishers, 2000), 880; Frank R. Abate et al. eds., *The Oxford American Dictionary of Current English*, (New York: Oxford Universiti Press, 1999), 448; *The World Book Dictionary*, (Chicago: World Book, Inc., 2001), L-Z: 1191; Sara Tulloch et al. eds., *The Oxford Dictionary and Thesaurus*, (Melbourne: Oxford University Press, 1997), 866; Judy Pearsall and Bill Trumble, eds., *The Oxford English Reference Dictionary*, cet. ke-2, (UK: Oxford University Press, 1996), 813; Diana Adams et al. eds., *Collins Thesaurus The Ultimate Wordfinder from A to Z*, cet. ke-4, (Glasgow: HarperCollins Publisher, 2000), 553; *Shorter Oxford English Dictionary On Historical Principles*, cet. ke-5, (New York: Oxford University Press, 2002), 1: 1559; Adam Gadsby et al. eds., *Longman Dictionary of English Language and Culture*, cet. ke-2 (England: Addison Wesley Longman Limited, 1998), 745.

¹⁶⁶ Kathy Rooney et al. ed., *Encarta World English Dictionary*, cet. 1, (London: Bloomsbury Publishing Plc, 1999), 1070.

¹⁶⁷ *The New International Webster's Comprehensive Dictionary of The English Language: Encyclopedia Edition*, (U.S.A: Trident Press International, 1999), 724.

atau autoriti (*authority*)¹⁶⁸ dalam memimpin orang di bawahnya sehinggakan orang yang dipimpinnnya akan mengikut segala arahnya.

2.2.1(c) *Za‘īm*

Di dalam bahasa ‘arab perkataan pemimpin mempunyai beberapa istilah sebagaimana yang terdapat di dalam rujukan bahasa ‘arab. Di antaranya “*za‘īm*”, *qāid*, *murshid*, *raīs*¹⁶⁹ dan *sayyīd*¹⁷⁰ (*person in guiding or foremost position*)(sesorang yang di dalam membimbing atau posisi dan tempat paling utama[tinggi]). Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini huraian akan difokuskan kepada perkataan “*za‘īm*” iaitu daripada perkataan “*az-za‘īm ad-dīnī*”. Maka dengan merujuk kepada etimologinya ia berasal daripada “*za‘ama*”, “*yaz‘umu*”, “*za‘man*” “*za‘āmatan*”¹⁷¹, ia maksud “menguasai”, “menanggung” dan “menjamin” terutama berkaitan dengan sesebuah kaum. Selain itu turut bermaksud menjadi “ketua” dan “pemimpin” iaitu daripada etimologi “*za‘uma*”, “*yaz‘umu*”, “*za‘āmatan*”¹⁷². Seterusnya perkataan yang dihubungkan dengan seseorang iaitu “*az‘ama*”, “*yuz‘īmu*”, “*iz‘āman*”¹⁷³ yang bermaksud “ “mentaati” dan “mematuhi”. Daripada pendefinisian ini dapat dilihat bahawa ketua atau pemimpin itu adalah seseorang yang mempunyai sifat menguasai, seperti menguasai kumpulan, kaum di samping sifat-sifat bertanggungjawab seperti

¹⁶⁸ Betty Kirkpatrick et al. eds., *The Concise Oxford Thesaurus*, cet. 1, (New York: Oxford University Press, 1997), 409.

¹⁶⁹ N.S.Doniach, ed., *The Oxford English – Arabic Dictionary of Current Usage*, (Oxford: Oxford University Press, 1995), 675.

¹⁷⁰ Ahmad Mukhtar ‘Umar, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘āṣarah*, cet. 1, (Qahirah: ‘Ālim al-Kutub, 2008), 2: 986.

¹⁷¹ *Ibid.*, 985; Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, (t.tp: Dār al-Ma‘ārif, t.t), 3: 1835-1836; Wan Abdul Hamid bin Wan Teh et al. eds., *Al-Mu‘jam al-‘arabiy al-malāyūwiy al-kabīr* (Kamus Besar ‘Arab – Melayu), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP), 2006), 1025.

¹⁷² Ahmad Mukhtar ‘Umar, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘āṣarah*, 985; Wan Abdul Hamid bin Wan Teh, *Al-Mu‘jam al-‘arabiy al-malāyūwiy al-kabīr* (Kamus Besar ‘Arab – Melayu), 1025.

¹⁷³ *Ibid.*

menanggung tanggungjawab dan beban serta menjamin sebarang amanah dan janji yang telah diucapkan.

2.2.2(a) Agama

Manakala agama di dalam Bahasa Melayu pula bermaksud *kepercayaan kepada tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya*¹⁷⁴, *kepercayaan kepada kuasa tertinggi yang menguasai alam ini dan cara-cara memuja serta mengikutnya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa*¹⁷⁵. Selain itu ia juga bermaksud perkara yang berkaitan dengan *makanan rohani* [kerohanian]¹⁷⁶, *kewajipan-kewajipan yang berkaitan dengan pelaksanaan [sesuatu] kepercayaan*¹⁷⁷, *pegangan, anutan, ikutan pedoman dan petunjuk*.¹⁷⁸ Apabila ia didefinisikan di dalam bentuk sifat iaitu beragama maka ia menerbitkan ciri-ciri atau sifat-sifat yang wujud di dalam seseorang mahupun kumpulan orang yang beragama. Di antara ciri-ciri atau sifat-sifat yang diterbitkan daripada perkataan beragama ialah mematuhi ajaran agama, taat pada agama, seseorang yang suka beribadat, berbuat baik terhadap manusia, baik hidupnya, tinggi kepercayaan kepada Yang Maha Kuasa serta beriman, menjalankan kewajipan yang diperintahkan, bertakwa dan berakidah.¹⁷⁹

¹⁷⁴ Hajah Noresah bt Baharom, *Kamus Dewan*, 12; Haji Hasan Haji Hamzah, *Kamus Melayu Global*, 13.

¹⁷⁵ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, 1312.

¹⁷⁶ Haji Zainal Abidin Safarawan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 20.

¹⁷⁷ Othman Puteh, *Kamus Am*, 9.

¹⁷⁸ Mashitah binti Taharin, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*, 9.

¹⁷⁹ Rujuk semula sumber rujukan di dalam nota kaki 175-179

2.2.2(b) *Religion*

Perkataan agama iaitu *religion* di dalam Bahasa Inggeris¹⁸⁰ pula membawa maksud (1) berkaitan dengan *Belief and Worship* (Kepercayaan dan Penyembahan) iaitu *belief in the existence of a god or gods, who has/have created the universe and given man a spiritual nature* (kepercayaan kepada kewujudan tuhan yang telah mencipta alam sejagat dan telah memberi kepada manusia sifat kerohanian). (2) Berbentuk satu sistem iaitu *particular system of faith and worship based on such belief* (sistem kepercayaan dan sembah[penyembahan] tertentu yang berdasarkan sesuatu kepercayaan seperti Agama Islam, Kristian, Hindu dan lain-lain. (3) *Guidance of Living* (panduan kehidupan) iaitu peraturan-peraturan yang berciri ketuhanan(merujuk kepada sesebuah agama) di mana menjadi panduan kepada manusia dalam kehidupan. Selain itu ia turut memberi maksud, ‘sesuatu yang mempengaruhi atau menguasai kehidupan seseorang (*controlling or influencing on one’s life*). Di antara ciri-ciri atau sifat-sifat yang terbit daripada perkataan *religion* sebagai kata nama kepada *religious* sebagai sifat maka ia membawa maksud, seseorang atau kumpulan yang mempunyai kepercayaan, keimanan kepada Tuhan dan agama yang tinggi(merujuk kepada agama masing-masing), tekun mengamalkan ibadah atau amalan-amalan agama atau upacara keagamaan, bersikap patuh dan taat kepada prinsip-prinsip dan peraturan agama.¹⁸¹

¹⁸⁰ *The New International Webster’s Comprehensive Dictionary of The English Language: Encyclopedia Edition*, (U.S.A: Trident Press International, 1999), 1064; Kathy Rooney, *Encarta World English Dictionary*, 1587; Diana Treffry, *Collins English Dictionary*, 1301; Frank R. Abate, *The Oxford American Dictionary of Current English*, 675; *World Book Dictionary*, 1766; Sara Tulloch, *The Oxford Dictionary and Thesaurus*, 1295; Judy Pearsall and Bill Trumble, *The Oxford English Reference Dictionary*, 123; Adam Gadsby, *Longman Dictionary of English Language and Culture*, 1124-1125;

¹⁸¹ *Ibid.*

2.2.2(c) *ad-Dīn*

Manakala di dalam bahasa ‘Arab agama¹⁸² berasal daripada etimologi “*dāna*”, “*yadīnu*”, “*dīnan*”, *diyānatan*” yang bermaksud “tunduk”, “patuh”, “mentaati”. Selain itu ia juga bermaksud “orang yang memperhitungkan dirinya (muhasabah), “memimpin” dan “memberi perkhidmatan”.¹⁸³ Manakala “*ad-dīnu*” pula bermaksud sebagai “agama”, “kepercayaan”, “pegangan” dan juga merujuk kepada agama Islam iaitu Islam sebagai *ad-Dīn*.¹⁸⁴ Manakala jika merujuk kepada seseorang atau kaum maka ia bermaksud orang yang “berpegang pada agama” dan “bersifat wara”, “kekuasaan”, “kehakiman-menjatuhkan hukuman”.¹⁸⁵ Selain daripada itu ia turut bermaksud “taat” dan “ibadah” dengan merujuk kepada “*ad-dīnātu*”.¹⁸⁶

2.2.3 Kesimpulan

Berasaskan huraian definisi “pemimpin” dan “agama”, dapat dirumuskan bahawa “pemimpin agama” itu didasari oleh ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti (*leadership quality*) di mana terbahagi kepada; Pertama: Kualiti Fizikal (*Physical Quality*) yang

¹⁸² Dalam menghuraikan pendefinisian ini penulis tidak ingin mengulas istilah agama atau *ad-Dīn* sebagaimana yang dihuraikan oleh sarjana Islām iaitu Syed Muhammad Naquib Al-Attas di dalam tulisan beliau. Huraian penulis adalah hanya untuk melihat ciri-ciri atau sifat-sifat yang wujud di dalam perkataan agama sahaja. Di mana asas-asas yang wujud di dalam perkataan agama tersebut akan dijadikan asas untuk membentuk ciri-ciri atau sifat-sifat yang perlu ada pada setiap pemimpin agama. (Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam menghuraikan tentang agama beliau pada hakikatnya telah menolak penggunaan istilah “*religion*” sebagaimana yang difahami oleh Barat. Ini adalah kerana pemahaman pihak Barat amat sempit serta tidak mampu memberi makna yang sempurna iaitu agama adalah “suatu cara hidup” (*way of life*). Maka dengan ini huraian beliau tentang agama adalah bersandaskan kepada istilah “*ad-Dīn*” yang pada pandangan beliau amat tepat, serta mengandungi konotasi positif khususnya berkaitan dengan “Hakikat Insan” dan “Hakikat Ilmu”. Justeru Al-Attas telah mengutarakan empat konsep penting yang terdapat di dalam istilah *ad-Dīn* dan juga penting sebagai asas kepada ajaran Islam iaitu konsep (1) *Indebtedness* (Konsep keberhutangan), (2) *Submissiveness* (Konsep Penyerahan), (3) *Judicious Power* (Kebijaksanaan dan (4) *Natural Inclination or Tendency*) (Kecenderungan Semulajadi). Maklumat lanjut sila rujuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islām and Secularism*, (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993), 51-96.

¹⁸³ Ahmad Mukhtar ‘Umar, *Mu’jam al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘āṣarah*, 795; Wan Abdul Hamid bin Wan Teh, *Al-Mu’jam al-‘arabiyy al-malāyūwīy al-kabīr* (Kamus Besar ‘Arab – Melayu), 802.

¹⁸⁴ *Ibid.*, 797 dan 803.

¹⁸⁵ *Ibid.*, 803

¹⁸⁶ *Ibid.*

terbahagi kepada dua; (a) Kualiti Fizikal Luaran (*External Physical Quality*): kualiti ini adalah seperti berpengalaman, mampu untuk memimpin, mengetuai, menerajui dan mengawasi perjalanan sesebuah organisasi, kumpulan dan kaum di bawah pimpinannya dengan baik. Di samping itu mampu untuk merencana, merancang, menstrategi serta mengatur segala bentuk perkara dalam memastikan perjalanan organisasi atau kumpulan yang diterajui dalam keadaan baik. Seterusnya pemimpin agama ini juga harus mampu memberi perintah dan mengarah, memutuskan perkara penting seperti hukuman serta dapat memastikan segala perancangan yang diatur dilaksanakan apatah lagi jika kerangka perancangan melibatkan permasalahan atau konflik antara agama sebagaimana yang akan difokuskan oleh penulis di dalam penyelidikan ini. (b) Kualiti Fizikal Dalaman (*Internal Physical Quality*): kualiti ini adalah seperti seseorang yang bertanggungjawab (*responsible person*), mampu menjadi pembimbing (*guidance*) dan penasihat (*advisor*) apatah lagi dalam kerangka pembimbing kerohanian (*spiritual guidance*) seperti mampu untuk menjadi imam dan upacara keagamaan. Selain itu pemimpin agama juga adalah orang yang mampu untuk mempengaruhi kumpulan pimpinannya (*influencial person*) dan mempunyai daya inisiatif (*innitiative person*) yang tinggi dalam menjalankan kerja-kerja yang diamanahkan terutama dalam kerangka membimbing dan menjamin kemaslahatan masyarakat yang besar di bawah kepimpinannya.

Kedua: Kualiti Keagamaan dan Kualiti Kerohanian (*Religious Quality and Spiritual Quality*): Jika dilihat daripada perspektif Islam pemimpin agama itu sudah pasti harus mempunyai dan memahami konsep asas-asas Islam di dalam diri mereka iaitu Aqīdah, Shari‘ah dan Akhlāq. Begitu juga dalam agama-agama lain seperti aspek ketuhanan, moral dan etika. Di antara ciri-ciri tersebut adalah seperti (a) mempunyai

kepercayaan dan keimanan kepada Tuhan, (b) tunduk dan patuh segala perintah agama, (c) taat beribadah, wara' dan (d) mempunyai hubungan baik sesama manusia.

Ketiga: Berautoriti dan Berwibawa (*Principle of Authoritative*): kualiti ini dilihat dari sudut kewibawaan pemimpin agama untuk memimpin, memutuskan sesuatu keputusan serta mampu untuk menjadi kuasa penentu dan pengimbang dalam apa jua keadaan atau situasi. Kualiti ini adalah amat penting kerana jika pemimpin agama tidak mempunyai kewibawaan dan tidak mampu untuk membuat keputusan maka sudah pasti seluruh kumpulan di bawah pimpinannya hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap kepimpinannya dan seterusnya akan wujud krisis ketidakpercayaan. Ciri ini juga amat penting dalam proses menangani permasalahan dalam masyarakat majmuk seperti konflik agama dan sebagainya.

Oleh itu dengan kesimpulan ini penulis dapat memahami dengan jelas bahawa peri pentingnya memilih pemimpin atau ketua yang benar-benar mampu atau berkualiti dalam memimpin apatah lagi dalam kerangka memilih pemimpin agama. Ini adalah kerana pemimpin agama harus menjadi *role model* dan berperanan besar khususnya dalam masyarakat di bawah pimpinannya dan masyarakat majmuk amnya terutama seperti di Malaysia terutama apabila berlaku isu-isu antara agama sebagaimana yang akan difokuskan oleh penulis di dalam penyelidikan ini.

Pada bahagian seterusnya penulis akan meneliti pandangan Islam dan Kristian berkaitan Pemimpin Agama. Huraian akan diberi perhatian kepada peranan pemimpin

agama dalam konteks masyarakat majmuk serta dikhususkan kepada peranan di dalam dialog antara agama.

2.3 Pemimpin Agama daripada perspektif Islam dan Kristian: ke arah membina hubungan antara agama

2.3.1(a) Konsep pemimpin agama perspektif Islam

Terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam Islam untuk melambangkan pemimpin atau ketua. Di antaranya adalah *Imām*, *Khalīfah*, *Amīr al-Mu'minīn*, *Ulil-amr*, *Syaikh* dan *Sayyīd*.¹⁸⁷ Walaubagaimanapun tidak terdapat sebarang istilah khusus untuk menghuraikan istilah pemimpin agama melainkan gabungan istilah 'pemimpin' dan 'agama' sebagaimana yang dihuraikan di dalam bahagian definisi Pemimpin Agama sebelum ini. Oleh itu konsep pemimpin agama di dalam Islam adalah juga merujuk kepada konsep pemimpin atau ketua di dalam Islam.

Di dalam penulisan-penulisan mahupun kajian-kajian berkaitan dengan kepimpinan dalam Islam, penulis dapat membuat rumusan bahawa ciri-ciri pemimpin Islam terbahagi kepada dua perspektif. Pertama bersifat asas dan kedua bersifat semasa atau kontemporari.

¹⁸⁷ Sebagai contoh istilah *Khalīfah* terdapat di dalam Sūrah al-Baqarah (2:30) dan Sūrah Yūnus (10: 14), istilah *Imām* terdapat di dalam Sūrah al-Baqarah (2: 124), Sūrah al-Furqān (25: 74) dan Sūrah al-Anbiyā'(21: 73. Manakala istilah *Ulil-amr* terdapat di dalam Sūrah al-Nisā'(4: 59). Rujuk juga penerangan berkaitan istilah *Imām*, *Khalīfah*, *Amīr al-Mu'minīn*, *Ulil-amr* dalam Ahmad Kazemi Moussavi, "Muslim Leadership: Towards the Establishment of an Ideal Muslim Leadership of the 21 st Century" (Kertas Kerja *International Seminar on Islamic Leadership* di Universiti Malaya, 19 -20 Jun 2001), 1- 3.

Pertama: Ciri-ciri asas yang perlu ada pada pemimpin itu adalah seperti; (1) Berakhlaq, (2) Ber‘ilmu (*Knowledgable*), (3) Bijaksana/Hikmah (*Wisdom*), (4) Bertanggungjawab (*Responsible*), (5) Berkuasa sebagai pemutus (*Authority*) dan (6) Cekap (*Competence*)¹⁸⁸, (7) ‘Adil (*Justice*) dan Berani (*Courage*).¹⁸⁹ Selain daripada itu pemimpin juga harus mempunyai ciri-ciri seperti (7) Pembimbing (*Guidance*) dan (8) Sikap Ta‘at dan Patuh (*Obedience*) kepada agama.¹⁹⁰

Kedua: Ciri-ciri yang bersifat semasa atau kontemporari ini adalah seperti (1) berpandangan jauh dan menerima cabaran (*Visionary and Accept Challenges*). Ciri-ciri ini dapat disimpulkan seperti; “*determined and confident in their sense of direction, unafraid to take risk, bold and courages, inspiring and uplifting*”.¹⁹¹ (2) Bersifat Dinamik (*Dynamic leadership*). Ia bermaksud; “*leadership must be well-informed*”, harus mempunyai kekuatan intelektual yang luar biasa “*intellectual prowess*” iaitu “*the ability of scientific analysis in all sphere of discipline*”, di samping mempunyai daya pemikiran yang tinggi “*thinking capacity*”. Ini adalah amat penting kerana jika pemimpin tidak mempunyai daya pemikiran yang tinggi maka akan menyebabkan dan meletakkan ummah di dalam situasi atau posisi yang sama yang tidak mampu membentuk kemajuan dan perubahan¹⁹² (3) Mempunyai ciri-ciri Perubah (*Transforming leadership*) iaitu “*who can change attitude of the ummah, polishing their potential, and refreshing dynamism of the Islamic doctrines and values based in the Qur’an and*

¹⁸⁸ M. Yusuf Husain, “Akhlak, Knowledge, Wisdom, Responsibilities and Competence of Muslim Leaders” (Kertas Kerja *International Seminar on Islamic Leadership* di Universiti Malaya, 19 -20 Jun 2001), 1-14.

¹⁸⁹ Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan Dalam Islam*, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1994), 77-84.

¹⁹⁰ Ahmad Kazemi Moussavi, “Muslim Leadership:”, 1- 3.

¹⁹¹ Muhammad Nur Manuty, “Dynamic of Leadership and Approach in Islamic Resurgence” (Kertas Kerja *Seminar on Managing Leadership Towards The 21st Century* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 30-31 Julai 1994), 1.

¹⁹² *Ibid.*

Sunnah”.¹⁹³ (4) mempunyai ciri Perancang terbaik (*Good Planner*), iaitu “ *who have capacity of planning the future goals*”. Tanpa ciri ini maka ummah akan kelihatan suram dan lesu (*bleak situation*) serta bersifat kaku (*stagnant situation*).¹⁹⁴ Selain itu pemimpin juga harus mempunyai ciri-ciri seperti “(5) *Enlist followers to support the vision*, (6) *Enables others to act; in other word he empowers others in order to give them a chance to become leaders in their own right*, (7) *Motivates and encourages others*, (8) *[Being] a role model for subordinate to follow*”.¹⁹⁵

2.3.1(b) Peranan pemimpin agama Islam dalam masyarakat Muslim – Menjalankan Intra Dialog.

Perbincangan pada bahagian ini tidak akan menyentuh peranan pemimpin agama dalam hal ehwal Islam dan masyarakat Muslim seperti berperanan dalam aspek (1) Agama dan Da’wah¹⁹⁶ secara khusus, (2) Sosial dan Pendidikan, (3) Politik dan Perundangan dan

¹⁹³ *Ibid.*

¹⁹⁴ *Ibid.*, 2.

¹⁹⁵ Ahmad Sarji Abdul Hamid, “Managing Leadership Towards The 21st Century” (Kertas Kerja di Seminar on Managing Leadership Towards 21st Century pada 30-31 Julai 1994), 10-11.

¹⁹⁶ Dalam konteks dialog antara agama aspek da’wah merupakan kerangka besar dalam menyampaikan risalah Islam sama ada dalam masyarakat beragama Islam mahupun kepada masyarakat bukan beragama Islam. Manakala dialog pula adalah salah satu *minhaj* atau pendekatan, teknik, kaedah, cara atau jalan untuk melaksanakan da’wah. Oleh itu dalam penyelidikan ini pemimpin agama dilihat mempunyai peranan yang amat besar sebagai da’i untuk meneruskan risalah da’wah Nabi Muhammad S.A.W. Rujuk, Muhammad al-Sayyid al-Wakīl, *Usus al-Da’wah wa Adāb li al-Du’āh*, cet. ke-3, (Madīnah: Dār al-Mujtama’, 1991), 116-125; ‘Abdul Rahman Hasan, *Fiqh al-Da’wah ila Allah*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1996), 15-16; ‘Abd Allāh Nasīb ‘Ulwān, *Ilā Warathah al-Anbiyā*, cet. ke-3, (Qaherah: Dār al-Salām, 1983), 80. Ini adalah kerana dalam perspektif Islam melaksanakan amar ma’ruf nahī munkar adalah kewajiban setiap Muslim, tambahan lagi sebagai Muslim yang memikul tanggungjawab sebagai pemimpin (Pemimpin Agama). Sebagaimana firman Allah di dalam Sūrah Ali ‘Imran ayat 104 yang bermaksud “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar...” dan dalam ayat 110 pula Allah berfirman yang bermaksud, “Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah...” Dalam menghuraikan ayat 104 Sūrah Ali ‘Imran di atas al-Qurtūbī menjelaskan bahawa umat Islam adalah umat yang terbaik keimanannya kepada Allah S.W.T serta mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi untuk memimpin dunia. Oleh itu bagi pemimpin agama Islam mereka harus melaksanakan tanggungjawab tersebut terutama di dalam proses menjalin hubungan antara agama serta berperanan sebagai pengantara penyelesaian konflik antara agama. Rujuk, Al-Qurtūbī, *al-Jami’ li Ahkām al-Qur’ān*, cet. ke-5, (Beirut: Dār al-Kutub al ‘Ilmiyyah, 1996), 2: 109-111.

(4) Ekonomi dan Pengurusan.¹⁹⁷ Tetapi fokus perbincangan hanya akan menyentuh peranan yang harus dilaksanakan pemimpin agama dalam menanam prinsip asas hubungan antara agama kepada masyarakat Muslim terhadap masyarakat bukan Muslim atau digelar sebagai *ahl al-dhimmah*.¹⁹⁸ Dalam konteks kajian ini proses ini sebut sebagai Intra Dialog. Ini adalah kerana jika maklumat yang tepat bagaimana Islam membina hubungan antara agama tidak diterapkan kepada masyarakat Muslim maka hubungan baik antara masyarakat Muslim dan bukan Muslim khususnya Kristian sebagaimana fokus kajian ini tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu sudah pasti permasalahan mahupun konflik antara agama akan terus berlaku. Justeru pemimpin agama harus berperanan dalam mendidik masyarakat Muslim akan prinsip-prinsip asas hubungan antara agama sebagaimana yang disarankan oleh Islam yang merangkumi dua aspek penting iaitu aspek keadilan dan toleransi.¹⁹⁹

Jika diteliti dalam Piagam Madinah²⁰⁰ kajian juga mendapati bahawa telah wujud pelaksanaan intra dialog dan komunikasi dalaman di antara masyarakat Muslim

¹⁹⁷ Hamizan bt. Abd. Azizi, "Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan Pandangan Islam Mengenaunya" (Disertasi Ijazah Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 2001), 158-173.

¹⁹⁸ *Ahl al-Dhimmah* beerti mereka iaitu masyarakat bukan Muslim yang mendapat jaminan keamanan daripada Allah, Rasul dan masyarakat Muslim dengan perjanjian untuk hidup di bawah perlindungan Islam serta berada dalam masyarakat Muslim dengan aman. Untuk maklumat lanjut berkaitan *ahl al-Dhimmah* sila rujuk; Al-Qardawi, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*, cet. ke-3, Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1992), 9

¹⁹⁹ Di antara aspek keadilan dan toleransi yang telah digariskan oleh Islam dalam konteks hubungan antara agama terutama dengan *ahl al-Dhimmah* adalah seperti (1) perlindungan daripada serangan musuh, (2) memelihara mereka daripada sebarang bentuk kezaliman dan penindasan, (3) melindungi dan memelihara daripada sebarang pencerobohan harta benda serta kehormatan diri, (4) perlindungan semasa dalam keadaan uzur, tua dan kemiskinan, (5) menjamin hak kebebasan beragama, (6) kebebasan bekerja dan mencari rezeki. Perkara-perkara di atas telah diterangkan oleh Al-Qardāwī di dalam Fasal Satu yang bertajuk *Huqūq alh al-Dhimmah* di dalam bukunya yang bertajuk *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*. Maklumat lanjut sila rujuk Al-Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*, cet. ke-3, 9-23. Rujuk juga penerangan lain seperti hak dalam (1) perlindungan tempat tinggal, (2) hak terhadap kemudahan awam, (3) kebebasan berkumpul dan mengeluarkan pendapat, (4) hak dalam kehakiman dan penghakiman negara, (5) hak dalam pendidikan dan (6) hak dalam politik dalam Abd Karim Zaidan, *Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Musta'minīn*, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1976), 78-155.

²⁰⁰ Piagam Madinah adalah piagam bertulis pertama atau Perlembagaan Negara Islam pertama yang telah dibangunkan oleh Nabi Muḥammad S.A.W sebagai ketua negara dan juga sebagai pemimpin Islam untuk dijadikan panduan kehidupan bersama masyarakat bukan Islam di Madinah di mana pimpinan Nabi Muḥammad di terima oleh semua pihak termasuk masyarakat yahudi. Di antara perkara asas yang terdapat di dalam piagam ini adalah (1) Pembentukan Ummah (*Nation*) atau bangsa bagi sesebuah Negara

Madinah iaitu dialog dalaman umat Islam²⁰¹ dalam menerangkan bagaimana harus membina hubungan bersama masyarakat bukan Muslim sebagaimana disebut dalam beberapa fasal iaitu dalam fasal 14, 15, 16, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, dan 37a yang berbunyi;

“14. And no Believer shall kill (yaqtulu) an other Believer in retaliation for an unbeliever (kāfir), nor shall he help an unbeliever against a Believer. 15. And verily the protection (dhimmah) of God is one; the humblest (adnā) of them (i.e. of the Believer) can, by extending his protection to anyone, put the obligation on all of them; and verily the Believer are brethren to one another (mawālī) as against all the people (of the world). 16. And verily those who will obey us from among the Jews will have help and equality; neither shall they be oppressed nor shall any help be given against them. 25. And verily the Jews of the Banū ‘Awf shall be considered as a community (ummah) along with the Believers, for the Jews being their religion and for Muslims their religion, be one client or original member of the tribe; but whosoever shall be guilty of oppression or violation (of treaty), shall put to trouble none but his own person and the members of his house (ahl bait). 26. And verily the Jews of Banu’n-Najjār shall have the same rights as the Jews of the Banū ‘Awf. 27. And verily the Jews of the Banu’l-Hārith shall have the same rights as the Jews of the Banū ‘Awf. 28. And verily Jews of the Banū Sā‘idah shall have the same rights as the Jews of Banū ‘Awf. 29. And verily the Jews of the Banū Jusham shall have the same rights as the Jews of the Banū ‘Awf. 30. And verily the Jews of Banu’ l-Aws shall have the same rights as the Jews of the Banū ‘Awf. 31. And verily the Jews of

Islam, (2) Rupa bentuk kerakyatan/ kewarganegaraan sesebuah Negara, (3) Hak sama rata di antara sesame warganegara, (4) Negara kebajikan dan menolak kejahatan, (5) Bentuk kehormatan ibukota Madinah, (6) Menegah kedurjanaan, (7) Menegah melindungi orang-orang jahat, (8) Dasar kejiwaan, (9) Mentadbir keamanan negeri, (10) Rujukan ketika berselisih pendapat dan (11) Ukhuwah (persaudaraan) di Antara golongan Muhajirin dan golongan Ansar. Maklumat lanjut fasal-fasal dalam Piagam Madinah telah dirujuk dalam, Muhammad Hamidullah, *The First Written-Constitution In the World*, cet. ke-2, (Lahore: Ashraf Press, 1968). Halaman 41-54 (teks Bahasa Inggeris) dan halaman 55 dan 68 (teks Bahasa ‘Arab). Penulis juga telah merujuk kepada *Piagam Madinah*, terj. Abu Bakar Hamzah, cet. 1, (Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif, 1985), 1-13 (teks Bahasa Malaysia). Penulis juga telah merujuk perbincangan Piagam Madinah dan kaitannya dengan proses dialog dan komunikasi antara anggota (Islam dan bukan Islam) dalam Aunur Rafiq, “Perdamaian Menurut Perspektif Al-Qur’an: Analisa Tentang Hubungannya Dengan Piagam Madinah”, (tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Al-Qur’an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009). Dalam lampiran tesis ini juga dapat membantu penulis merujuk teks Piagam Madinah dalam bahasa ‘Arab yang dirujuk oleh pengkaji dalam Muhammad Husain Haikal, *Hayāh Muḥammad*, cet. ke-5, (Kaherah: al-Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyah, 1952), 225-227. Rujuk juga Muhammad Husain Haikal, *Sejarah Hidup Muḥammad*, terj. ‘Ali Audah, cet. ke-11, (Jakarta: PT Tintamas Indonesia, 1982), 221-225.

²⁰¹ Aunur Rafiq, “Perdamaian Menurut Perspektif Al-Qur’an: Analisa Tentang Hubungannya Dengan Piagam Madinah”. Pengkaji ini juga mendapati bahawa wujud pelaksanaan dialog dalam Piagam Madinah. Bahkan jika diteliti secara saksama hampir seluruh kandungan Piagam Madinah berkait rapat dengan proses dialog dan komunikasi antara anggota piagam tersebut. Rujuk halaman 189 tesis ini.

*the Banū Tha'labah shall have the same rights as the Jews of Banū 'Awf; but whosoever shall be guilty of oppression and violation of treaty shall put to trouble none but his own person and the members of his house. 32. And verily the Jafnah is a branch of the (tribe of) Tha'labah, even like them. 33. And verily the Banu'sh-Shuṭaibah shall have the same rights as the Jews of the Banū 'Awf; and verily there shall be fulfilment and not violation. 34. And verily the clients of the Tha'labah shall have the same rights as the original members. 35. And verily the sub-branches (biṭānah) of the Jews shall have the same rights as the principle members. 37a. And verily the Jews shall bear their expenses (of war) and the Muslims shall bear their expenses; and verily they shall aid between them as against those who fight the parties (ahl) to this document (ṣaḥīfah), and there shall be sincere counsel and well-wishing between them; and there shall be fulfilment (of pledge) and not violation.*²⁰²

Jika diteliti kajian mendapati bahawa di antara fasal-fasal yang dinyatakan di atas boleh dikategorikan sebagai asas atau prinsip yang telah dibangunkan oleh Nabi S.A.W selaku pemimpin Islam dan ketua negara yang perlu diaplikasi oleh masyarakat Muslim dalam membina hubungan dengan masyarakat bukan Muslim. Sebagai contoh, masyarakat yahudi berhak mendapat pertolongan dan santunan, tidak boleh dibunuh sesuka hati selagi mana mereka tidak menentang dan menzalimi masyarakat Muslim, memberi kebebasan beragama dan mengangkat mereka sebagai satu ummah dengan masyarakat Muslim sepertimana Bani 'Auf dan bani-bani yang disebut di atas kecuali kepada golongan yang zalim dan jahat.

Maka kajian mendapati bahawa pelaksanaan intra dialog telah berlaku seawal tahun pertama hijrah lagi dalam masyarakat berbilang agama seperti di Madinah. Dan yang paling penting adalah kandungan intra dialog tersebut mengajak masyarakat Muslim untuk membangunkan hubungan baik bersama masyarakat bukan Muslim dengan berpandukan asas-asas yang jelas sepertimana terkandung dalam sebahagian fasal Piagam Madinah. Justeru itu dalam konteks masyarakat majmuk kini seharusnya

²⁰² Muḥammad Hamidullah, *The First Written-Constitution In the World*, 46-48 dan 51.

intra dialog ini dijadikan satu platform meningkatkan kefahaman terhadap sesebuah agama, mengurangkan salah faham, meningkatkan toleransi dan akhirnya dapat mengurangkan konflik antara agama.

Justeru dalam bahagian seterusnya penulis akan meneliti prinsip-prinsip asas hubungan antara agama yang telah ditetapkan oleh Islam yang perlu diterapkan oleh pemimpin agama Islam kepada masyarakat Muslim dalam siri-siri intra dialog yang ingin dilaksanakan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Muslim bagaimana Islam membina hubungan terhadap masyarakat bukan Muslim. Di antara prinsip-prinsip asas hubungan antara agama²⁰³ tersebut adalah seperti :

Pertama: Islam telah menekankan tentang keperluan untuk memuliakan dan menghormati manusia sebagai manusia tanpa melihat pada agama, bangsa mahupun warna kulit.²⁰⁴ Penegasan ini telah dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Qur'ān yang bermaksud;

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan”

Terjemahan Sūrah al-Isrā' (17): 70

²⁰³ Penerangan prinsip-prinsip ini telah dirujuk kepada, Al-Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*, 53 – 55; Abd Karim Zaidan, *Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Musta'minīn*, 78-155; Al-Maudūdī, *Hak-hak Bukan Islam dalam Negara Islam*. terj. Zahazan Mohamed, (Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd., 2000), 24- 43; Ahmad Ibrahim et al. *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*, ed. Abdul Munir Yaacob dan Sarina Othman, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995); H. M. Hidayat Nur Wahid, *Mengelola Masa Transisi Menuju Masyarakat Madani*, Jakarta: Fikri Publishing, 2004), 59-63.

²⁰⁴ *Ibid*; Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*, 53.

Daripada ayat ini terbit konsep hak asasi di dalam Islam.²⁰⁵ Islam mengutuk sekerasnya idea diskriminasi keturunan dan agama, bangsa dan budaya, sama ada Yahudi (*Jew*) dan bukan Yahudi (*Gentiles*), ‘Arab dan bukan ‘Arab (*‘Ajam*), mahupun berbangsa Eropah (*European*) dan Asia (*Asiatic*) serta berkulit putih ataupun hitam. Semua ciptaan Allah S.W.T adalah sama kecuali aspek taqwa yang akan membezakan mereka. Sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu”

Terjemahan Sūrah al-Hujurāt (49):13

Merujuk kepada perbincangan ini Al-Maudūdī menyatakan, “ *Islam does not believe in false distinction of race, colour or territories, it always keeps the door open for them to embrace Islamic principles of life and become equal participants in all matters...*”²⁰⁶

Berhubungkait dengan huraian di atas, Islam telah menegaskan bahawa wahyu Allah itu adalah bersifat universal. Maka dengan ini segala panduan yang terdapat di dalamnya juga bersifat universal dan tidak dimonopoli oleh mana-mana bangsa mahupun agama.²⁰⁷ Begitu juga kepada para rasūl terdahulu di mana kepada mereka Allah S.W.T telah menurunkan wahyunya untuk disampaikan kepada manusia seluruhnya. Allah telah berfirman yang bermaksud,

²⁰⁵ Ghazali Basri, “A Comparative Study on Religious Tolerance”, 305

²⁰⁶ Al-Maudūdī, *The Islamic Law and Constitution*, (Lohore: Islamic Publication, 1977), 264.

²⁰⁷ Ghazali Basri, “A Comparative Study on Religious Tolerance”, 306.

“...Kami tidak membeza-bezakan antara seorangpun (dengan yang lain) dari rasūlNya..”

Terjemahan Sūrah al-Baqarah (2):285

Kedua: Penegasan untuk mematuhi sepenuhnya prinsip kebebasan beragama iaitu tiada paksaan dalam beragama terhadap masyarakat bukan Muslim.²⁰⁸ Islam secara empatinya bukan sahaja menghargai manusia tetapi juga turut menghargai agamanya. Oleh sebab itu tidak wujud paksaan agama di dalam Islam terhadap bangsa dan penganut agama lain kerana ini turut membuktikan bahawa Islam itu adalah agama yang menghormati dan memuliakan manusia. Allah telah berfirman;

“Tidak ada paksaan untuk(memasuki) agama(Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat.Kerana itu barang siapa yang ingkar kepada Taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada bahu tali yang amat kuat yang tidak akan putus”

Terjemahan Sūrah al-Baqarah (2):256

Ayat di atas amat jelas menunjukkan bahawa Islam tidak memaksa masyarakat bukan Muslim untuk menganuti Islam. Dalam ayat ini al-Qurtūbī dan Sayyid Qutb telah menerangkan bahawa perkataan paksaan ini adalah dirujuk sebagai paksaan memeluk Islam. Oleh itu amat jelaslah bahawa Islam tidak memaksa sesiapaupun dari kalangan bukan Muslim untuk memeluk Islam. Bahkan hanya menerima mereka yang memasuki

²⁰⁸ Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī*, 18; Abd Karim Zaidan, *Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Mustakminīn*, 95-99; Rujuk juga Ahmad Ibrahim, “Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia”, dalam *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*, ed. Abdul Munir Yaacob dan Sarina Othman, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 12-18; Mat Saad Abdul Rahman, “Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam (622M – 1924M)”, dalam *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*, ed. Abdul Munir Yaacob dan Sarina Othman (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 56-61.

Islam dengan ikhlas dan rela hati tanpa paksaan.²⁰⁹ Masyarakat bukan Islam juga tidak boleh dijadikan mangsa keadaan diskriminasi mahupun ketidakadilan hanya kerana mereka telah menjadi atau menganut mana-mana kepercayaan dan agama. Ini juga bermaksud masyarakat bukan Muslim bebas memilih undang-undang, hukum negara serta bebas mengamalkan agama dan budaya kehidupan mereka sendiri. Hal ini telah ditegaskan sendiri oleh Nabi Muḥammad S.A.W di dalam Piagam Madinah di mana telah dipersetujui oleh pemimpin Yahudi dan Musyrik di Madinah, sebagaimana berbunyi:

“Section 1: This is a prescript (kitāb) of Muḥammad, the Prophet [the Messenger of God] to operate among the Faithful Believer (mū’minīn) and the Submissive to God (muslimīn) from among the Quraish and [the people of] Yathrib and those who may be under them and join them and take part in wars in their company. Section 25: And verily the Jews of the Banū ‘Awf shall be considered as community (ummah) along with the Believers, for the Jews being their religion and for the Muslim their religion...”²¹⁰

Selain itu Islam juga melarang untuk memperkecil-kecilkan, merendahkan mana-mana kepercayaan, mencemuh budaya dan agama lain (*cultural and religious ridicule*) sama ada kepercayaan itu betul ataupun salah, sehinggakan tidak dibenarkan untuk memburuk-burukkan atau mencaci dan menghina tuhan-tuhan mereka.²¹¹ Di samping itu juga masyarakat Muslim diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk memelihara rumah-rumah ibadah bukan Islam²¹² di mana terdapat nama tuhan-tuhan mereka di dalamnya tidak kira sama ada *synagogue* (tempat orang Yahudi bersembahyang), gereja, kuil dan sebagainya. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T bermaksud;

²⁰⁹ Maklumat lanjut rujuk; Al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkām al-Qur’ān*, (Qāhīrah: t.p, t.t), 3: 279. Rujuk juga Sayyid Qutb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān*, cet. ke-10, (Qāhīrah: Dār al-Syurūq, 1972), 1: 290.

²¹⁰ Muhammad Hamidullah, *The First Written-Constitution In the World*, 41 dan 48.

²¹¹ Farooq Hassan, *The Concept of State And Law In Islam*, (USA: A University Press of America, 1981), 235.

²¹² Maklumat lanjut berkaitan dengan perbincangan hak pembinaan rumah ibadah bukan Islam iaitu merangkumi (1) pembinaan dan pembaharuan rumah ibadah dan (2) berkaitan dengan syiar agama mereka, rujuk Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama’ al-Islāmī*, 20-22; Abd Karim Zaidan, *Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Mustakminīn*, 96-99. Rujuk juga, Al-Maudūdī, *Hak-hak Bukan Islam dalam Negara Islam*, 32-35.

“...Dan sekiranya Allah tiada menolak(keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadah orang Yahudi dan masjid-masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allah”

Terjemahan Sūrah al-Hajj (22):40

Ketiga: Penegasan tentang perbezaan agama di kalangan manusia berlaku atas kehendak Allah S.W.T.²¹³ Ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam al-Qur’ān yang bermaksud;

“Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat”

Terjemahan Sūrah Hūd (11):118

Apa yang dimaksudkan di sini adalah, Islam telah menyemai ke dalam kefahaman penganutnya untuk mengakui realiti kepelbagaian agama (*religious pluralisme*) dan cabang-cabangnya, bahkan turut menghormati fenomena ini sebagai *divine phenomenon*²¹⁴ iaitu tentang kewujudan agama –agama lain adalah atas kehendak Allah. Allah telah menegaskan di dalam al-Qur’ān yang bermaksud;

“Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya(sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu(dalam berbuat) kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maka Kuasa atas segala sesuatu”

Terjemahan Sūrah al-Baqarah (2):148

²¹³ *Ibid.*, Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama’ al-Islāmī*, 54

²¹⁴ Ghazali Basri, “A Comparative Study on Religious Tolerance”, 307.

Selain itu Islam mengakui bahawa Allah adalah pemilik kepada semua keimanan (*creeds*) atau sistem kepercayaan (*belief system*) di mana semuanya adalah aturan Allah. Maka Allah juga telah mengajak dan menyeru mereka untuk bersatu denganNya (memilih jalan yang diredhaiNya). Sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

“Dan katakanlah: Kebenaran itu datang dari Tuhanmu; maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barangsiapa yang ingin(kafir) biarlah ia kafir...”

Terjemahan Sūrah al-Kahfi (18):29

Walaupun Islam menerima kepelbagaian agama (*religious pluralisme*)²¹⁵ serta menghormati perbezaan pendapat di kalangan penganut agama yang berbeza latar belakang, budaya, agama, bangsa dan etnik, seperti yang dinyatakan oleh al-Qur’ān,²¹⁶ tetapi pemimpin agama perlu pada masa yang sama menekankan kepentingan mengelakkan relativisme dan sinkretisme agama kepada umat Islam.²¹⁷ Relativisme dalam agama adalah satu pendirian bahawa kebenaran adalah relatif dan semua agama mengandungi unsur kebenaran maka ia adalah sama. Kepada umat Islam, kebenaran adalah mutlak iaitu "Keesaan Tuhan" dan kebenaran bergantung kepada pengetahuan dan bimbingan diturunkan oleh Allah yang terpelihara di dalam Al-Qur’ān dan mesti

²¹⁵ Aunur Rafiq dalam menyimpulkan permasalahan kefahaman pelaksanaan dialog dalam Piagam Madinah terutama yang berkaitan penerimaan dan penolakan konsep pluralism dalam dialog antara agama, beliau telah menyenaraikan beberapa model paradigma dialog iaitu (1) *Exclusive paradigm*, (2) *Inclusive paradigm*, (3) *Indifferent pluralism paradigm* dan (4) *Pluralism dialogue paradigm* dan beliau telah memilih paradigma yang ke 4 sebagai asas yang sesuai untuk umat Islam menjalankan dialog bersama masyarakat bukan Muslim. *Pluralism dialogue paradigm* ini diuraikan oleh beliau sebagai, “paradigm ini meyakini bahawa kewujudan iman dan agama yang dianutnya dianggap sebagai paling dapat dipertanggungjawabkan di hadapan khaliq. Namun di sisi lain ia tetap meyakini eksistensi agama lain yang patut dihormati dan ditempatkan satu darjat dengan agamanya dalam konteks dialog”. Beliau juga menambah bahawa, “Paradigma ini dilihat bahawa pengalaman keagamaan dan fungsi sosiologis setiap agama yang sejuak dan mendamaikan boleh menjadi sumbangan yang amat penting bagi mewujudkan *peace building* dunia”, “Paradigma yang keempat ini cukup sesuai dengan Piagam Madinah, sebab kandungan piagam ini pun lebih mengambil berat kepada masalah interaktif positif setiap agama dan pewujudan perdamaian”. Maklumat lanjut rujuk, Aunur Rafiq, “Perdamaian Menurut Perspektif Al-Quran.”, 204-207.

²¹⁶ Rujuk Sūrah al-Hujurāt (49):13.

²¹⁷ Hashim Musa, “Islam dan Dialog Antara Peradaban: Konsep dan Idealisme”, dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2005), 20-21.

dilaksanakan tanpa kompromi. Oleh itu dalam perkara yang melibatkan aspek akidah, ibadah dan hukum hakam maka hendaklah diakui ia tetap berbeza sebagaimana firman Allah;

“Katakan wahai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, bagi kami agama kami”.

Terjemahan Sūrah al-Kāfirūn(109: 1-6)

Keempat: Tugas Rasūlullāh S.A.W adalah mengingatkan manusia, bukan memaksa mereka menganut dan beriman kepada Allah. Selain itu bukan juga untuk menyoal kekufuran orang kafir di dunia ini.²¹⁸ Hal ini telah ditegaskan oleh Allah S.W.T di dalam al-Qur’ān yang bermaksud;

“Maka berilah peringatan, kerana sesungguhnya kamu hanyalah orang yang memberi peringatan. Kamu bukanlah orang yang berkuasa atas mereka”

Terjemahan Sūrah al-Ghāsyiah (88):21-22

Selain itu Allah juga telah menegaskan prinsip yang sama dalam firmanNya yang bermaksud;

“Maka kerana itu serulah(mereka kepada agama itu – Islam) dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikut hawa nafsu mereka dan katakanlah: Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal

²¹⁸ Qardāwī, *Ghayr al-Muslimīn fī al-Mujtama’ al-Islāmī*, 54

kamu. Tidak ada pertengkaran antara kami dan kamu. Allah mengumpulkan antara kita dan kepadNyalah(kita) kembali”

Terjemahan Sūrah al-Syūra (42):15

Kelima: Penegasan Islam untuk masyarakat Muslim berlaku ‘adil walaupun kepada masyarakat bukan beragama Islam.²¹⁹ Allah telah menegaskan prinsip ini sebagaimana firmanNya yang bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan ‘adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak ‘adil. Berlaku ‘adillah kerana ‘adil itu lebih dekat kepada taqwa”

Terjemahan Sūrah al-Māidah (5):8

Dalam mengulas ayat ini Al-Qurtūbī telah menyatakan bahawa orang bukan Islam tidak terhalang daripada mendapat sebarang keadilan.²²⁰

Keenam: Ketua agama terutamanya Islam, harus memberi penekanan kepada masyarakat Islam agar meninggalkan amalan negatif yang boleh membawa kepada konflik terutama konflik antara agama seperti (a) ekstremisme: terlalu melampau dalam menterjemah dan melaksanakan peraturan atau keputusan, (b) chauvinisme (ta'asub): menerima hanya pemikiran sendiri atau pandangan dari kumpulan tertentu sebagai yang terbaik, manakala yang lain perlu ditentang dan disangkal, (c) fanatik: bertindak balas

²¹⁹ *Ibid.*, 55.

²²⁰ Al-Qurtūbī, *al-Jami' lī Ahkām al-Qur'ān*, 6: 110. Rujuk juga ayat dalam Sūrah al-Mumtahanah (60): 8-9.

secara membuta tuli dalam mengikut atau melaksanakan tindakan tertentu tanpa mengambil kira pertimbangan lain.²²¹

Ketujuh: Ketua agama juga harus menekankan tentang aspek titik persamaan dan sifat-sifat universal dalam agama dan budaya seperti aspek moral, etika, pembangunan kemanusiaan, kekeluargaan, kebajikan, ekonomi, sains, teknologi dan prasarana. Di antara prinsip universal yang ditekankan oleh Islam adalah seperti (1) satu nenek moyang yang sama iaitu Adam dan Hawa, (2) satu kemanusiaan sejagat, (3) kebaikan fitrah kejadian manusia sejagat, (4) hikmah dalam kepelbagaian bangsa dan budaya manusia, (5) keadilan sejagat bagi semua manusia, (6) nilai-nilai moral yang murni dan sejagat seperti baik hati, berdikari, berkhemah tinggi, hormat-menghormati, belas kasihan, kerjasama, kesederhanaan dan semangat bermasyarakat.²²²

Kelapan: Ketua agama Islam juga perlu menegaskan bahawa agama Islam menggalakkan umatnya untuk berdialog dengan masyarakat bukan Islam. Sebagaimana firman Allah dalam Sūrah al-Nahl (16):125,

“Serulah(manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berdebatlah[berdialoglah] dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalannya dan juga lebih mengetahui tentangnya yang mendapat hidayat”.

Terjemahan Sūrah al-Nahl (16):125

²²¹ Hashim Musa, “Islam dan Dialog Antara Peradaban: Konsep dan Idealisme”, 17.

²²² *Ibid.*, 21-22. Di Antara ayat-ayat al-Qur’ān yang menyentuh nilai-nilai universal ini adalah seperti Sūrah al-Nisā’ (4):1, 135, Sūrah al-Baqarah (2): 136, Sūrah Saba’ (34): 28, Sūrah al-Nahl (16): 97, Sūrah al-Māidah (5): 2, 8 Sūrah al-Qasaş (28): 55, Sūrah al-Furqān (25): 63.

Allah turut berfirman yang bermaksud,

“Dan janganlah kamu berdebat[berdialog] dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik kecuali orang-orang yang zalim dari mereka...”.

Terjemahan Sūrah al-‘Ankabūt(29):46

Walaubagaimanapun terdapat panduan pelaksanaan yang harus difahami dengan jelas serta persediaan dalaman mahupun luaran sebelum melibatkan diri dengan aktiviti dialog ini.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian juga adalah, jika diteliti kepada aplikasi pelaksanaan dialog antara agama yang dilaksanakan oleh Nabi S.A.W ia mempunyai beberapa peringkat dan setiap peringkat itu juga berdasarkan kepada tujuan, keadaan dan situasi. Di antaranya, dialog juga adalah (1) medan da’wah dalam Islam sama ada da’wah kepada dalaman masyarakat Muslim (intra dialog) mahupun da’wah kepada masyarakat bukan Muslim (inter dialog). (2) Terdapat beberapa peringkat dialog iaitu: peringkat berdialog dengan konsep toleransi yang tinggi, (2) peringkat berdebat dan (3) peringkat bermubāhalah (bersumpah maut).²²³ Pada pandangan penulis bahagian ini harus dijelaskan oleh pemimpin agama Islam kepada masyarakat Muslim melalui intra dialog dan kepada pemimpin agama Kristian melalui inter dialog. Ini adalah kerana ia ditakuti akan menimbulkan kekeliruan tentang tujuan dan matlamat utama realiti pelaksanaan dialog antara agama di dalam Islam kerana mempunyai unsur da’wah, debat dan mubāhalah (sumpah maut).

²²³ Huraian berkaitan dengan aplikasi dialog oleh Nabi S.A.W telah dihuraikan oleh penulis di dalam Bab Satu di bawah tajuk dialog “Perspektif Islam: Pelaksanaan Dialog Antara Agama oleh Rasulullah S.A.W”

Justeru dalam konteks semasa kajian mendapati bahawa peranan pemimpin agama dalam melaksanakan intra dialog dalam memberi kefahaman dan menerapkan prinsip asas hubungan antara agama di kalangan masyarakat Muslim keseluruhannya adalah amat penting. Ini adalah kerana jika berlaku sebarang perkara yang melibatkan tuntutan masyarakat bukan Muslim maka tindakan atau respon kepada tuntutan tersebut daripada mereka yang berwajib hendaklah bersifat objektif, ‘adil dan tidak prejudis atau berpihak. Selain itu intra dialog ini juga harus berstruktur dari aspek penyampaiannya kepada masyarakat Islam. Pada pandangan penulis di Malaysia ini masih belum wujud lagi model dialog antara agama mahupun intra dialog (komuniti sendiri) terutama bagi masyarakat Muslim. Oleh itu isu-isu, konflik mahupun penyelesaian konflik yang berlaku di antara Islam dan bukan Islam contohnya tidak sampai ke peringkat akar umbi masyarakat. Maka dengan ini akan menyebabkan tahap kefahaman masyarakat rendah dan seterusnya membentuk pemikiran yang negatif terhadap hubungan antara agama serta penolakan proses dialog antara agama.

2.3.1(c) Peranan pemimpin agama Islam dalam masyarakat majmuk – Menjalankan dialog antara agama

Selain lapan perkara asas sepertimana dalam huraian sebelum ini pemimpin agama juga perlu memahami dua lagi perkara penting berkaitan prinsip asas hubungan antara agama dan seterusnya berperanan dalam membina hubungan yang baik, bertoleransi dan ‘adil di kalangan masyarakat bukan Muslim. Dua perkara tersebut adalah;

Pertama: Keperluan kepada memahami konsep asas dialog antara agama. Pemimpin agama perlu memahami dengan jelas konsep asas dialog antara agama sebagaimana yang dituntut oleh Islam dan seterusnya melaksanakannya dengan perancangan yang lebih berstruktur. Konsep asas dialog antara agama ²²⁴ yang perlu difahami oleh pemimpin agama merangkumi; (1) definisi dialog antara agama termasuk intra dialog²²⁵, (2) tujuan, (3) prinsip, (4) panduan dan (5) peraturan.

Pada pandangan penulis kefahaman yang jitu kepada konsep asas dialog antara agama ini adalah merupakan salah satu faktor terpenting dalam memastikan proses dialog antara agama berjalan dengan lancar dan mempunyai toleransi yang tinggi tambahan lagi jika dialog tersebut adalah dialog penyelesaian konflik antara agama. Ini adalah kerana jika pemimpin agama yang berperanan sebagai panel atau wakil yang mewakili agama contohnya mewakili agama Islam tidak berilmu ²²⁶ tambahan lagi tidak mengetahui konsep asas ini maka sudah pasti proses dialog tidak akan berjalan dengan lancar. Oleh sebab itu juga ia menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini untuk melihat adakah kefahaman yang jelas terhadap konsep asas ini akan memberi kesan kepada hubungan sosial dan interaksi pemimpin-pemimpin agama.

²²⁴ Konsep asas dialog antara agama telah dibentuk dan dijelaskan oleh Khairulnizam secara terperinci dalam kajiannya dengan berlandaskan kepada perspektif Islam dan gabungan pandangan barat di mana masih lagi bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam. Konsep asas yang dibentuk itu merangkumi, definisi dialog, tujuan, prinsip, panduan dan peraturan. Sila rujuk matlumat lanjut dalam Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Dialog Antara Agamadi Malaysia:", 25-69.

²²⁵ Untuk maklumat lanjut berkaitan huraian definisi dialog antara agama secara lengkap termasuk kaitan dan perbezaan dialog dengan da'wah, debat dan *mubāhalah* sila rujuk Khairulnizam Mat Karim dan Suzy Aziziyana Sali, "Inter-Faith Dialogue: The Qur'ānic and Prophetic Perspective", *Journal of Usuluddin*, Bil. 29, (Jun 2009), 83-90.

²²⁶ Kamar Oniah, "InterDialogue-Moving Forward: Setting Premises and Paradigms", 131.

Kedua: Keperluan kepada membina hubungan baik, berinteraksi dan berdialog. Pemimpin agama harus membina hubungan dan berinteraksi dengan masyarakat bukan Muslim terutama pemimpin agama mereka sebagaimana fokus kajian ini sama ada secara formal mahupun tidak formal. Ini telah dijelaskan di dalam firman Allah S.W.T di dalam Sūrah al-Hujurāt yang menekankan kepada proses kenal-mengenal di kalangan bangsa yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T.²²⁷ Di samping itu Islam juga tidak melarang masyarakatnya untuk mempunyai hubungan yang baik terhadap masyarakat yang bukan beragama Islam selagi mana mereka mempunyai toleransi dan sikap yang baik dalam hubungan tersebut. Aspek ini juga telah diterangkan di dalam al-Qur’ān yang bermaksud;

“Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil pada orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku ‘adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang yang zalim”

Sūrah al-Mumtahanah (60): 8 -9

Ibnu ‘Abbās telah menerangkan bahawa, ayat ini menceritakan tentang Bani Khiz’ah di mana mereka telah membuat perjanjian damai untuk tidak memerangi umat Islam dan tidak juga akan membantu sesiapa sahaja untuk memerangi umat Islam. Perjanjian itu telah dilaksanakan di antara mereka dengan Rasūlullāh S.A.W.²²⁸ Sayyid Qutb pula dalam menghurai ayat yang sama seperti di atas beliau menyatakan bahawa Islam adalah agama perdamaian, agama akidah dan kasih sayang serta berperanan sebagai sistem yang melindungi seluruh dunia di bawah naungannya. Islam

²²⁷ Rujuk Sūrah al-Hujurāt ayat 13 yang bermaksud, “Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal”.

²²⁸ Al-Razi, *at-Tafsīr al-Kabīr*, (Qāhirah: al-Matna’ah al-Misriyah, 1938), 29: 34.

menitikberatkan pelaksanaan konsep di mana semua manusia di bawah kuasa Allah S.W.T sebagai bersaudara yang mempunyai hubungan yang rapat serta membangunkan sikap berkasih sayang. Maka tidak ada yang boleh menghalang tujuan ini kecuali sikap bermusuhan padanya dan sikap para pemeluknya. Sekiranya musuh-musuh menunjukkan sikap untuk berdamai maka sudah pasti Islam akan membina suatu perhubungan yang baik dan tidak memerangi mereka.²²⁹

Jika diteliti sekali lagi kepada kandungan Piagam Madinah kajian mendapati bahawa interaksi atau dialog antara masyarakat Madinah yang bersifat majmuk yang di pimpin oleh Nabi Muḥammad S.A.W telah pun berlaku terutama dalam 15 fasal²³⁰ dalam kandungan piagam tersebut. Ini adalah amat jelas dalam fasal-fasal tersebut wujudnya penghargaan terhadap kepelbagaian dan kebersamaan dalam membangun perdamaian²³¹ dengan Fasal 1²³² menjadi panduan asas agar dialog, komunikasi, interaksi secara konstruktif untuk kepentingan bersama perlu dibangunkan.²³³ Secara khusus pengkaji seperti Aunur Rafiq memberi penekanan terhadap keberkesanan fungsi Nabi Muḥammad S.A.W sebagai pemimpin agama bagi umat Islam dan juga ketua negara dalam merealisasikan dialog antara masyarakat majmuk di Madinah sebagaimana dinyatakan,

²²⁹ Sayyid Qutb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qurʿān*, cet. ke-10, (Qāhirah: Dār al-Syurūq, 1972), 6: 3544

²³⁰ Fasal-fasal tersebut adalah dalam fasal 1, 2, 24, 25, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45 dan 47.

²³¹ Aunur Rafiq, "Perdamaian Menurut Perspektif Al-Qur'an:", 193.

²³² Fasal 1 berbunyi, " *This is a prescript (kitāb) of Muḥammad, the Prophet [the Messenger of God] to operate among the Faithful Believer (mū'minīn) and the Submissive to God (muslimīn) from among the Quraish and [the people of] Yathrib and those who may be under them and join them and take part in wars in their company*". Rujuk, Muḥammad Hamidullah, *The First Written-Constitution In the World*, 41.

²³³ Maklumat lanjut berkaitan kupasan fasal-fasal tersebut dalam konteks kepentingan membina dialog dan interaksi antara pelbagai agama dalam sesebuah negara, rujuk Aunur Rafiq, "Perdamaian Menurut Perspektif Al-Qur'an:", 193-195.

“...dilihat bahawa pengalaman keagamaan dan fungsi sosiologis setiap agama yang sejuk dan mendamaikan boleh menjadi sumbangan yang amat penting bagi mewujudkan *peace bulbing* dunia. ... dan Muhammad S.A.W dengan Piagam Madinah telah merealisasikan dengan baik sesuai dengan tuntutan wahyu”.²³⁴

Kajian juga mendapati bahawa dialog yang bersifat perdebatan turut telah berlaku pada tahun pertama hijrah di antara Nabi Muḥammad S.A.W, kaum Yahudi Madinah dan Nasrani Najrān. Perdebatan tersebut bertujuan untuk membuktikan siapakah yang benar di antara mereka tentang tuhan yang wajib disembah iaitu Nabi Muḥammad S.A.W dengan konsep ketuhanan yang esa (*Tawhīd*), Nasrani dengan konsep tiga tuhan (*Trinity*) dan turut menjadikan Nabi ‘Īsā sebagai tuhan dan kaum Yahudi pula menjadikan ‘Uzayr sebagai putera Allah. Polemik ini akhirnya membawa kepada ajakan oleh Nabi Muḥammad S.A.W terhadap kaum Nasrani untuk saling berdoa (bermubāḥalah)²³⁵ manakala kaum Yahudi membuat perjanjian damai. Walaubagaimanpun akhirnya kaum Nasrani membuat keputusan untuk menolak ajakan tersebut dengan membiarkan Nabi Muḥammad S.A.W dengan agamanya dan kaum Nasrani dengan agama mereka.²³⁶

²³⁴ *Ibid.*, 206-207

²³⁵ Muḥammad Husain Haekal telah menerangkan di dalam tulisannya bahawa mubāḥalah itu adalah saling berdoa [bersumpah maut]. Nabi mangusulkan kepada pihak Kristian untuk mengadakan suatu mubāḥala, suatu pertemuan khidmat, dengan masing-masing pihak yang mempertahankan pendiriannya berdoa sungguh-sungguh kepada Allah agar Tuhan menjatuhkan laknat kepada pihak yang berdusta. Maklumat lanjut rujuk, Muḥammad Husain Haekal, *Sejarah Hidup Muḥammad*, 242.

²³⁶ Keseluruhan kisah perdebatan di antara Nabi Muḥammad dengan kaum Yahudi Madinah dan Nasrani Najrān rujuk, *Ibid.*, Muḥammad Husain Haekal, *Sejarah Hidup Muḥammad*, 239-244. Huraian berkaitan realiti pelaksanaan peringkat-peringkat dialog Nabi Muḥammad S.A.W rujuk, Khairulnizam Mat Karim dan Suzy Aziziyana Sali, “Inter-Faith Dialogue: The Qur’anic and Prophetic Perspective”, 83-90.

Dengan perbahasan di atas, kajian mendapati bahawa Nabi Muḥammad S.A.W telah melaksanakan proses dialog dalam pelbagai keadaan sama ada dalam realiti dialog, debat sehinggalah mubāḥalah. Maka dalam konteks realiti khususnya di Malaysia sebagaimana fokus kajian seharusnya proses interkasi atau proses intra dialog di kalangan pemimpin agama Islam dengan masyarakat di bawah kepimpinannya perlu dilaksanakan dengan lebih kerap termasuklah memberi kefahaman konsep-konsep asas hubungan antara agama sepertimana dihuraikan oleh penulis di atas. Selain itu dialog di antara pemimpin-pemimpin agama iaitu inter dialog juga harus diperhebat sama ada secara formal mahupun tidak formal. Ini adalah kerana proses interaksi atau dialog yang baik di luar batasan konflik iaitu tidak formal akan membantu kelancaran proses dialog yang sebenar terutama dialog yang membincangkan konflik antara agama.

2.3.2.(a) Konsep pemimpin agama perspektif Kristian

Bible (John 10:11) telah menggambarkan pemimpin agama itu adalah sebagai *shepherds*²³⁷ (pengembala kambing), “*I am the good shepherd. The good shepherd lays down his life for the sheep*” iaitu mereka yang membimbing (*guide*), memberi perlindungan (*protect*) dan mengambil berat (*caring*) kumpulan atau orang di bawah

²³⁷ John 10:11, 933.(Keseluruhan huraian mengenai tafsiran Bible di atas dan selepas ini akan dirujuk kepada; *The Bible*, (New York: American Bible Society, 1980) (containing the Old and New Testaments Revised Standard Version). Maksud kepada *shepherd* ini adalah merujuk kepada golongan yang menjalankan tanggungjawab seperti pengembala kambing. Di mana kambing adalah di antara haiwan yang dungu atau bodoh. Oleh itu jika tidak dikawal, haiwan ini akan sesat (*a stray sheep*), keliru dan bingung (*disoriented and confused*), ketakutan (*frightened*) daripada binatang buas dan tidak mampu untuk kembali ke kumpulan atau kandangnya. Oleh sebab itu kambing memerlukan pengembala, jika tanpa pengembala maka tidak berupaya melakukan apa-apa (*helpless*).

kepemimpinannya (*organizational members*).²³⁸ Oleh itu tanpa pemimpin agama maka seluruh penganut agama, orang yang dipimpin akan sesat dan tanpa pedoman.

Manakala merujuk kepada sarjana dan penyelidik Barat pada dasarnya terdapat pelbagai definisi pemimpin agama atau kepemimpinan agama (*religious leader or religious leadership*). Walaubagaimanapun perspektif yang membezakan di antara konteks agama terutama agama Kristian adalah ianya memberi penekanan terhadap aspek ketuhanan. Sebagai contoh pemimpin agama dalam Kristian didefinisikan sebagai seseorang, “*with God-given capacity and God-given responsibility to influence a specific group of God’s people toward His purpose for the group*”²³⁹. Di samping itu ia turut didefinisikan sebagai, “*someone who is called by God to led; leds with and through Chris like character and demonstrates the functional competencies that permit leadership to take place*”.²⁴⁰ Selain itu terdapat juga sarjana Barat yang mendefinisikan pemimpin agama (dirujuk juga kepada pembimbing kerohanian atau *spiritual leader*) itu adalah mereka yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi orang lain melalui personaliti mereka di mana telah disinari (*irradiated*), ditembusi atau disingkapi jiwa dan fizikalnya (*interpenetrated*) serta dianugerahi kuasa (*empowered*) oleh Roh Suci (*Holy Spirit*).²⁴¹

²³⁸ Hayford, J.W., “Leading Christian” dalam *Leadership handbook of management and administration: practical insight from a cross section of ministry leaders*, ed. J.D Berkley, (Grand Rapid, MI: Baker Books, 1994), 175-186; Jeanne Bee-Tin Lian, “Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change: A Case Study of a Singapore Religious Leader”(tesis ijazah Doktor Falsafah Pendidikan, Faculty of Graduate School of Education & Human Development of The George Washington University, 2010), 51.

²³⁹ Clinton, J.R, *The Making of a leader recognizing the lessons and stages of leadership development*, (Singapore: The Navigators, 1993), 213.

²⁴⁰ Barna, G., *Leaders on leadership: wisdom, advice and encouragement on the art of leading God’s people*, (Ventura, LA: Regal Book, 1997), 25.

²⁴¹ Sanders, J.O. , *Spiritual leadership*, (Bromley: STL Book, 1998), 20.

Maka dengan merujuk kepada definisi-definisi di atas, penulis melihat bahawa perspektif agama Kristian dalam menghuraikan persoalan pemimpin agama adalah dengan memberi penekanan seseorang yang mempunyai sifat pembimbing (*guidance*) terutama aspek keagamaan dan mampu untuk menjadi ikutan (*role model*) kepada masyarakat di bawah pimpinannya. Selain itu pemilihan ketua agama juga menitikberatkan kepada aspirasi ketuhanan (*theological aspiration*), usaha, campurtangan, kuasa dan ketentuan daripada tuhan (*innitiative of God or God's consent*).²⁴²

Merujuk kepada Bible terdapat beberapa peranan yang harus dilaksanakan oleh pemimpin agama atau diistilahkan sebagai *shepherd* ini.

Pertama: Pemimpin agama harus mengikut perilaku dan tindak tanduk *Christ* dan mengilhamkan kepada orang di bawah kepimpinannya untuk mengikut segala apa yang dilakukan (*someone who follows Christ and inspires others to follow Him as weel*). Telah dihuraikan di dalam Bible (1 Corinthians 11: 1), “*Be imitators of me, as I am of Christ*”.²⁴³ Ini bermaksud setiap pemimpin agama harus mengetuai kumpulannya atau orang di bawah kepimpinannya dengan menjadikan dirinya ikutan atau teladan yang baik (*role model*).²⁴⁴

²⁴² Gangel, K.O., “The Meaning of leadership” dalam *Leadership handbook of management and administration: practical insight from a across section of ministry leaders*, ed. J.D Berkley, (Grand Rapid, MI: Baker Books, 1994), 147-173; Jeanne Bee-Tin Lian, “Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change:”, 49.

²⁴³ *The Bible*, 998.

²⁴⁴ What is Christian leadership?, <http://www.gotquestions.org>., 27 Februari 2012.

Kedua: Pemimpin agama juga harus mempunyai jiwa dan perwatakan untuk memupuk dan menyuburkan kerohanian pengikutnya dengan pengisian (makanan kerohanian) kata-kata tuhan (*Word of God*) agar dapat melahirkan masyarakat Kristian yang berketerampilan. Bible telah menghuraikan dalam (Deutronomy 8:3), “...*Man does not live by bread alone, but that man lives by everything that proceeds out of the mouth of the LORD*”.²⁴⁵ Ini telah diumpamakan seperti seorang pengembala kambing (*shepherd*) memberi makan seluruh kambing peliharaannya dengan rumput yang subur daripada padang rumput yang subur agar membesar dengan sihat dan subur.²⁴⁶

Ketiga: Pemimpin agama harus menerapkan sikap kasih sayang (*love*) dan belas kasihan (*compassionate*) yang tinggi dalam menangani beban dan permasalahan masyarakat di bawahnya terutama kepada golongan yang lemah. Di samping itu mereka juga harus ada sikap simpati (*sympathy*) dengan keadaan yang tidak menentu serta kesesatan yang berlaku di kalangan masyarakat terutama masyarakat Kristian serta menunjukkan sikap kesabaran (*patience*) yang tinggi dalam menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Ini telah dihuraikan di dalam Bible (Ezekel 34:16), “ *I will seek the lost, and I will bring back the strayed, and I bind up the crippled, and I will strengthen the weak, and the fat and the strong I will watch over*”.²⁴⁷

Keempat: Pemimpin agama juga harus memainkan peranan sebagai pembimbing (*guidance*) dengan mengajak kepada kebenaran dan menjauhi kesesatan dengan membetulkan tatacara kehidupan dan disiplin masyarakatnya yang telah jauh

²⁴⁵ *The Bible*, 159.

²⁴⁶ What is Christian leadership? Rujuk, <http://www.gotquestions.org> ,27 Februari 2012.

²⁴⁷ *The Bible*, 745.

terpesong daripada ajaran agama Kristian. Semua tingkahlaku haruslah berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam kitab suci. Bible telah menghuraikan dalam (Galatians 6:2), “ *Bear one another’s burdens, and so fulfil the law of Christ*”²⁴⁸ Maka jika pemimpin agama tidak mampu untuk menjalankan tanggungjawab ini mereka sebenarnya tidak menunjukkan kasih sayang dan keperihatianan mereka kepada orang yang dipimpinya seperti yang dihuraikan di dalam Bible (Proverbs 3: 12), “*for the LORD reproveth him whom he loves, as a father the son in whom he delight*”.²⁴⁹

Kelima: Manakala peranan yang terakhir, pemimpin agama harus mempunyai ciri-ciri sebagai pelindung (*protector*). Memberi perlindungan yang dinyatakan ini bukan sahaja dari aspek fizikal seperti tubuh badan tetapi yang paling penting adalah pelindung daripada ajaran atau fahaman salah (*false doctrine*), penyebaran ajaran *Christ* yang tidak lengkap (*insufficient*), tidak jelas (*unclear*) dan tidak diketahui (*unknowable*) sumbernya. Bible telah menghuraikan perihal ini dalam (Mathew 7: 15), “*Beware of false prophets, who come to you in sheep’s clothing but inwardly are ravenous wolve*”.²⁵⁰

Justeru dalam huraian peranan yang harus dilaksanakan oleh pemimpin agama seperti di atas penulis Barat telah menyimpulkan peranan pemimpin agama sebagai,

“ under the plan God has ordained for the church, leadership is a position of humble, loving service. Church leadership is ministry not management. Those whom God designates as leaders are called not to be governing monarchs, but humble slaves; not slick celebrities, but laboring servants. Those who

²⁴⁸ *Ibid.*, 1015.

²⁴⁹ *Ibid.*, 549.

²⁵⁰ *Ibid.*, 840.

would lead God's people must above all exemplify sacrifice, devotion, submission, and lowliness."²⁵¹

2.3.2.(b) Peranan pemimpin agama Kristian dalam masyarakat Kristian:

Menjalankan intra dialog

Pada bahagian ini kajian akan meneliti peranan yang harus dilaksanakan oleh pemimpin agama Kristian kepada masyarakat di bawah kepimpinannya dalam menanam prinsip asas hubungan antara agama khususnya kepada masyarakat Muslim. Ini adalah kerana jika maklumat yang tepat bagaimana agama Kristian membina hubungan antara agama tidak diterapkan kepada masyarakat Kristian maka hubungan baik antara masyarakat Kristian dan Muslim khususnya tidak dapat dilaksanakan. Rentetan itu juga akan turut menggagalkan proses dialog antara agama. Oleh itu sudah pasti permasalahan mahupun konflik antara agama akan terus berlaku. Justeru pemimpin agama Kristian harus berperanan dalam mendidik masyarakatnya akan prinsip-prinsip asas hubungan antara agama sebagaimana yang disarankan oleh agama Kristian yang secara umumnya merangkumi beberapa aspek penting iaitu aspek toleransi, faham-memahami dan kasih sayang.²⁵²

Pada bahagian ini penulis akan menghuraikan asas-asas hubungan masyarakat Kristian terhadap masyarakat bukan Kristian (*non-Christian religions*) khususnya Muslim. Di dalam agama Kristian huraian berkaitan hal ini mempunyai huraian pensejarahan yang begitu panjang. Oleh itu penulis hanya akan menyentuh perkara-perkara yang penting dan mempunyai hubungan langsung bagaimana pemimpin agama

²⁵¹ What is Christian leadership? Rujuk, <http://www.gotquestions.org>, 27 Februari 2012.

²⁵² Ghazali Basri, "A Comparative Study on Religious Tolerance", 301 – 304; Mohd Foad Sakdan, *Pengurusan Konflik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 381- 385.

harus berperanan berdasarkan asa- asas hubungan antara agama sebagaimana ditegaskan oleh agama Kristian.

Huraian di bawah ini akan meliputi daripada perspektif *Roman Catholic Church* iaitu di dalam *Second Vatican Council*²⁵³ dan perspektif kumpulan gereja lain iaitu *Orthodox, Protestant* dan *Anglicans* di dalam *The World Council of Churches (WCC)*.²⁵⁴

Dalam menghuraikan maklumat asa- asas hubungan masyarakat Kristian terhadap masyarakat bukan Kristian, penulis akan mengambil pendekatan menggabungkan maklumat- maklumat yang diperolehi daripada kedua- dua dokumen di atas. Di antara prinsip- prinsip asas hubungan antara agama yang perlu diterapkan oleh pemimpin agama Kristian kepada masyarakatnya adalah seperti:

Pertama: Agama Kristian mengiktiraf kewujudan agama- agama selain Kristian terutama kewujudan Agama Islam dan masyarakat Muslim serta membuka ruang hubungan antara agama.²⁵⁵ Terdapat satu deklarası yang dikenali sebagai *Nostra*

²⁵³ *Second Vatican Council* adalah satu usaha kontemporari pihak Gereja Roman Catholic untuk memberi satu perspektif dan kefahaman baru terhadap segala proses gereja. Di antara proses tersebut adalah perspektif baru terhadap hubungan dengan masyarakat bukan beragama Kristian atau *non-Christian Religions* secara lebih tersusun. Terdapat 3 daripada 16 dokumen rasmi yang telah diterangkan secara jelas tentang hubungan Gereja Katolik dengan masyarakat bukan beragama Kristian. 3 dokumen tersebut adalah (1) *Nostra Aetate*, (2) *Lumen Gentium* dan (3) *Ad Gentes*.

²⁵⁴ *World Council of Churches(WCC)* terdiri daripada 345 ahli (jumlah pada hujung tahun 2012) daripada lebih 110 negara mewakili lebih 500 juta penganut yang terdiri daripada pengikut- pengikut masyarakat Kristian daripada setiap benua serta terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik. Sebahagian golongan tersebut adalah *Eastern dan Oriental Orthodox, Anglicans, Babtists, Lutherans* dan *Reformed* seperti *Protestern*. Di dalam WCC ini banyak usaha telah dibincangkan tentang iniatif WCC untuk berdialog dan berinteraksi dengan masyarakat berlainan agama dan ideologi. Maklumat lanjut rujuk, World Council of Churches, <http://www.oikoumene.org/en/about-us>, 20 Januari 2013. Seterusnya di dalam penulisan ini penulis hanya menggunakan WCC sebagai merujuk kepada *The World Council of Churches*.

²⁵⁵ Charles Anthony Kimball, "Striving Together In The Way of God: Muslim Participation In Christian- Muslim Dialogue", (tesis ijazah Doktor Teologi, Harvard University The Divinity School, 1987), 62-66;

*Aetate*²⁵⁶ yang lahir daripada *Second Vatican Council* telah memberi perhatian dalam perbincangannya terhadap masyarakat bukan beragama Kristian (*non-Christian religions*). Deklarasi ini telah menjadi permulaan yang penting kepada Gereja Katolik untuk membina hubungan bersama masyarakat bukan beragama Kristian. Buat pertama kalinya di dalam sejarah Gereja Katolik telah mula memperkatakan tentang masyarakat bukan Kristian (*non-Christian religions*) terutamanya masyarakat Muslim sebagai satu entiti di mana pihak gereja perlu menghormatinya dan seterusnya membuka ruang untuk masyarakat Kristian menganjurkan dialog dan menjalankan kerjasama. Dalam hal ini pihak Gereja Katolik menyatakan bahawa;

*Upon the muslim, too, the church look with esteem. They adore one God, living enduring, merciful and all-powerful, maker of heaven and earth...Although in the case of the centuries many quarrels and hostilities have arisen between christians and muslim, this most sacred Synod urges all to forget the past and to strive sincerely for mutual understanding. On behalf of all mankind, let them common cause of safeguarding and fostering social justice, moral values, peace, and freedom.*²⁵⁷

Mahmut Aydin, "Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council", dalam *Cultural Heritage and Contemporary Change Series IIA. Islam*, Jil.13, (Washington: The Council for Research in Values and Philosophy, 2002), 22-27.

²⁵⁶ Deklarasi ini dipanggil sebagai "*Declaration on the Relation of the Church to non-Christian Religions*" atau lebih dikenali sebagai "*Nostra Aetate*". Deklarasi ini secara rasminya telah diumumkan oleh Pope Paul VI pada Oktober 28, 1965 yang mengandungi 6 muka surat keseluruhannya dan dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian pertama telah memberi penekanan terhadap konsep "*the oneness of human family*" atau "*the unity of human race*" untuk memperkukuhkan hubungan bersama masyarakat bukan beragama Kristian. Kedua: Gereja Katolik telah mengiktiraf setiap fahaman agama selain Kristian, termasuk segala panduan agama, amalan-amalan, upacara-upacara keagamaan dan sebagainya. Pada pandangan Gereja Katolik semua itu adalah membawa kepada ketenangan dan akan membawa penganut setiap agama ke jalan yang benar. Ketiga: Pengumuman deklarasi secara khusus untuk membuka ruang hubungan dan dialog di antara masyarakat Kristian dan Muslim dan turut mengiktiraf bahawa masyarakat Muslim sebagai masyarakat yang boleh dipercayai serta masyarakat yang taat kepada agamanya. Keempat: Penekanan kepada hubungan secara khusus dengan masyarakat yahudi (*Jews*). Kelima: Penekanan kepada penolakan unsur diskriminasi sama ada berasaskan kaum, bangsa, warna kulit dan sebagainya. Matlamat Deklarasi *Nostra Aetate* ini telah dirumuskan oleh sarjana Kristian sebagai, "*The Purpose of the Declaration is not a complete exposition of these religions [non-Christian religions], nor of their discrepancies among themselves and from the Catholic religion. This council rather intends through this declaration to show that there is a bond between man and religions which is meant to be the basis of dialogue and of collaboration. Therefore, greater attention is paid to those things which unite us, and are helpful in a mutual approach*". Maklumat lanjut rujuk *Ibid.*, Charles Anthony Kimball, "Striving Together In The Way of God:", 62-66; Mahmut Aydin, "Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council", 22-27.

²⁵⁷ Adian Husaini, *Excluvism and Evangelism In The Second Vatican Council (A Critique in Light of the Ad Gentes and The Nostra Aetate)*, (Selangor: IIUM Press, 2011), 1-2. Adian Husaini juga menegaskan

“The Church has also high regard for Muslim. They worship God whos is one, living and subsistent, merciful and almighty... They strive to submit themselves without reserve to the hidden decess of God, just as Abraham submitted himself to God’s plan... they await the day of judgement and the reward of God following the resurrection from the dead. For this reason, they highly esteem an upright life and worship God, especially by way of prayer, alm-deeds and fasting”²⁵⁸

“The Chatolic Church rejects nothing of what is true and holy in these religions. She regards with sincere reverence those ways of conduct and life, those precepts and teachings which, though differing in amny aspects from the ones she holds and sets forth, nonetheles often reflect a ray of that Truth enlightens all men”²⁵⁹

WCC juga di dalam pertemuan yang berlangsung di Jurusalam 1960 yang bertemakan, *“The Word of God and Living Faiths of Men”* turut membincangkan beberapa pendekatan dan membuka ruang perhubungan di antara masyarakat Kristian

bahawa adalah bukan suatu yang mengejutkan di mana ramai di kalangan ahli teologi, sarjana dan pemimpin di peringkat dunia melihat Vatican II sebagai langkah yang amat penting untuk merealisasikan satu proses keamanan dunia. Selain itu Gereja Katolik juga menekankan tentang membina kerjasama Muslim-Kristian sehinggakan menubuhkan Vatican Secretariat for Non-Christian dan Pontifical Institute for Arab and Islamic Studies dan seterusnya menubuhkan satu Commission for Religious Relation untuk menunjukkan komitmen mereka terhadap hubungan kerjasama dan pelaksanaan dialog antara agama. Vatican juga akhirnya menghantar duta kepada beberapa Negara Muslim dan Arab seperti Algeria, Bangladesh, Arab Saudi, Indonesia, Iran, Iraq, Kuwait, Lebanon, Morocco, Pakistan, Syria, Sudan, Tunisia dan Turki. Maklumat lanjut rujuk *Ibid.*, h. 3. Perbincangan berkaitan dengan Second Vatican Council dalam kajian ini juga telah dirujuk dalam kajian Adian Husaini dalam Bab 2 iaitu *“The Second Vatican Council”*, 45-92.

²⁵⁸ Charles Anthony Kimball, “Striving Together In The Way of God:”, 64.

²⁵⁹ *Declaration Nostra Aetate*, 2.2. (Rujukan penuh berkaitan dengan deklarasi ini telah dirujuk di dalam bahagian Lampiran yang bertajuk “Declaration On The Relation Of The Church To Non-Christian Religions, Nostra Aetate, Proclaimed by His Holiness Pope Paul VI on October 28, 1965”. Lampiran ini disediakan oleh pengkaji Mahmut Aydin di dalam kajiannya “Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council” *Ibid.*, Mahmut Aydin, “Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council”, Lampiran 1. Deklarasi Nostra Aetate juga telah dirujuk daripada dokumen Declaration on The Relation of The Church To Non-Christian Religions Nostra Aetate Proclaimed by Holiness Pope Paul VI, on October 28, 1965 dalam http://www.vatican.va/archive/hist_councils/ii_vatican_council/documents/vat-ii_decl_19651028_nostra-aetate_en.html, 15 Jun 2012. (Sebarang maklumat berkaitan dengan dokumen *Nostra Aetate* selepas ini akan dirujuk kepada kedua-dua dokumen di atas dan akan ditulis sebagai *Nostra Aetate* sahaja dan telah juga dirujuk daripada lawan sesawang seperti di atas).

dan masyarakat Muslim. Dalam pertemuan tersebut penegasan telah dibuat bahawa dalam membina hubungan bersama masyarakat Muslim ia perlu berdasarkan kepada sikap hormat-menghormati(*respect*), memupuk sikap persahabatan(*friendship*), memupuk sikap kebersamaan serta keperluan untuk menolak sikap prejudis(*prejudice*) dan permusuhan(*antagonism*).²⁶⁰ Selain itu terdapat empat asas yang telah diputuskan di dalam pertemuan tersebut dan turut menjadi dasar utama kepada halatuju masyarakat Kristian dalam membina hubungan dengan masyarakat Muslim. Perkara tersebut adalah (1) tanggungjawab untuk masyarakat Kristian memahami dan mengenali masyarakat Muslim “*responsibility to understand and to know Muslim*”, (2) keperluan untuk mengadakan pertemuan bersama masyarakat Muslim dalam suasana yang bermanfaat dan bermakna “*to meet Muslim in a meaningful way*”, (3) keperluan berkomunikasi secara berkesan “*to communicate effectively with Muslim*” dan (4) pihak gereja harus memahami konsep kesatuan di kalangan mereka (pihak gereja-gereja).²⁶¹

Kedua: Gereja Katolik juga telah mempromosikan agenda kesatuan kemanusiaan dan persahabatan (*the unity of humankind and fellowship*) di kalangan manusia tanpa mengira agama, etnik, warna kulit, kaum dan sebagainya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Gereja Katolik;

“In our time, when day by day mankind is being drawn closer together, and the ties between different peoples are becoming stringer, the Church examines more closely her relationship to non-Christian religions. In her task of promoting unity and love among men, indeed among nations, she considers above all in this declaration what

²⁶⁰ Douglas Pratt, “The World Council of Churches in Dialogue with Muslim: Retrospect and Prospect”, dalam *Islam and Christian-Muslim Relation*, Jil. 20, Bil. 1, (Januari 2009), 22.

²⁶¹ *Ibid.*

*men have in common and what draws them to fellowship.*²⁶²

Pihak WCC juga turut menegaskan tentang perpaduan kemanusiaan (*human solidarity*) di dalam *Kandy Consultation 1967*²⁶³, di mana mereka menyatakan bahawa manusia telah dihimpunkan dan melalui satu sejarah yang universal. Oleh itu seharusnya ia meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab dan harapan masa depan yang sama.²⁶⁴

Mereka turut menyatakan bahawa peranan mempromosikan kesatuan dan kesepaduan di kalangan manusia ini adalah menjadi tanggungjawab khusus kepada mereka untuk menjadikan mereka lebih bersikap positif terhadap masyarakat bukan Kristian. Ini adalah kerana pada pandangan mereka tuhan adalah pencipta sekalian manusia. Oleh itu manusia diciptakan oleh tuhan yang sama. Selain itu mereka turut berpandangan bahawa kemuliaan dan martabat manusia itu adalah diciptakan daripada imej tuhan (*God's image*)²⁶⁵. Maka dengan ini pihak gereja telah menegaskan kepada pengikutnya (masyarakat Kristian) bahawa mereka perlu memperlakukan masyarakat

²⁶² *Nostra Aetate*, 1.1.

²⁶³ *Kandy Consultation 1967*, telah dianjurkan oleh WCC di Sri Lanka yang bertemakan "*Christian Dialogue with Men of Other Faiths.*" Pertemuan ini telah dihadiri oleh ahli-ahli teologi Kristian daripada Protestern, Eastern Orthodox dan Roman Catholic. Tujuan pertemuan ini adalah untuk membincangkan tentang peranan untuk menjadikan aktiviti dialog antara agama sebagai platform baru hubungan masyarakat Kristian dengan masyarakat bukan Kristian. Pertemuan ini adalah rentetan daripada pertemuan WCC di New Delhi 1961, Mexico 1963 dan di Broumma 1966. Di dalam pertemuan di Broumma seramai 30 ahli-ahli teologi Protesten, Ortodok dan Roman Katolik telah membincangkan tentang isu pertembungan di antara Kristian dan Muslim. Di antara tujuan utama pertemuan tersebut adalah mencari kemungkinan-kemungkinan untuk saling-bantu-membantu "*mutual co-operation*" dengan masyarakat Muslim. Selain itu kumpulan ini juga telah mendesak *Division of World Mission and Evangelism of WCC* untuk mengadakan dialog di antara Kristian dan Muslim untuk mempromosi dialog dan konsep saling bantu-membantu "*interfaith dialogue and mutual co-operation*". Di akhir pertemuan ini peserta-peserta telah bersetuju tentang keperluan untuk memecahkan tembok-tembok prejudis, keraguan dan ketakutan seterusnya memupuk sikap saling faham-memahami di antara masyarakat Kristian dan masyarakat bukan Kristian terutama masyarakat Islam. Maklumat lanjut rujuk, Mahmut Aydin, "*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*", 96

²⁶⁴ *Ibid.*, 97

²⁶⁵ *The Bible, Genesis: 1:27*, "*So God created man in his own image, in the image of God he created him; male and female he created them*". Rujuk *The Bible*, 1.

lain dengan sikap hormat-menghormati dan kasih sayang. Ini adalah kerana hubungan mereka dengan Tuhan adalah bergantung kepada hubungan mereka dengan manusia lain (masyarakat lain termasuk Muslim).²⁶⁶ Sebagaimana dinyatakan oleh Gereja Katolik;

*“In her task of promoting unity and love among men, indeed among nations, she[the Church] considers above all in this declaration what men have in common and what draws them to fellowship”*²⁶⁷

Penegasan kepada kepercayaan bahawa seluruh manusia dicipta daripada imej tuhan (*image of God*) ini juga turut disebut oleh WCC di dalam *Kandy Consultation 1967*.²⁶⁸

Ketiga: Penegasan tentang penolakan konsep diskriminasi di antara agama, etnik, kaum, warna kulit. Sebagaimana ditegaskan bahawa masyarakat Kristian:

“ We cannot truly call on God, the Father of all, if we refuse to treat in a brotherly way any man, created as he is in image of God. Man’s relation to God the Father and his relation to men his brothers are linked together that Scripture says: “He Who does not love does not know God”. No foundation therefore remains for any theory or practice that leads to discrimination between man and man or people and people, so far as their human dignity and the rights flowing from it are concerned”.²⁶⁹

²⁶⁶ Mikka Ruokanen, *The Catholic Doctrine of Non-Christians According to the Second Vatican Council*, (Leiden: EJ. Brill, 1992), 50-51

²⁶⁷ *Nostra Aetate*, 1.1.

²⁶⁸ Huraian lanjut rujuk, Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 97.

²⁶⁹ *Nostra Aetate*, 5:1-3.

Bible juga turut menghuraikan perihal ini dalam 1 John 4:7-11,

“Beloved, let us love one another; for love is of God. and he who loves is born of God and knows God. He who does not love does not know God; for God is love. In this the love of God made was made manifest among us, that God sent his only Son into the world, so that we might live through him. In this is love, not that we loved God but that he loved us and sent his Son to be the expiation for our sins. Beloved, if God loves us, we also ought to love one another”²⁷⁰

Keempat: Gereja Katolik turut menegaskan bahawa semua agama adalah sebagai lambang kepada manusia untuk mencari kebenaran iaitu Tuhan. Oleh itu pada pandangan mereka kedua-dua aspek iaitu moral dan aspek-aspek keagamaan yang berada di dalam setiap agama adalah jalan dan diterima sebagai alat untuk mencapai *Salvation*.²⁷¹ Sebagaimana ditegaskan;

“One is the community of all peoples, one their origin, for God made the whole human race to live over the face of earth. One also is the final goal, God. His providence, His manifestations of goodness, His saving design extend to all men, until that time when the elect will be united in the Holy City, the city ablaze with the glory of God, where the nations will walk in His light”²⁷²

²⁷⁰ *The Bible*, 1067.

²⁷¹ Jika merujuk kepada Bible Old Testament, *salvation* ini mempunyai pelbagai maksud. Di antaranya dalam 2 Samuel 2: 18, merujuk proses menyelamatkan daripada musuh, “*Now then bring it about; for the LORD has promised David, saying, ‘By the hand of my servant David I will save my people Israel from the hand of the Philistines, and from the hand of all save my people Israel from the hand of all enemies’*”. Psalms 51: 14, merujuk kepada proses menyelamatkan daripada dosa, “*Deliver me from blood guiltiness, O God, thou God my salvation and my tongue will sing aloud of thy deliverance.*” Isaiiah 38:20, merujuk kepada proses menyelamatkan daripada penyakit, “*The LORD will save me, and we will sing to stringed instruments at the house of The LORD*”. Manakala di dalam New Testament Romans 3: 22-24, merujuk kepada proses mendapatkan keamanan serta memulihkan segala dosa daripada Tuhan melalui Jesus Christ, “*The righteousness of God through faith in Jesus Christ for all who believe. For there is no distinction; since all have sinned and fall short of the glory of God, they are justified by his grace as a gift, through the redemption which is in Christ Jesus*”. Keseluruhan huraian ini sila rujuk *The Bible*, 269, 492, 618 dan 979.

²⁷² *Nostra Aetate*, 1.2. Mahmut Aydin dalam analisisnya terhadap deklarasi ini beliau berpandangan bahawa terdapat persamaan di antara *Declaration Nostra Aetate 1:2* dan sebagaimana yang telah diungkapkan di dalam New Testament (Revelation 21 dan 22). Huraianya adalah berkaitan matlamat dan visi manusia mencapai kebenaran iaitu Tuhan dan mempercayai konsep hari kemudian atau *eschatological concept* bukan hanya berada pada satu bangsa sahaja sebagaimana yang didakwa ramai ahli teologi Kristian sebelum ini. Pada pandangan mereka mungkin Tuhan hanya ada satu bentuk atau

Kelima: *Second Vatican Council* juga turut mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang amat positif sebagai menerima beberapa konsep teologi Islam. Di antaranya adalah berkaitan dengan:

(1) *Muslim Doctrine of God*: majlis gereja katolik di bawah *Second Vatican Council* menegaskan bahawa Islam adalah agama monoteisme di mana Allah S.W.T adalah satu-satunya tuhan yang disembah sebagaimana telah ditegaskan di dalam *Nostra Aetate* dan *Lumen Gentium*²⁷³:

*“The Church regards with esteem also the Moslems. They adore the one God, living and subsisting in Himself; merciful and all-powerful, the Creator of heaven and earth, who has spoken to men...”*²⁷⁴

*“...But the plan of salvation also includes those who acknowledge the Creator. In the first place amongst these three are Mohammedans, who, professing to hold the faith of Abraham, along with us adore the one and Merciful God. Who on the last day will judge mankind...”*²⁷⁵

Ini telah menunjukkan bahawa gereja katolik secara rasminya menegaskan dan percaya bahawa masyarakat Muslim menyembah Allah S.W.T dan bukan Muhammad. Di samping itu mereka juga mengakui tentang konsep

proses dalam menyelamatkan manusia tetapi pelaksanaannya adalah dalam pelbagai cara. Maka dengan ini masyarakat Kristian khususnya harus menerima apa yang tertulis di dalam kitab-kitab agama dan ketamadunan bukan Kristian sebagai benar dan sah. Rujuk nota kaki 80 dalam Mahmut Aydin, *“Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council”*, 253-254.

²⁷³ Dokumen kedua daripada *Second Vatican Council* yang memberi penekanan terhadap kepentingan sifat kebersamaan gereja, menerima *Gospel*, menghubungkan diri dengan *Jesus Christ* dalam mencapai *salvation*. Semua kenyataan berkaitan *Lumen Gentium* di dalam penyelidikan ini dirujuk dalam *Dogmatic Constitution of The Church Lumen Gentium Solemnly Promulgated by His Holiness Pope Paul IV, on November 21, 1964* dalam

http://www.vatican.va/archive/hist_councils/ii_vatican_council/documents/vat-ii_const_19641121_lumen-gentium_en.html, 15 Jun 2012. (Sebarang maklumat berkaitan dengan dokumen *Lumen Gentium* selepas ini akan dirujuk kepada laman sesawang di atas dan akan ditulis sebagai *Lumen Gentium* sahaja).

²⁷⁴ *Nostra Aetate*, 3:1

²⁷⁵ *Lumen Gentium* 16:1

the oneness of God (Tawhīd) sebagai teras keimanan di dalam Islam dengan menggunakan dan merujuk kepada terminologi yang terdapat di dalam al-Qur’ān seperti *Merciful, Almighty, the Creator of and earth*.²⁷⁶

Selain daripada itu pihak gereja katolik juga turut membincangkan tentang sifat-sifat Allah dengan sekali lagi merujuk secara khusus kepada terminologi yang digunapakai di dalam al-Qur’ān. Tujuan rujukan ini dibuat adalah untuk mengelak daripada berlakunya salah tafsir dan ditakuti tidak membawa makna kepada masyarakat Muslim jika berlaku kesalahan dalam menafsirnya. Di antaranya, *al-hayy al-qayyum (God is Living and Subsistent)*, *al-Rahman al-Rahim (God is Merciful)* dan *al-Qadir ‘ala kulli syai’ (God is Almighty)*.²⁷⁷

Pihak gereja juga turut mengakui bahawa Allah S.W.T adalah satu-satunya hakim (*judge*) kepada seluruh manusia di hari kiamat yang dirujuk oleh mereka sebagaimana terminologi yang terdapat di dalam al-Qur’ān sebagai, “*mālik yaum al dīn*” dan turut mengakui kewujudan Nabi Muḥammad sebagai rasūl Allah yang menyampaikan ayat-ayat Allah kepada sekalian manusia.²⁷⁸

²⁷⁶ Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 28. Rujuk juga Geogr F. Mclean, “The Challenge of Globalization: Unity in Diversity”, dalam *Islamic and Christian Cultures: Conflict or Dialogue, Cultural Heritage and Contemporary Change Series IIA, Islam*, ed. Plamen Makariev, Jil.8, (Washington: The Council for Research in Value and Philosophy, 2001), 42.

²⁷⁷ *Ibid.*, Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 29; Geogr F. Mclean, “The Challenge of Globalization: Unity in Diversity”, 42.

²⁷⁸ *Ibid.*, 29-30.

(2) *Our Common Father Abraham*²⁷⁹: pihak gereja mengakui bahawa Muslim adalah berada di dalam konteks *Abrahamic Faith* di mana Muslim berusaha untuk menyembah Allah sebagaimana *Abraham*²⁸⁰ melakukannya. Maka dengan ini pihak gereja mengakui bahawa Muslim adalah sama seperti masyarakat Kristian kerana *Abraham* adalah bapa kepada semua penganut agama (*Abraham is the father of all believers*). Sebagaimana dinyatakan:

*“...The adore the one God, living and subsisting in Himself; merciful and all powerfull, the Creator of heaven and earth, who has spoken to men; they take pains to submit wholeheartedly to even His inscrutable decess, just as Abraham...”*²⁸¹

*“...the plan of salvation also includes those who acknowledge the Creator. In the first place amongst these three are Mohammedens, who, professing to hold the faith of Abraham.”*²⁸²

(3) *Muslim Veneration of Jesus and Mary*²⁸³: Di dalam deklarasi *Nostra Aetate* pihak gereja katolik telah menyatakan:

*“...Though they do not acknowledge Jesus as a God, They revere Him as a prophet. They also honour Mary, His virgin Mother; at times they even call on her with devotion”*²⁸⁴

Dalam hal ini pihak gereja katolik telah memberi respon yang baik dan tidak mengktirik Muslim walaupun hanya meletakkan Jesus sebagai nabi dan tidak

²⁷⁹ Geogr F. Mclean, “The Challenge of Globalization: Unity in Diversity”, 42

²⁸⁰ Dalam kontek Islam Abraham yang dinyatakan oleh Kristian adalah merujuk kepada Nabi Ibrāhīm.

²⁸¹ *Nostra Aetate*, 3:1

²⁸² *Lumen Gentium* 16:1

²⁸³ Geogr F. Mclean, “The Challenge of Globalization: Unity in Diversity”, h. 42

²⁸⁴ *Nostra Aetate* 3: 1

seperti Kristian yang mengiktiraf Jesus yang mempunyai sifat ketuhanan. Pihak gereja juga turut menghargai masyarakat Muslim yang memuliakan *Mary*. Ini adalah kerana di dalam masyarakat Katolik, *Mary* mempunyai darjat yang tinggi dan sesiapa yang memuliakannya akan dihargai oleh Gereja Katolik.²⁸⁵ Pada pandangan penulis pandangan ini lahir adalah merujuk kepada kenyataan *Nostra Aetate* sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini di mana pihak Gereja Katolik menerima kebenaran dan kemuliaan agama-agama selain daripada Kristian. Selain itu terdapat juga pandangan lain berkaitan hal ini sebagaimana dinyatakan;

*“...by praising the Muslim perception of Jesus the council may want to show that Islam may reflect a ray of that truth which enlightens all men, although its teaching differs in many ways from the christian teaching.”*²⁸⁶

*“...the council statement on Muslims’esteem of Jesus means that although the eminent identity of Jesus recognised in the Christian world is absent in Islam, the historical figure of Jesus and his relevance to God’s plan of salvation are not totally ignored”*²⁸⁷.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa penghargaan pihak gerja terhadap penghormatan Muslim terhadap *Jesus* dan *Mary* akan membentuk satu “*common ground*” untuk membentuk hubungan yang baik di antara masyarakat Kristian dan Muslim.²⁸⁸

²⁸⁵ Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 33.

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ *Ibid.*

²⁸⁸ *Ibid.*, h.34.

(4) *Eschatological Beliefs of Muslims*: di dalam deklarasi *Nostra Aetate* pihak gereja katolik mengakui bahawa tuhan kepada masyarakat Muslim iaitu Allah adalah sebagai “*Master of the Day of Judgement*”(mālik yaum al-dīn). Sebagaimana dinyatakan:

“...they await the day of judgement when God will render their desert to all those who have been raised up from the dead”.²⁸⁹

Selain itu pihak gereja juga turut mengakui beberapa konsep hari kiamat seperti mana di dalam Islam iaitu seperti hari kebangkitan(*resurrection*), hari perhitungan (*day of judgement*) dan konsep pembalasan(*retribution*). Pihak gereja juga turut mengakui kedua-dua konsep hari kiamat adalah berbeza di antara Kristian dan Islam iaitu bersumberkan al-Qur’ān bagi Islam dan *Gospel* bagi Kristian tetapi yang serupa adalah semua manusia akan diadili atas perbuatan mereka.²⁹⁰

(5) *Religious and Moral Life of Muslims*²⁹¹: Pihak gereja katolik juga turut menyentuh hal-hal berkaitan keagamaan dan kehidupan masyarakat Muslim sebagaimana dinyatakan di dalam *Nostra Aetate*:

“ Finally, they value the moral life and worship God especially through prayer, almsgiving and fasting”.²⁹²

²⁸⁹ *Nostra Aetate* 3:1

²⁹⁰ Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 34; Geogr F. Mclean, “*The Challenge of Globalization: Unity in Diversity*”, 42

²⁹¹ *Ibid.*, Geogr F. Mclean, “*The Challenge of Globalization: Unity in Diversity*”, 42.

²⁹² *Nostra Aetate* 3:1

Dalam hal ini majlis gereja menegaskan bahawa adalah wajar bagi masyarakat Muslim untuk menerima sebarang pujian daripada masyarakat Kristian atas perilaku yang baik dalam kehidupan dengan melaksanakan segala perintah Tuhannya seperti bersembahyang (*prayer*), zakat (*almsgiving*) dan berpuasa (*fasting*). Semua ini pada pandangan gereja adalah untuk mendapat ganjaran (*rewards*) pada hari kemudian.²⁹³ Di samping itu pihak gereja juga turut mengakui bahawa masyarakat Muslim adalah sebuah masyarakat yang diketahui umum dengan sifat ketaatan (*faithful*) dan hamba yang patuh (*obedient servant*) kepada Tuhannya di mana akan mengutamakan serta menyempurnakan hak-hak Tuhan (*God' right*) terlebih dahulu sebelum hak-hak manusia (*human right*).²⁹⁴

(6) *Salvation of Muslims*: Berkaitan dengan kemungkinan masyarakat Muslim mencapai *salvation* mengikut pandangan kristian, pihak gereja telah menyatakan bahawa:

*“But the plan of salvation also includes those who acknowledge the Creator. In the first place amongst these there are the Mohammedans, who, professing to hold the faith of Abraham, along with us adore the one and merciful God”*²⁹⁵

Berdasarkan kenyataan ini pihak gereja dengan jelas menyenaraikan atau memasukkan masyarakat Muslim di dalam perancangan tuhan berkaitan dengan konsep *salvation* (*God's plan of salvation*). Penyenaian ini pada pandangan gereja adalah satu sumbangan yang amat penting dalam

²⁹³ Mahmut Aydin, “Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council”, 35.

²⁹⁴ *Ibid.*

²⁹⁵ *Lumen Gentium* 16:1

membina hubungan Gereja Katolik dengan masyarakat Muslim. Pada pandangan pihak gereja masyarakat Muslim berhak mendapat *salvation* kerana masyarakat Muslim juga mengakui tuhan adalah Pencipta(*Creator*) segala sesuatu. Oleh itu pihak gereja turut mengakui bahawa masyarakat Muslim juga adalah sama seperti mereka iaitu penganut kepada Tuhan (*as fellow believers in God*).²⁹⁶

Berdasarkan keenam-enam kenyataan yang positif berkaitan konsep teologi yang cuba dihuraikan oleh pihak gereja katolik dalam deklarasi-deklarasi untuk membina hubungan antara masyarakat Kristian dan Muslim, pihak gereja juga turut menyediakan beberapa prinsip untuk membina kesefahaman di antara masyarakat Kristian dan Muslim *social justice, moral value, peace dan freedom*²⁹⁷ sebagaimana dinyatakan di dalam *Nostra Aetate*:

“Since in course of centuries not a few quarrels and hostilities arisen between Christian and Moslems, this scared synod urges all to forget the past and to work sincereky for mutual understanding and to preserve as well as to promote together for the benefit of all mankind, social justice and moral welfare, as well as peace and freedom”.²⁹⁸

Keenam: Dalam *Lumen Gentium* pula telah dinyatakan bahawa *Salvation* boleh diperolehi oleh sesiapa sahaja walaupun di luar kerangka gereja walaupun gereja itu adalah satu elemen penting untuk mencapai *salvation*.²⁹⁹ Ia menegaskan bahawa perilaku yang baik adalah mencukupi untuk diterima oleh tuhan untuk mencapai

²⁹⁶ Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 37.

²⁹⁷ Geogr F. Mclean, “The Challenge of Globalization: Unity in Diversity”, 42-43.

²⁹⁸ *Nostra Aetate* 3:1

²⁹⁹ *Lumen Gentium* 14:1, rujuk Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 40.

salvation seperti ditegaskan, “ *at all times and in every race, anyone who fears God and does what is right has been acceptable to Him(God)* ”³⁰⁰. Pihak Vatikan juga telah menyatakan bahawa,

*“Those who, through no fault of their own, do not know Christ or his Church, but who nevertheless seek God with sincere heart, and moved by grace, try in their actions to do his will as they know it through the dictates of their conscience-those too may achieve eternal salvation”*³⁰¹

Manakala di dalam *Kandy Consultation 1967* yang dianjurkan oleh WCC turut menegaskan bahawa, konsep *salvation* juga boleh dimiliki oleh sesiapa sama ada masyarakat Kristian mahupun bukan Kristian. Laporan ini menyatakan bahawa perancangan Tuhan berkaitan konsep *salvation* adalah sangat universal sifatnya dan hanya boleh didapati di dunia ini melalui *Jesus Christ*. *Salvation* juga turut diluaskan kepada seluruh manusia melalui *Spirit of Jesus Christ*. Laporan Kandy tersebut telah menyatakan:

*“God’s love and purpose of salvation extend to all mankind, of every centry and creed. He saves the world in an through Jesus Christ. Salvation in Christ has often been too narrowly understood. Through the Spirit, Christ is at work in every man’s heart, though as yet His Kongdom remains a hidden rule.”*³⁰²

Ketujuh: Di dalam dokumen *Ad Gentes*³⁰³ pula galakan telah diberikan kepada masyarakat Kristian untuk meningkatkan sifat menghormati dan berkasih sayang “*respect and love*”, perlu mengambil tahu “*to know*” masyarakat yang berada di

³⁰⁰ *Ibid.*, *Lumen Gentium* 9:1.

³⁰¹ Charles Anthony Kimball, “Striving Together In The Way of God:”, 66.

³⁰² Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 96.

³⁰³ Dokumen ketiga *Second Vatican Council* yang memberi penekanan kepada hubungan masyarakat Kristian dan masyarakat Muslim. Semua kenyataan yang digunakan di dalam penyelidikan ini akan merujuk kepada dokumen *Decree Ad Gentes on The Mission Activity of The Church* dalam, http://www.vatican.va/archive/hist_councils/ii_vatican_council/documents/vat-ii_decree_19651207_ad-gentes_en.html, 15 Jun 2012. (Selepas ini ia akan dirujuk sebagai *Ad Gentes* sahaja).

sekeliling mereka dan seterusnya bersedia untuk berdialog “*prepare dialogue with non-Christian*”.³⁰⁴ Sebagaimana dinyatakan ;

“(The Church) wishes to enter into fraternal dialogue with those who are working for peace...Christians ought to interest themselves, and collaborate with others, in the right ordering of social and economic affairs...They should, further share in the efforts of those people who, in fighting against famine, ignorance and disease, are striving to bring about better living condition and bring about peace in the world”.³⁰⁵

Kelapan: Galakan kepada masyarakat Kristian untuk memperkukuhkan lagi proses pelaksanaan dialog antara agama serta perlu memahami dengan jelas kepentingan dialog dalam konteks hubungan dengan masyarakat bukan Kristian terutama masyarakat Muslim. Ini telah ditegaskan lagi di penghujung deklarasi *Second Vatican Council* ini³⁰⁶. Di antaranya:

1. Galakan untuk bertemu “*face to face*” dengan masyarakat bukan Kristian agar dapat mempertingkatkan kefahaman dan toleransi di kalangan mereka.
2. Galakan kepada masyarakat Kristian untuk mempelajari agama Islam secara objektif terutama aspek-aspek teologi dalam agama.³⁰⁷

³⁰⁴ *Ibid.*, 43.

³⁰⁵ Charles Anthony Kimball, “Striving Together In The Way of God:”, 67-68.

³⁰⁶ Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 84.

³⁰⁷ Proses pengajian ini telah membuka ruang pihak berautoriti gereja (katolik) untuk bercakap tentang beberapa aspek-aspek teologi di dalam Islam. Contohnya berkaitan Nabi Muḥammad S.A.W adalah rasul yang benar dalam Islam dan juga al-Qur’an adalah wahyu Allah pada pandangan Islam di mana kedua-dua aspek ini telah dinafikan atau ditolak oleh Majlis Paderi (*Council of Father*) dalam *Second Vatican Council*.

3. Galakan untuk membentuk “*study group*” bersama masyarakat terutama Muslim untuk membincangkan persoalan-persoalan penting berkaitan agama masing-masing. Ini adalah untuk mengelakkan salah tafsir. Dengan ini akan dapat membina jambatan persahabatan dan keyakinan di antara satu sama lain.
4. Galakan kepada badan-badan agama Kristian untuk menjemput wakil pemimpin agama Islam untuk berkongsi maklumat dan kefahaman berkaitan agama Islam mahupun menerangkan atau menjelaskan sebarang isu yang berbangkit di antara Islam dan Kristian.
5. Galakan untuk mengadakan dialog kehidupan atau “*Dialogue of life*” sebagai asas kepada pelaksanaan dialog antara agama sama ada di kalangan mereka yang mahir dalam bidang hubungan antara agama atau dialog antara agama dan masyarakat bawahan. Inisiatif ini adalah berasaskan kenal-mengenal antara ahli komuniti, membina hubungan dengan tujuan membina keharmonian dan toleransi di kalangan masyarakat pelbagai agama.
6. Perkara yang keenam, *Second Vatican Council* telah menegaskan bahawa terdapat hubungkait di antara *proclamation*, *mission* dan dialog. Deklarasi ini juga telah cuba untuk menyesuaikan aspek teologi di dalam agama Kristian kepada agama bukan Kristian (*non-Christian religions*) dalam konteks pelaksanaan *evangelism* pihak gereja.³⁰⁸ Berasaskan kefahaman ini pihak gereja telah meletakkan satu kefahaman yang penting bahawa kehidupan (*life*), kematian (*death*) dan kebangkitan semula (*resurrection*) *Jesus Christ* adalah

³⁰⁸ Maklumat lanjut berkaitan huraian hubungan di antara *proclamation*, *mission* dan *dialogue* rujuk Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 74-83.

menjadi sumber utama dan terpenting untuk masyarakat Kristian dan bukan Kristian untuk mencapai *salvation*. Oleh itu untuk memastikan *salvation* ini dicapai oleh semua manusia sama ada masyarakat Kristian dan bukan Kristian maka keperluan kepada proses “*proclamation of the Gospel*” kepada masyarakat bukan Kristian perlu dilakukan. Pendekatan yang terbaik pada pandangan gereja adalah dengan mengajak masyarakat bukan Kristian untuk menerima apa yang dihuraikan di dalam *Gospel* melalui proses dialog antara agama.

Pada pandangan penulis kelima-lima galakan daripada pihak Gereja Katolik dalam membangunkan hubungan masyarakat Kristian dan bukan Kristian terutama masyarakat Muslim adalah satu usaha yang baik dan munasabah. Tetapi galakan yang keenam dilihat akan membantutkan proses pelaksanaan dialog. Ini adalah kerana dengan bermatlamatkan *proclamation of Gospel* ini sudah pasti akan meningkatkan ketidakpercayaan masyarakat lain terutama Muslim kerana sudah pasti mereka akan beranggapan bahawa tujuan Kristian mengajak masyarakat Muslim bersama-sama menjayakan dialog adalah salah satu cara untuk mengkristiankan mereka “*covert to Christianity*”. Pada pandangan penulis juga galakan yang keenam ini telah menimbulkan kontroversi terhadap prinsip-prinsip dialog yang murni seperti saling faham-memahami dan saling percaya-mempercayai (*mutual understanding and mutual trust*) sehinggakan boleh menggagalkan proses dialog. Oleh sebab itu tidak hairanlah bahawa terdapat sarjana Muslim yang mempertikaikan integriti pelaksanaan dialog antara agama yang dipelopori oleh Kristian ini.³⁰⁹

³⁰⁹ Rujuk kertas kerja penuh John Azumah yang bertajuk “The Integrity of Interfaith Dialogue”, dalam *Islam and Christian-Muslim Relations*, Vol.13, No.3, (2002). Adian Husaini dalam kajian beliau juga turut membincangkan kontroversi berkaitan pendekatan Gereja Katolik dalam Second Vatican Council terhadap membuka hubungan terhadap *non-Christian religion* terutama yang berkait rapat dengan kajian penulis iaitu dialog antara agama. Di antara kontroversi itu adalah wujudnya pandangan bahawa dialog antara agama yang dicadangkan oleh Second Vatican Council itu juga bermaksud *missionary* dan satu

Jika penelitian dilihat secara khusus kepada sebarang usaha atau inisiatif yang dilakukan oleh WCC terhadap proses berinteraksi dengan masyarakat bukan Kristian dan masyarakat Muslim secara khusus, penulis mendapati bahawa fokus dan pendekatannya adalah menggunakan platform dialog. Ini sama ada fokus dialog itu adalah sebahagian daripada agenda *missionary* dan *evangelisation*³¹⁰ di peringkat permulaannya sehingga penerapan konsep dialog itu menerima perubahan sebagai proses saling memahami dan prihatin dalam isu-isu sosial (*mutual understanding and awareness on practical and social issues*) dan menolak persepsi di mana mengeneralisasikan dialog sebagai agenda *missionary* agama Kristian. Untuk mengelakkan tanggapan negatif terhadap proses dialog yang dianjurkan oleh WCC, maka pada tahun 1992 WCC telah mengeluarkan satu dokumen yang mengandungi kenyataan ringkas berkaitan isu-isu hubungan antara Kristian dan Muslim “*Issues in Christian-Muslim Relation*”. Terdapat empat fokus utama di dalam dokumen tersebut iaitu (1) *Christian-Muslim Encounter*, (2) *On Understanding Islam and Muslim*, (3) *Some Issues in Christian-Muslim Relations*, (4) *Living and Working Together*. Dalam

proses *evangelism* dalam agama Kristian. Ini adalah kerana dalam Persidangan Besar Pegawai Gereja pada 1974, mereka mengakui bahawa dialog itu adalah satu bahagian dalaman daripada proses *missionary* gereja. Mereka juga turut menekankan bahawa adalah amat jelas daripada dokumen *Ad Gentes* tersebut menyatakan tumpuan aktiviti *missionary* adalah tidak difokuskan kepada persoalan persempadanan atau lokasi kerana secara asasnya ia telah dicapai. Maka sekarang ini fokusnya adalah untuk membangunkan pergerakan gereja di mana agama Kristian telah wujud dengan pendekatan dialog antara agama di mana proses adaptasi kepada masyarakat setempat dan penyertaan gereja dalam sesebuah komuniti dan kehidupan bernegara. Beliau membuat kesimpulan bahawa (1) wujud sarjana Katolik yang menegaskan bahawa selepas Second Vatican Council, Kristian Katolik terarah kepada agama yang bersifat inklusif. (2) Sebahagian pula berpandangan bahawa agama Kristian masih kekal sebagai *evangelistic religion* dan di samping membina hubungan baik bersama masyarakat bukan Kristian dengan mempromosikan dialog antara agama. (3) Manakala sebahagian pula menegaskan bahawa Gereja Katolik kekal dengan ciri *exclusivism* dan *missionary* dan kedua-dua ciri itu adalah sumber utama dalam toleransi beragama. Analisa kontroversi daripada kalangan sarjana sama ada Kristian mahupun pengkaji barat berkaitan Second Vatican Council rujuk, Adian Husaini, “*Exclusivism and Evangelism In The Second Vatican Council*.”, 8-16.

³¹⁰ Kenyataan ini telah dinyatakan dengan jelas ketika World Missionary Conference di Edinburgh pada 1990. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahmut Aydin, “*It is that in that time the idea of “interreligious dialogue” came out as part of a new missionary strategy for approaching followers of other faiths in the rapidly changing circumstances of the post-war world, in which the collapse of colonialism made the traditional missionary methods increasingly ineffective*”. Rujuk Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 90.

bahagian pertama pihak WCC telah membangunkan satu kefahaman dan konsep baru dialog sebagaimana yang dinyatakan,

*“Dialogue is not only conversation [dialogue of ideas] but is also an encounter between people [dialogue of life]. It depends on mutual trust, demands respect for the identity and integrity of the other and requires a willingness to question one’s own self-understanding as well as openness to understand the others on their own terms”.*³¹¹

Pada bahagian kedua pula penegasan telah difokuskan kepada mengutamakan nilai-nilai kebersamaan “*common values*” seperti hal-hal (1) keadilan di dalam masyarakat (*justice in society*), (2) isu-isu masyarakat yang memerlukan bantuan (*providing for people in need*), (3) konsep sayang-menyayangi jiran tetangga (*love one’s neighbor*) dan (4) konsep hidup bersama dalam keadaan aman dan damai (*living together in peace*). Manakala dalam bahagian ketiga pula penegasan telah diberikan kepada galakan menganjurkan dialog yang membincangkan isu-isu yang dapat membentuk kehidupan masyarakat plural agar dapat hidup dalam aman dan damai. Di antara penegasan isu-isunya adalah, (1) hak asasi (*human right*), (2) kepelbagaian etnik (*ethnicity*), (3) kerakyatan (*citizenship*), (4) pelaksanaan Undang-undang Islam (*the application of Islamic Law*), (5) hal-hal wanita (*woman issues*) dan (6) isu-isu *Islamic Da’wah* dan *Christian Mission*.³¹²

³¹¹ *Ibid.*, 127

³¹² *Ibid.*, Mahmut Aydin, “*Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council*”, 127-128.

2.3.2(c) **Peranan pemimpin agama Kristian dalam masyarakat majmuk – Menjalankan dialog antara agama**

Selain lapan perkara asas sepertimana dalam huraian sebelum ini pemimpin agama Kristian juga perlu memahami beberapa lagi perkara penting berkaitan prinsip asas hubungan antara agama dan seterusnya berperanan dalam membina hubungan yang baik, bertoleransi, hormat menghormati dan kasih sayang kepada masyarakat Muslim khususnya pemimpin agama Islam.

Pemimpin agama Kristian perlu menjalinkan kerjasama bersama masyarakat bukan Kristian khususnya Muslim. Selepas mengakui bahawa wujudnya kebenaran dalam setiap agama, sekali lagi *Declaration Nostra Aetate* melalui Gereja Katolik telah mengajak masyarakat Kristian untuk mengiktiraf, memelihara dan mempromosi aspek-aspek kerohanian, moral dan amalan-amalan baik yang sedia wujud dalam setiap agama melalui usaha-usaha kerjasama sebagaimana dinyatakan,

“The Church, therefore, exhorts her sons, that through dialogue and collaboration with the followers of other religions, carried out with prudence and love and in witness to the Christian faith and life, they recognise, preserve and promote the good things, spiritual and moral, as well as the socio-cultural values found among these men.”³¹³

Pihak gereja mencadangkan tiga pendekatan dalam menjalin kerjasama bersama masyarakat bukan beragama Kristian terutama Muslim, iaitu:

- (a) Melaksanakan dialog agama atau diskusi: dalam pendekatan ini penulis berpandangan bahawa masyarakat Kristian terutama

³¹³ *Nostra Aetate*, 2.3.

pemimpin agama hendaklah terlebih dahulu memahami asas-asas pelaksanaan dialog antara agama sebelum menceburinya atau menghantar wakil-wakil untuk berdialog. Ini adalah kerana tanpa ilmu dan kefahaman yang jelas terhadap asas-asas dialog antara agama berkemungkinan besar pelaksanaannya tidak mencapai matlamat sebenar dan mungkin juga akan menjadi medan debat dan pergaduhan antara agama dan seterusnya berlaku konflik antara agama dan permusuhan. Konsep asas dialog antara agama yang perlu difahami oleh ketua agama merangkumi; (1) definisi dialog antara agama termasuk intra dialog, (2) tujuan, (3) prinsip, (4) panduan dan (5) peraturan. Perkara ini telah dihuraikan sebelum ini dalam bahagian 2.3.1(c) - bahagian Pertama untuk pemimpin agama Islam dan ia masih relevan untuk digunapakai oleh pemimpin agama Kristian. Pelaksanaan dialog antara agama ini amat penting terutama dalam dialog penyelesaian konflik.

- (b) Menjalinkan kerjasama dalam isu-isu bukan keagamaan seperti keadilan, keamanan dunia, kemanusiaan, etika sosial dan lain-lain.

- (c) Berdialog dan berdiskusi berkaitan aspek dalaman agama masing-masing agar dapat meningkatkan kefahaman. Penegasan telah dibuat oleh pihak gereja bahawa jangan sekali-kali mengajak masyarakat agama lain untuk bertukar agama kepada agama Kristian tetapi berkongsi pengalaman dan maklumat

berkaitan dengan agama mereka dalam konteks memberi kefahaman.³¹⁴

2.3.3 Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas dengan berasaskan kepada sumber-sumber utama agama Islam dan Kristian, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan;

Pertama: agama Islam dan Kristian amat mengambil berat prinsip-prinsip asas hubungan antara berlainan agama yang merangkumi dua aspek penting iaitu aspek keadilan dan toleransi, menghormati antara satu sama lain dalam konteks berlainan fahaman agama serta membuka ruang komunikasi serta berdialog. Di antara perincian Islam terhadap aspek-aspek tersebut adalah seperti (1) penekanan kepada aspek memuliakan dan menghormati sesama manusia walaupun berlainan agama, (2) membina hubungan baik, berinteraksi dan berdialog, (3) memelihara sesama manusia daripada sebarang bentuk kezaliman dan penindasan, (4) melindungi dan memelihara daripada sebarang pencerobohan harta benda serta kehormatan diri, (5) menjamin kebebasan agama dan mencari rezeki (6) melindungi sesama manusia semasa dalam keadaan uzur, tua dan kemiskinan. Manakala bagi agama Kristian turut menekankan (1) kepentingan membuka ruang komunikasi dan berdialog dengan agama selain Kristian (*non-Christian religion*) serta meningkatkan sikap (2) hormat- menghormati (*respect*), (3) memupuk sikap persahabatan (*friendship*), (4) memupuk sikap kebersamaan (*togetherness*) dan (5) menolak sikap prejudis (*prejudice*) dan (6) permusuhan (*antagonism*) sesama manusia.

³¹⁴ Mahmut Aydin, "Modern Western Christian Theological Understandings of Muslims Since The Second Vatican Council", 27.

Kedua: Setiap pemimpin agama setiap agama khususnya Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini harus menjalankan proses intra dialog dalam memberi penekanan kepada masyarakat agama masing-masing terhadap keperluan dan kepentingan membina hubungan baik sesama manusia walaupun berlainan keimanan sebagaimana perkara pertama di atas. Ini adalah kerana jika aspek ini tidak ditekankan dan seterusnya masyarakat tidak memahami ia sebagai satu tuntutan agama masing-masing maka sikap prejudis, ketidakpercayaan, malah menyukarkan proses pembinaan hubungan baik antara agama malah membawa kepada konflik antara agama.

Ketiga: Manakala di peringkat pemimpin agama sesama pemimpin agama pula platform dialog antara agama sama ada secara formal mahupun tidak formal hendaklah digerakkan. Justeru persediaan khusus perlu dilaksanakan oleh setiap pemimpin agama seperti meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap agama masing-masing serta membuka ruang untuk memahami agama-agama lain. Selain itu asas-asas berdialog juga harus difahami dengan jelas. Ini adalah kerana jika pemimpin agama tidak memahami asas-asas pelaksanaan dialog antara agama maka pelaksanaan dialog tidak akan menjadi kenyataan malah boleh mengakibatkan berlakunya konflik. Di antara asas dialog antara agama yang perlu difahami oleh pemimpin-pemimpin agama adalah; (1) definisi dialog antara agama termasuk intra dialog, (2) tujuan, (3) prinsip, (4) panduan dan (5) peraturan.

Setelah mendalami konsep asas pemimpin agama dan peranan yang harus dilaksanakan daripada persektif Islam dan Kristian melalui sumber utama agama masing-masing seperti keperluan melaksanakan *intra dialogue* dan *inter dialogue*, maka seterusnya penulis akan membincangkan pula rasional mengapa pemimpin agama

merupakan kumpulan yang paling utama menjadi *leading group* dalam hal-hal hubungan antara agama khususnya pelaksanaan dialog antara agama.

2.4 Rasional penglibatan pemimpin agama di dalam Dialog Antara Agama.

Berdasarkan huraian pada bahagian sebelum ini didapati bahawa pemimpin agama adalah kumpulan yang paling penting dalam pelaksanaan hubungan antara agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama. Berdasarkan kepada beberapa teori yang telah dibentuk oleh pengkaji terdahulu dan analisa penulis daripada kajian-kajian hubungan antara agama sama ada bersifat pelaksanaan dialog antara agama mahupun proses penyelesaian konflik antara agama, terdapat beberapa rasional untuk pemimpin agama terlibat secara serius dalam hal-hal hubungan antara agama seperti pelaksanaan dialog antara agama mahupun proses penyelesaian konflik.³¹⁵ Di antara rasional tersebut adalah (a) Rasional Normatif (*Normative Rational*), (b) Rasional sebagai Sumber Maklumat (*Resources Rational*), (c) Rasional dari aspek pentadbiran (*Governance Rational*), dan (d) Rasional ejen penyatuan (*Integrative Rational*).³¹⁶ Walaupun dalam kajian pengkaji-pengkaji Muslim seperti Yasril Yazid dan Hamizan bt. Abd. Azizi tidak membangunkan termonologi atau konsep "*Rational*" penglibatan pemimpin agama

³¹⁵ Di antara kajian yang turut membincangkan tentang kepentingan penglibatan pemimpin agama dalam dialog antara agama, berperanan dalam membina hubungan antara agama, berfungsi sebagai "*mediator*" dalam proses penyelesaian konflik agama serta pembinaan *social cohesion* adalah seperti Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity: Developing a model faith group involvement in civil renewal"(Laporan utama kajian di bawah program Civil Renewal Research Program, Local Government Research Unite, De Montfort University Leicester, UK, 2005); Special Report, "What Work? Evaluating Interfaith Dialogue Program", (Washington: United State Institute of Peace, 2004); Bill Sterland dan John Beauclerk, "Faith Communities as Potential Agents for Peace Building in the Balkan: An analysis of faith-based interventions towards conflict transformation and lasting reconciliation in post-conflict countries of former Yugoslavia", (Norwegian Church Aid, 2008); Mohammed Abu Nimer, "Conflict Resolution, Culture and Religion" Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding", *Journal of Peace Research*. Jil. 38. (London: Sage Publication, 2001); Kusumita P.Paderson, "The Interfaith Movement: An Incomplete Assessment", *Journal of Ecumenical Studies*. 41(1)(2004). Rujuk juga Yasril Yazid, "Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama:", 422-427 dan Hamizan Bt Abd Aziz, "Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan Pandangan Islam Mengenalinya", 90-97 dan 166-175. Lihat juga kajian-kajian lain yang telah dirujuk dan dianalisa oleh penulis di dalam Bab 1.

³¹⁶ Terminologi keempat-empat rasional ini telah dibangunkan serta dipelopori oleh Vivien Lowndes dan Racheal Chapman. Rujuk kajian penuh, *ibid.*, Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity:".

dalam masyarakat terutama dalam hal-hal hubungan antara agama seperti Vivien Lowndes dan Racheal Chapman tetapi huraian dan penekanannya tetap wujud. Sebagai contoh Yasril Yazid menggunakan terminologi “Fungsionari” yang didefinisikan sebagai merangkumi ulama’, ustaz, mubaligh, pope, pastur (*pastor*), pendeta dan sebagainya. Fungsinya juga turut meliputi tugas-tugas kepimpinan agama, memimpin para pemeluk agama dalam hal-hal keagamaan dan urusan atau masalah keduniaan dan secara khusus dalam kajian beliau adalah berperanan dalam hal hubungan antara agama. Manakala Hamizan dengan penggunaan konsep “ulama’”, “imam”, “ketua kaum” yang berperanan sebagai ketua mahupun pemimpin agama dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai fungsi seperti dalam hal-hal keagamaan seperti tauhīd, ‘ibādah, mu‘āmalah, siyāsah, tarbiyah, akhlak di samping menyelesaikan setiap permasalahan dan persoalan umat termasuk hal-hal hubungan antara agama. Oleh itu pada penelitian penulis, konsep rasional yang dibangunkan oleh pengkaji barat seperti *Normative Rational*, *Resources Rational*, *Governance Rational* dan *Integrative Rational* turut relevan diaplikasi dalam konteks masyarakat Muslim.³¹⁷

2.4.1(a) Pertama: Rasional Normatif (*Normative Rational*): Secara prinsipnya, rasional ini menekankan tentang peranan kumpulan pemimpin agama dalam menentukan nilai-nilai dan identiti masyarakat di bawah pengawasannya. Selain itu sifat dalaman seperti norma-norma keagamaan, kerohanian, keintelektualan, etika dan moraliti serta daya tahan ketua agama dalam komunitinya juga turut dititikberatkan. Ini adalah kerana norma-norma ini secara umumnya dapat meningkatkan juga moral masyarakat awam seterusnya menjadikan mereka model dalam kehidupan sama ada

³¹⁷Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa walaupun “*Rational Normative*” ini tidak secara khusus dibangunkan oleh kedua-dua pengkaji Muslim ini tetapi penekanan dan huraianya adalah tetap relevan dan bersesuaian dengan konteks peranan pemimpin agama dalam pendekatan Islam. Maklumat lanjut rujuk, Yasril Yazid, “Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama:”, 422-427 dan Hamizan Bt Abd Aziz, “Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan Pandangan Islam Mengenainya”, 90-97, 139-151 dan 166-175.

dalam komuniti sendiri (*intra community*) mahupun komuniti luar (*inter community*).³¹⁸ Ciri-ciri ini begitu penting kerana pelaksanaan dialog juga perlu berlaku dalam dua peringkat iaitu *inter dialogue* (dialog dengan komuniti luar) dan *intra dialogue* (dialog di dalam komuniti sendiri).

Menurut Vivien Lowndes dan Racheal Chapman dalam kajiannya mengenai penglibatan pemimpin agama dalam pembangunan masyarakat, beliau menyatakan bahawa *Normative Values* yang diuraikan di bawah *Normative Rational* adalah merupakan faktor utama dalam membentuk kesedaran, identiti dan komitmen pemimpin-pemimpin agama dalam membentuk dan memperbaiki pembangunan masyarakat. Nilai-nilai ini adalah merupakan nilai yang universal sifatnya di mana turut dikongsi oleh semua agama walaupun elemen-elemen khusus mungkin sedikit sebanyak menekankan tentang sesebuah agama.³¹⁹ Nilai-nilai yang dibina tersebut mempunyai 20 nilai kesemuanya seperti di dalam Kotak 2.1 di bawah.

³¹⁸ Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity:", 10-11.

³¹⁹ *Ibid.*, 12-13.

Kotak 2.1: Nilai Normatif Penglibatan Ketua Agama Dalam Pembangunan Masyarakat

NILAI NORMATIF PENGLIBATAN KETUA AGAMA DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT				
1) Matlamat yang positif(Positive Vision)	5)Kesamaan (Equality)	9)Kemaafan (Forgiveness)	13)Bersifat Baik(Wel-Being)	17)Mempunyai Sifat Keadilan yang tinggi(Justice)
2) Aman dan Harmoni (Peace & Harmony)	6)Perdamaian dan Pengantaraan (Reconciliation & Mediation)	10)Jujur dan Ketebukaan (Honesty & Openness)	14)Mempunyai Keyakinan yang tinggi(Confidence)	18) Mempunyai Identiti (Agamawan) Tersendiri (Identity)
3) Kemanusiaan (Humanity)	7)Perpaduan (Solidarity)	11) Berharap (Hope)	15)Diyakini(Trust)	19)Mempunyai Sikap Membangun Hubungan (Relationship Buliding)
4) Kejiranan (Neighbourliness)	8)Fokus Jangkamasa Panjang (Long-Term Focus)	12)Sifat Penderma/Amal (Charity)	16)Ketinggian sifat Hamba dan Khalifah(Service to God & Others)	20)Mempunyai Sikap Tranformasi dan Mementingkan Tindakan(Transformation & Action)

Sumber: Model yang dibangunkan oleh Vivien Lowndes dan Racheal Chapman

Selain daripada nilai-nilai normatif yang dimiliki oleh kumpulan pemimpin agama ini, terdapat beberapa faktor lain yang menjadi elemen penting yang membezakan kumpulan pemimpin agama daripada kumpulan-kumpulan lain dalam masyarakat. Di antaranya adalah elemen (1) Mempunyai komitmen yang bersepadu (*Holistic Commitment*), (2) Beridentiti Unggul (*Embedded Identity*) dan (3) Mempunyai kepelbagaian fungsi (*Multi function*).

(1) Komitmen bersepadu: Dalam faktor ini satu penyelidikan di United Kingdom berkaitan dengan penglibatan kumpulan agama dalam pembangunan dan pembaharuan masyarakat (*civil renewal*) mendapati bahawa segala usaha penglibatan dalam masyarakat seperti kerja-kerja sosial untuk pembangunan masyarakat adalah suatu amalan untuk meningkatkan keimanan dan agama (*faith mission*) serta membangun suatu perkongsian kasih sayang tuhan di sesebuah masyarakat (*demonstrating and*

sharing God's love in the community). Oleh itu ia menjadi suatu motivasi yang amat tinggi kepada kumpulan agama untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam pelbagai hal dan keperluan samada bersifat kerohanian mahupun fizikal.³²⁰ Ini juga telah dikongsi oleh satu laporan yang disediakan oleh pihak gereja di Britain dengan menyatakan “*Our Service to other is our service to God*” di mana turut menyatakan bahawa khidmat masyarakat atau keperihatinan sosial adalah perkara asas pengajaran dalam kebanyakan agama di dunia.³²¹

Selain daripada itu kumpulan agama mampu memainkan peranan penting dalam membangunkan hubungan sesama masyarakat sendiri (*intra community*), pengantara bagi masyarakat luar (*inter community*) serta badan-badan berkuasa tempatan atau pemerintah (*local government and organisation*) dalam banyak hal.³²² Ini juga pada hakikatnya menunjukkan bahawa kumpulan agama ini mampu mencipta ruang dan menyuburkan peluang untuk masyarakat bertemu, kenal-mengenal antara satu dengan lain, membina jaringan dan seterusnya saling bantu membantu.³²³ Ini pada hakikatnya adalah satu realiti terutama di dalam masyarakat yang multi agama dan budaya serta mampu menjadikan aspek kepelbagaian ini sebagai satu strategi untuk menyelesaikan masalah jangka masa panjang³²⁴ terutama yang berkaitan dengan hal-hal keagamaan. Dalam hal ini keterlibatan kumpulan agama dalam pembangunan masyarakat dalam pelbagai hal malangkaui batasan umur, kelas sosial dan ideologi dilihat lebih mempunyai nilai holistik, diyakini, fleksibel daripada badan-badan lain yang

³²⁰ Cairns, B. et al., *Faithful Regeneration: The Role and Contribution of Local Parishes in Local Communities in the Diocese of Birmingham*, (UK: Home Office, 2005), 3.

³²¹ London Churches Group, *Regenerating London: Faith Communities and Social Action*, (London: London Churches Group for Social Action, 2002), 4-6.

³²² Cairns, B. at al., “*Faithful Regeneration:*”, 43.

³²³ Reith, T., *Releasing the resources of the Faith Sector: A Faith works Report*, (London: Faith works, 2003), 7.

³²⁴ *Ibid.*, 12.

diistilahkan sebagai *secular agencies* di mana ciri-cirinya terhad dengan tugas yang khusus serta terikat dengan pelbagai kontrak, terma dan syarat.³²⁵

(2) Beridentiti Unggul (*Embedded Identity*): Kumpulan agama kebiasaannya mampu untuk menawarkan komitmen jangka panjang, berintegriti, berprinsip kerana komitmen mereka dalam pembangunan masyarakat didasari oleh kekuatan keimanan kepada agama³²⁶ dan tidak mempunyai kepentingan tertentu sebagaimana sebahagian pihak seperti ahli politik. Oleh itu mereka mampu untuk meneruskan agenda pembangunan masyarakat yang berterusan sama ada untuk komuniti sendiri (*intra community*) atau komuniti luar (*inter community*). Maka dengan ini mereka juga mampu untuk merancang penyelesaian yang berkesan (*valuable corrective action*) dengan mengenalpasti akar permasalahan sebenar dalam masyarakat dan akhirnya dapat membangunkan komitmen dan kepercayaan masyarakat untuk bersama-sama membuat perubahan ke arah yang lebih baik.³²⁷ Pada pandangan penulis ini adalah suatu aspek nilai kepercayaan yang dapat dibangunkan oleh kumpulan agama terhadap diri mereka berbanding kumpulan lain yang turut serta dalam pembangunan masyarakat dalam sesebuah negara.

(3) Bersifat Kepelbagaian (*Diversity*): Maksud kepelbagaian di sini adalah merujuk kepada kepelbagaian agama. Ini bermaksud wujud kepelbagaian kumpulan agama dalam sesebuah masyarakat atau negara merupakan suatu kelebihan di mana ia akan mewujudkan kepelbagaian pandangan, perancangan, strategi, idea, pemerhatian

³²⁵ Cairns, B. et al., "*Faithful Regeneration*:", 55; Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity:", 14-15.

³²⁶ Farnell et al, *Faith in Urban Regeneration: Engaging Faith Communities in Urban Regeneration*, (Bristol: The Policy Press, 2003), 41.

³²⁷ Lewis, J., *Faith Hope and Participation: Celebrating Faith Group' role in Neighborhood Renewal*, (London: The New Economic Foundation and Church, 2001), 4.

dari perspektif agama masing-masing³²⁸ terutama dalam proses pembangunan negara. Walaubagaimanapun pada pandangan penulis ia harus distruktur dengan rapi agar tidak berlaku perselisihan agama yang akhirnya boleh mengundang konflik antara agama.

2.4.1 (b) Kedua: Rasional sebagai Sumber Maklumat (*Resources Rational*): Rasional ini memberi fokus kepada sejauh mana pemimpin agama dapat mengurus dan mentadbir terutama dalam konteks pemimpin agama menjadi ketua kepada sesebuah institusi agama. Ini adalah kerana peranan dan tanggungjawab yang dipikul adalah amat besar seperti berperanan sebagai sumber maklumat terutama hal-hal berkaitan urusan agama, pemutus sesuatu perkara berkaitan hal-hal agama, membangunkan fizikal dan spiritual masyarakat, pembimbing dan sumber maklumat³²⁹ atau pengantara kepada isu-isu atau konflik antara agama. Pada dasarnya pemimpin agama adalah terdiri daripada mereka yang berpengetahuan luas dalam hal-hal agama dan masyarakat di samping mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Dalam membincangkan rasional ini terdapat beberapa teori daripada hasil penyelidikan pengkaji lain yang menyokong asas *Resources Rational* ini iaitu (1) Modal Insan (*Human Capital*), (2) Modal Sosial (*Social Capital*) dan (3) Modal Fizikal (*Physical Capital*).

(1) Modal Insan (*Human Capital*): Ini bermaksud bahawa kumpulan agama dapat menyumbang dari kedua-dua aspek kepimpinan (*leadership*) mahupun pengurusan (*management*). Mereka mampu untuk menarik kepercayaan, mempengaruhi dan menarik komitmen masyarakat di bawah pentadbirannya untuk mendengar,

³²⁸ Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity:", 15-17.

³²⁹ Yasril Yazid, "Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama:", 423-424 dan Hamizan Bt Abd Aziz, "Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan Pandangan Islam Mengenaunya", 166-175

memahami dan terlibat secara sukarela dalam pembangunan masyarakat.³³⁰ Kumpulan agama juga mampu menjadi sumber inspirasi dan motivasi berterusan³³¹ terutama dalam hal-hal keagamaan dan kehidupan seharian serta mampu menggerakkan masyarakat berasaskan kepimpinan melalui teladan (*leading by example*).³³² Ini pada pandangan penulis adalah suatu aspek yang sukar dilakukan oleh mana-mana kumpulan dalam masyarakat terutama ahli politik. Kelebihan ini sudah pasti membuatkan kumpulan agama dapat membina hubungan baik, mengenalpasti potensi dan permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan masyarakat yang dikategorikan sebagai “*hard to reach group*” bersama-sama turut serta dalam pembangunan masyarakat.³³³

(2) Modal Sosial (*Social Capital*): Kumpulan agama dikategorikan sebagai kumpulan yang mempunyai kredibiliti dan integriti yang tinggi berbanding kumpulan lain kerana keberadaan mereka sebagai kumpulan agama (pemimpin agama) adalah melalui proses dan pengalaman yang panjang dan tidak secara jalan singkat.³³⁴ Oleh itu dengan pengalaman yang luas mereka dapat mengetahui latarbelakang permasalahan, susur-galur sejarah dan pendekatan penyelesaiannya terutama masalah yang berhubungkait dengan perbezaan fahaman agama, etnik dan budaya, hal-hal berkaitan tuntutan hak sebagai masyarakat bernegara, isu-isu kelompok majoriti dan minoriti dalam negara, perundangan dan pelbagai lagi.³³⁵ Oleh yang demikian dalam kerangka bernegara kumpulan agama secara dasarnya dapat membantu golongan ini menyuarakan kehendak dan tuntutan, membangunkan suatu kesedaran identiti, maruah serta matlamat kehidupan, memperbaiki polisi-polisi tertentu terutama kepada pihak yang berkaitan

³³⁰ Farnell et al , “*Faith in Urban Regeneration:*”, 22 ; Vivien Lowndes dan Racheal Chapman , “Faith, hope and clarity:”, 22.

³³¹ Reith, T., *Releasing the resources of the Faith Sector:*”, 7.

³³² Cairns, B. et al., “*Faithful Regeneration:*”, 54.

³³³ Reith, T., *Releasing the resources of the Faith Sector:*”, 10; Lewis, J., “*Faith Hope and Participation:*”, 4; Farnell et al , “*Faith in Urban Regeneration:*”, 9.

³³⁴ *Ibid.*, Reith, T., *Releasing the resources of the Faith Sector:*”, 10.

³³⁵ Farnell et al , “*Faith in Urban Regeneration:*”, 7;

seperti pemerintah semasa atau kerajaan. Ini dikenali sebagai pendekatan “*bottom-up approach*” iaitu peranan kumpulan agama sebagai “*starter*”, “*mobiliser*” atau “*mediater*” daripada menunggu tindakan diambil oleh pihak atasan yang dikenali sebagai “*top-down approach*”, atau “*top down policies*”³³⁶ yang kadangkala memakan masa yang lama untuk dilaksanakan.

(3) Modal Fizikal (*Physical Capital*):³³⁷ Maksud kepada modal fizikal ini adalah berkaitan peranan yang dinamakan sebagai “*religious building*” atau pada pandangan penulis dalam konteks semasa adalah rumah ibadah “*worship place*” seperti masjid bagi masyarakat Islam dan gereja bagi masyarakat Kristian di mana kumpulan agama mengetuai dan mengurus hal-hal keagamaan di dalamnya. Ini bermaksud mereka memilikinya, dalam kata lain mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju dan bentuk inisiatif, aktiviti yang perlu dijalankan. Dalam elemen ini penulis melihat ia amat bersesuaian dengan konteks agama kristian dan agama Islam iaitu peranan kumpulan agama menjadikan Rumah Ibadah sebagai tempat pembangunan masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu pada pandangan penulis amat bersesuaian dijadikan sebagai pusat untuk melaksanakan *intra-dialogue* atau *inter-dialogue* dalam hal-hal berkaitan hubungan antara agama sebagaimana fokus kajian ini.

2.4.1 (c) Ketiga: Rasional dari aspek pentadbiran (*Governance Rational*): Secara umumnya kumpulan pemimpin agama ini juga adalah peneraju kepada sesebuah institusi yang berautoriti di pelbagai peringkat seperti di peringkat nasional (tertinggi dalam negara).³³⁸ Rasional ini dilihat dari konteks yang lebih luas

³³⁶ Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, “Faith, hope and clarity:”, 23-24.

³³⁷ *Ibid.*, 24.

³³⁸ Yasril Yazid, “Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama:”, 422-423

iaitu berperanan sebagai wakil, pengantara, mediasi atau ejen di dalam komunitinya dan di antara kumpulan-kumpulan agama atau kumpulan-kumpulan selain agama. Di antara isu-isu yang timbul dalam perbincangan masyarakat yang berbilang agama dan budaya adalah kemampuan kumpulan agama mentadbir, mengawal dan memerangi diskriminasi agama dan kaum, tuntutan hak kaum minoriti serta mempromosikan konsep saling faham-memahami antara masyarakat berbilang agama.³³⁹

Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa penglibatan serius kumpulan pemimpin agama ini dalam mentadbir dan mengurus hal-hal hubungan antara agama dan kaum dalam sesebuah masyarakat akan mengurangkan “*religious tension*” atau konflik agama.³⁴⁰ Oleh itu pada pandangan penulis fungsi dan peranan mereka ini dilihat amat penting dalam melibatkan diri di dalam pelaksanaan *intra-dialogue* mahupun *inter-dialogue* atau disebut juga dalam beberapa kajian sebagai *inter-faith network*. Selain itu wujud juga sesetengah kumpulan agama terutama pemimpin agama menjawat jawatan dalam badan-badan berautoriti sama ada di peringkat daerah, kawasan, zon-zon tertentu mahupun di peringkat negara. Ia dipanggil sebagai “*Multi Agency Local Strategic Partnership*”³⁴¹ di mana ini juga dapat meningkatkan peranan pemimpin agama dalam aspek pembinaan polisi khususnya dalam hal-hal melibatkan hubungan antara agama dan kaum sebagaimana fokus kajian ini. Pada pandangan penulis aspek ini adalah amat penting tambahan lagi setiap negara mempunyai perlembagaan yang berbeza dan suasana serta realiti masyarakat yang juga berbeza. Oleh itu dengan penglibatan pemimpin agama ini dapat menterjemahkan pandangan-pandangan agama dalam pembangunan agama khususnya dalam mentadbir masyarakat yang mempunyai latarbelakang agama yang pelbagai. Penelitian penulis dalam konteks

³³⁹Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, “Faith, hope and clarity”, 25

³⁴⁰*Ibid.*

³⁴¹*Ibid.*

pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyyah, didapati bahawa ketua gereja diberi hak kuasa yang luas kepada para pengikut agamanya dan turut dianggap sebagai salah seorang pegawai kerajaan. Golongan agama ini boleh membuat keputusan atau menjatuhkan hukuman di dalam kes-kes kesalahan yang berkaitan dengan masyarakat agama mereka sahaja. Selain itu paderi-paderi wilayah turut diberi kuasa membantu dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan urusan sivil dalam kalangan masyarakat mereka. Ini juga amat jelas bahawa wujudnya rasional penglibatan pemimpin agama dalam pentadbiran negara iaitu dalam konteks ini kerajaan itu adalah kerajaan Islam.³⁴²

2.4.1 (d) Keempat: Rasional ejen penyatuan (*Integrative Rational*): Pemimpin agama juga dapat lihat boleh berfungsi dalam membentuk kesepaduan masyarakat (*community cohesion*) terutama dalam masyarakat yang berciri plural sama ada dalam aspek etnik mahupun agama.³⁴³ Di antara dua elemen yang boleh dimainkan oleh ketua agama adalah untuk membentuk dan mempromosi (1) kesepaduan masyarakat (*community cohesion*). (2) Membentuk dan mempromosikan kesatuan kerakyatan (*Sense of Citizenship*).

(1) Kesepaduan masyarakat (*community cohesion*). Dalam hal ini saluran diplomatik (*diplomatic stream*) di peringkat nasional amat penting di mana pihak berkuasa seperti kerajaan harus mengusahakan satu platform yang dianggotai oleh pemimpin agama daripada seluruh penganut agama. Sebagai contoh platform yang

³⁴² Rujuk kupasan lanjut dalam, Mat Saad Abdul Rahman, "Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam (622M – 1924M)", dalam *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*, ed. Abdul Munir Yaacob dan Sarina Othman, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 125-131.

³⁴³ Yasril Yazid, "Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama:", 424.

sesuai adalah *Inter-Faith Network*³⁴⁴ atau yang paling tepat seperti mana fokus kajian ini adalah Dialog Antra Agama. Di mana jika berlakunya konflik di antara agama, pemimpin agama harus menggerakkan dialog, perjumpaan, berkomunikasi, sebagai contoh pemimpin agama di peringkat national (cth: Mufti dan Paderi untuk agama Islam dan Kristian). Perjumpaan ini juga bukan sahaja berbincang penyelesaian segera tetapi boleh juga untuk memuhasabah berkaitan pelaksanaan pengajaran agama masing-masing sama (*quality of religious teaching and understanding*) di kalangan masyarakat yang mereka pimpin.³⁴⁵ Berkemungkinan kekurangan ilmu berkaitan membina hubungan dengan masyarakat pelbagai agama dalam sesebuah negara menyebabkan konflik timbul. Jika perbincangan penyelesaian konflik dapat diatasi dengan baik maka kedua-dua wakil pemimpin agama harus membuat kenyataan akhbar secara bersama (*joint press release*) untuk meyakinkan dan menenangkan situasi tegang masyarakat yang mereka wakili. Selain itu isu-isu penting lain juga harus mendapat tempat di dalam setiap perbincangan seperti kepentingan membina perpaduan, saling bantu membantu di kalangan masyarakat berbilang kaum, kemiskinan masyarakat, keselamatan setempat dan pelbagai perkara yang dapat meningkatkan hubungan antara agama.³⁴⁶ Sebagaimana laporan yang dihasilkan oleh *Community Cohesion Panel* di London berkaitan penglibatan masyarakat beragama dalam membina hubungan antara agama menyebut:

*“all major faith promote equality and respect for other as a fundamental value. In most cases, at a personal and community level, this translate into good community relations and integrity in public life. Such values can be real resources in the practical implementation of community cohesion strategies”*³⁴⁷

³⁴⁴Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, “Faith, hope and clarity:”, 32.

³⁴⁵ *Ibid.*

³⁴⁶ *Ibid.*, 32-34.

³⁴⁷ *Ibid.*, 34.

Di samping aktiviti dialog dan komunikasi yang bersifat formal pemimpin-pemimpin agama juga harus menggerakkan inisiatif yang bersifat tidak formal³⁴⁸ seperti sosial aktiviti, aktiviti bantuan kemanusiaan, festival budaya malah aktiviti sukan juga adalah salah satu aktiviti dialog tidak formal yang dapat membentuk kesefahaman di kalangan masyarakat berlainan agama.

Selain itu pemimpin agama juga perlu membangunkan kesepaduan di kalangan masyarakat penganut agama mereka sendiri (*intra community*) terutama dalam meningkat kefahaman berkaitan keperluan untuk membina hubungan baik di kalangan masyarakat berlainan agama. Oleh itu proses pembentukan dan pelaksanaan intra dialog harus dijalankan oleh setiap pemimpin agama di peringkat bawah³⁴⁹ sebagai contoh menggunakan saluran perhimpunan agama. Pada pandangan penulis dengan realiti di Malaysia contoh platform bagi masyarakat Islam adalah melalui intra dialog dan maklumat boleh disalurkan melalui Khutbah Jumaat begitu juga bagi pihak agama Kristian maklumat boleh disalurkan melalui *Sunday Gathering* di samping saluran atau platform lain.

(2) Membentuk dan mempromosikan kesatuan kerakyatan (*Sense of Citizenship*). Contoh yang paling sesuai dengan realiti seperti di Malaysia adalah membentuk dan mempromosikan kerakyatan Malaysia (*Malaysian Citizenship*) atau “Bangsa Malaysia”. Proses yang telah dilaksanakan di Britain iaitu membangunkan kesedaran tentang kesatuan kerakyatan rakyat British iaitu “Britishness”.³⁵⁰ United Kingdom adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang terdiri dari pelbagai agama, bangsa dan budaya dan hal ini golongan ketua agama turut serta memainkan

³⁴⁸ *Ibid.*

³⁴⁹ *Ibid.*

³⁵⁰ *Ibid.*, 35.

peranan sebagai jurubicara “*spokeperson*” untuk memperbetulkan sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan isu-isu antara agama, menanam ke dalam diri penganut masing-masing tentang nilai-nilai yang boleh dikongsi bersama dalam konteks mengakui kewujudan kepelbagaian masyarakat, kepelbagaian kefahaman agama dan kepelbagaian identiti serta mengawal golongan pelampau agama (*extremist religious group*).³⁵¹ Berkaitan perkara ini, terdapat perbincangan oleh sarjana di Malaysia tentang kepentingan untuk mempromosikan “Bangsa Malaysia”.³⁵² Biasanya kita akan menulis di dalam borang-borang tertentu sama ada “Bangsa: Malayu, Cina, India” dan sebagainya sedangkan kita semua adalah rakyat Malaysia atau Bangsa Malaysia. Dengan pembentukan Bangsa Malaysia ini berkemungkinan dapat mengurangkan jurang pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Maka usaha ini juga perlu kepada penglibatan pemimpin agama.

2.4.2 Kesimpulan

Merujuk kepada teori yang telah dibentuk oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini sebagaimana yang telah dihuraikan maka penulis menyimpulkan bahawa penglibatan pemimpin agama dalam proses pembangunan masyarakat bernegara terutama dalam hal-hal hubungan antara agama adalah suatu keperluan berbanding dengan kumpulan lain.

³⁵¹ *Ibid.*

³⁵² Di antara tokoh yang telah membahaskan perkara ini adalah Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin. Beliau telah memberikan ucapnama di Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration (RECCNI2012) yang di anjurkan oleh Universiti Pertahanan Malaysia pada 19-21 Jun 2012 di Palace of Golden Horses, Kuala Lumpur. Kertas kerja beliau bertajuk, “One State, Many Nation: Cross Cultural Communication and Building Social Cohesion in Malaysia”.

Pertama: Berdasarkan Normatif Rasional penulis mendapati bahawa kuasa motivasi (*motivational spirit*) atau kuasa tarikan yang wujud dan terserlah di dalam diri pemimpin agama adalah amat berperanan dalam mempengaruhi masyarakat di bawah pentadbirannya. Ini adalah kerana masyarakat akan tertarik dengan keilmuan (ciri seseorang yang berilmu) yang dimiliki dan identiti keagamaan (*faith identity*) seseorang ketua agama termasuk Nilai Normatif sebagaimana dinyatakan di dalam Kotak 2.1 dalam huraian sebelum ini. Di antaranya adalah seperti mempunyai sifat agamawan yang tersendiri (*religious identity*), sifat keadilan yang tinggi (*justice*), sifat jujur dan keterbukaan (*honesty and openness*), sifat kemanusiaan (*humanity*), sifat suka kepada keamanan dan keharmonian (*peace and harmony*), sifat diyakini (*trust*), sifat baik (*well-being*) serta sifat hamba dan kekhalfahan (*servant and vicegerent*) dan sebagainya. Aspek ini juga sebenarnya dapat menarik perhatian masyarakat di luar pentadbirannya atau dalam kalangan kumpulan pemimpin-pemimpin agama (*within inter-faith network*). Selain itu keyakinan yang tinggi daripada badan pembuat dasar (kerajaan dan ahli politik) terhadap pemimpin agama juga adalah amat perlu. Ini adalah kerana kerjasama daripada golongan pemerintah atau kerajaan dengan golongan agama adalah amat diperlukan terutama dalam proses untuk membentuk dasar, polisi, mekanisma, platform hubungan antara agama seperti platform dialog (*dialogue*), jaringan (*network*), majlis (*council*) mahupun melaksanakan proses penyelesaian konflik antara agama.

Kedua: Berkaitan rasional pemimpin agama berperanan sebagai sumber seperti pembangunan modal insan, modal sosial dan modal fizikal dalam masyarakat masing-masing seterusnya ke peringkat nasional, pada pandangan penulis pergerakan sumber-sumber ini dilihat mempunyai peluang-peluang dan halangan-halangan tertentu. Oleh itu proses pergerakan sumber-sumber ini harus dirangka, distruktur dengan begitu

kemas mengikut keadaan dan realiti setempat(negara) dengan melihat kepada kekuatan (*strength*), kelemahan (*weaknessess*), peluang (*oppurtunities*) dan ancaman (*threat*). Justeru setiap pemimpin agama harus menstrategi setiap pergerakan sumber ini ke arah membina sokongan dari dalam ke luar (*in-out approach*) mahupun dari luar ke dalam (*out-in approach*) dengan mengamilkira penyertaan masyarakat sendiri, pembuat dasar (*policy-makers*), ketua-ketua agama (*faith leaders*) dan aktivis masyarakat (*community activist*) terutama aktivis agama. Ini adalah kerana jika mobilisasi keempat-empat komponen ini tidak dapat dilibatkan maka untuk meyakinkan keperluan pembangunan infrastruktur antara agama (*inter-faith infrastructure*)³⁵³ dan pelaksanaan aktiviti dialog antara agama secara berterusan akan menghadapi kegagalan.

Ketiga: Rasional dari aspek pentadbiran (*Governance Rational*) mempunyai kaitan langsung dengan hasil (*outcomes*) penglibatan pemimpin agama dalam hal-hal pentadbiran sesebuah negara terutama hal-hal hubungan antara agama. Matlamat penglibatan ini adalah untuk melibatkan kumpulan pemimpin agama dalam (1) pengeluaran perkhidmatan (*co-production in services*), (2) *khidmat nasihat (policy consultation)* dan (3) penasihat kepada proses membuat keputusan (*decision making partnership*). Berdasarkan matlamat ini penulis melihat bahawa keperluan ini dilihat penting oleh pihak berkuasa atau kerajaan untuk memenuhi kekurangan atau mengisi bidang-bidang kritikal yang tidak dapat dilaksanakan pihak berkuasa seperti isu-isu hubungan antara agama di mana berkemungkinan kuasa atau pengaruh ahli politik tidak

³⁵³ *Interfaith infrastructure* yang dimaksudkan oleh penulis di dalam kajian ini adalah seperti infrastruktur berbentuk pembentukan dasar, polisi hubungan antara agama dan juga bantuan dana kewangan. Kedua-dua infrastruktur ini amat penting untuk menggerakkan aktiviti dialog antara agama sama ada berbentuk formal dan tidak formal. Latihan-latihan berterusan bagi ketua-ketua agama dalam kontek memahami hubungan antara agama konteks semasa dan realiti semasa juga harus dilaksanakan dan ia memerlukan dana kewangan untuk merealisasikannya. Di samping itu latihan-latihan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan (*leadership skills*) di kalangan kumpulan pemimpin agama juga amat penting. Selain itu penyebaran maklumat-maklumat yang tepat terhadap sesuatu konflik semasa antara agama berbentuk media cetak mahupun elektronik juga perlu dilaksanakan dengan kekerapan yang tinggi dan tidak boleh mengharap media arus perdana semata-mata kerana ditakui dipengaruhi unsur-unsur politik. Maka semua ini memerlukan dana kewangan yang tinggi.

dapat menyelesaikannya terutama dalam pertimbangan ketidakyakinan masyarakat bawahan terhadap golongan ahli politik.

Keempat: Rasional yang terakhir iaitu Rasional sebagai ejen penyatuan atau perpaduan (*Integrative Rational*) adalah kunci (*key-rational*) kepada seluruh rasional sebagaimana dihuraikan sebelum ini. Pada pandangan penulis jika peranan pembentukan kesepaduan masyarakat (*community cohesion*) dan pembentukan kesatuan kerakyatan (*sense of citizenship*) tidak dapat tempat di kalangan masyarakat apatah lagi bukan menjadi matlamat masyarakat maka sebarang proses penyatuan yang cuba di bawa oleh pihak pembuat dasar (*policy maker*), kerajaan atau pemerintah tidak akan dapat dilaksanakan.

Setelah memahami matlamat kepentingan dan keperluan kumpulan pemimpin agama terlibat secara serius dalam pembangunan negara terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antara agama sebagaimana fokus kajian ini maka dalam bab seterusnya penulis akan menganalisa pula siapakah yang dimaksudkan dengan pemimpin agama dalam konteks negara Malaysia. Ini adalah kerana pada pandangan penulis analisa ini adalah amat penting memandangkan negara Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berpalimen dan Raja Berpelembagaan. Ini bermaksud segala proses pentadbirannya adalah berdasarkan dokumen bertulis yang mengandungi undang-undang asas dan tertinggi negara.

2.5 Pemimpin Agama konteks Negara Malaysia

2.5.1 Pemimpin Agama daripada perspektif Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen.³⁵⁴ Prinsip utama dalam sistem ini adalah raja berpelembagaan, mengamalkan sistem Parlimen, mempunyai perlembagaan negara tersendiri sebagai satu undang-undang yang harus dipatuhi oleh semua pihak, mempunyai sistem pemerintahan dan kebebasan asasi. Semua ini telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.³⁵⁵

Merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 32 iaitu Kepala Utama Negara bagi Persekutuan, dan Permaisurinya, adalah amat jelas menerangkan bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) adalah berfungsi sebagai Ketua Negara Malaysia³⁵⁶ yang telah dipilih oleh Majlis Raja-Raja³⁵⁷. Dengan merujuk kepada Perkara 39 iaitu Kuasa pemerintah Persekutuan³⁵⁸ pula jelas menegaskan bahawa Ketua Negara iaitu Yang di-Pertuan Agong(YDPA) memegang kuasa tertinggi dalam

³⁵⁴ Sistem Demokrasi Berparlimen bermaksud semua wakil yang telah dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi iaitu sistem pilihanraya yang diadakan setiap lima tahun sekali akan menduduki Parlimen dan menjalankan tanggungjawab pemerintahan negara melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Maklumat lanjut rujuk Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin, *Pengajian Malaysia*, ed. ke-4, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2005), 107-116.

³⁵⁵ Nadzan Haron dan Rozeman Abu Hasan, *Malaysia Melangkah ke Hadapan, Pengajian Malaysia sejak 1945*, (Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd., 2012), 115-117.

³⁵⁶ Perkara 32 (1) Maka hendaklah ada seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan digelar Yang di-Pertuan Agong, yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah kecuali dalam Mahkamah yang ditubuhkan di Bahagian 15. Rujuk *Perlembagaan Persekutuan*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2012), 38-39.

³⁵⁷ Perkara 38 (2) Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan tugas-tugasnya bagi – (a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga. *Ibid.*, 44-45.

³⁵⁸ Perkara 39, Kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang-orang lain. *Ibid.*, 47.

pentadbiran negara seperti pentadbiran, perundangan, keagamaan, kehakiman, ketenteraan dan lain-lain. Manakala di peringkat negeri Raja atau Sultan bertindak sebagai Ketua Negeri. Manakala negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan seperti di Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka akan diketuai oleh Yang Dipertua Negeri.³⁵⁹

Merujuk kepada huraian di atas salah satu tugas dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong di peringkat Persekutuan dan Raja atau Sultan di peringkat negeri adalah sebagai ketua yang mengetuai hal-hal keagamaan. Ini telah dijelaskan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dalam Agama bagi Persekutuan. Perkara 3 (2) telah menyebut:

“Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya”.³⁶⁰

Manakala negeri-negeri yang tidak mempunyai raja atau Sultan seperti Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka maka Yang di-Pertuan Agong akan berperanan sebagai Ketua Agama Islam, sebagaimana disebut dalam Perkara 3 (3);

³⁵⁹ Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin, *Pengajian Malaysia*, 109-110

³⁶⁰ *Perlembagaan Persekutuan*, 2.

“Perlembagaan-perlembagan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri itu”.³⁶¹

Manakala Perkara 3 (5) menegaskan tentang Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai Ketua Agama Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sebagaimana disebut;

“Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam”.³⁶²

Maka dengan ini amat jelas bahawa Pemimpin Agama Islam sebagaimana yang dinyatakan dan terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong di peringkat Persekutuan dan Raja atau Sultan di peringkat negeri. Walaubagaimanapun kajian mendapati Perlembagaan Malaysia tidak menggunakan istilah Pemimpin Agama untuk menerangkan seseorang yang mengetuai atau memimpin hal-hal berkaitan keagamaan di peringkat tertinggi, tetapi istilah yang digunakan adalah Ketua Agama dan dengan jelas ia merujuk kepada Ketua Agama Islam mahupun Pemimpin Agama Islam.

³⁶¹ *Ibid.*, 3

³⁶² *Ibid.*

Walaupun bagaimanapun terdapat persoalan yang ketara iaitu siapakah yang berperanan sebagai pemimpin agama bagi masyarakat bukan beragama Islam seperti masyarakat Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain. Sedangkan sebagai pemimpin agama di peringkat negara iaitu YDPA dan di peringkat negeri iaitu Raja atau Sultan, Baginda berperanan sebagai lambang kepada negara dan negeri, tumpuan kesetiaan dan perpaduan rakyat yang berbilang agama dan kaum di Malaysia.³⁶³ Ini pada pandangan penulis sedikit sebanyak akan menyumbang kepada konflik antara agama sebagaimana yang telah berlaku selama ini terutama apabila melibatkan agama Islam. Ini adalah kerana ia dilihat seakan-akan YDPA dan Raja atau Sultan berpihak kepada masyarakat Islam sahaja. Sedangkan masyarakat yang beragama bukan Islam juga adalah rakyat Malaysia. Perkara ini juga telah dinyatakan dengan jelas di dalam Perkara 8³⁶⁴ Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyebut:

Perkara 8 Sama rata

- (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
- (2) Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan...
- (3) Tidak boleh ada perbezaan bagi faedah seseorang oleh sebab ia seorang rakyat Raja bagi mana-mana Negeri.

Untuk melihat lebih lanjut akan permasalahan yang dinyatakan oleh penulis sebagai satu faktor yang boleh menyumbang konflik kepada hubungan antara agama maka di bahagian selanjutnya penulis akan menghuraikan peranan dan tanggungjawab

³⁶³ Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin, *Pengajian Malaysia*, 109.

³⁶⁴ *Perlembagaan Persekutuan*, 8-9.

secara khusus pemimpin agama Islam sebagaimana terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2.5.2 Peranan Pemimpin Agama Islam dalam Perlembagaan

Terdapat lima Peruntukan Utama di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu bahasa, agama, kewarganegaraan, hak istimewa orang Melayu dan kebebasan asasi. Maka yang berkaitan secara langsung dengan perbahasan kajian ini adalah berkaitan dengan agama. Merujuk kepada Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyebut;

“ Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”³⁶⁵

Sebagaimana yang dihuraikan pada bahagian sebelum ini iaitu Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai Ketua Agama³⁶⁶ Islam di peringkat Wilayah Persekutuan, termasuk Sabah, Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang. Manakala Raja atau Sultan pula bertindak sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Ini bermakna terdapat pengasingan kuasa di antara Persekutuan dan Negeri yang disebut oleh perlembagaan sebagai pembahagian kuasa dalam pentadbiran kerajaan.³⁶⁷ Perkara ini telah terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan sebagai (1) Senarai Persekutuan³⁶⁸, (2) Senarai Bersama³⁶⁹, dan (3) Senarai Negeri³⁷⁰. Maka di sini hal-hal

³⁶⁵ *Ibid.*, 2.

³⁶⁶ Dalam keseluruhan perbahasan 2.52 dan 2.53 kajian ini, penulis akan menggunakan istilah Ketua Agama sebagaimana yang digunakan oleh Perlembagaan Malaysia untuk merujuk kepada Pemimpin Agama sebagaimana fokus kajian ini.

³⁶⁷ Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin, *Pengajian Malaysia*, 124.

³⁶⁸ Senarai Persekutuan merangkumi Hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, kerakyatan Negara, kewangan, undang-undang jenayah dan sivil dan lain-lain. Maklumat lanjut rujuk *Ibid.*, 124-125.

³⁶⁹ Senarai Bersama merangkumi perkara yang membolehkan badan perundangan negeri membuat undang-undang selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang Persekutuan, di antaranya hal

yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam adalah disenarikan di dalam Senarai Negeri. Oleh itu untuk menyelaraskan pentadbiran hal ehwal agama Islam di peringkat Persekutuan, maka pada 17 Oktober 1968 sebuah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam telah ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja.³⁷¹

2.5.2(a) Peranan Pemimpin Agama Islam (Persekutuan) – Tugas Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam

Majlis ini dianggotai oleh (1) Seorang Pengerusi (biasanya Perdana Menteri), (2) Seorang wakil dari setiap negeri Semenanjung Malaysia yang dilantik oleh Raja negeri masing-masing. Bagi Pulau Pinang dan Melaka wakil dilantik oleh YDPA. Manakala Sabah dan Sarawak wakil dilantik oleh Yang Dipertua Negeri masing-masing. (3) Lima orang ahli yang dilantik oleh YDPA dengan persetujuan daripada majlis Raja-Raja.³⁷²

Di antara bidang tugas Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam adalah (1) Menasihati apa-apa perkara yang diajukan oleh Majlis Raja-Raja, kerajaan Negeri dan Majlis Agama Negeri. (2) Menasihati Majlis Raja-Raja, kerajaan Negeri dan Majlis Agama Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syara', pendidikan Islam dan lain-lain perkara mengenai perkara agama Islam dengan tujuan untuk memperbaiki dan mengadakan penyeragaman hukum syara' dan pentadbiran Islam.³⁷³

kebijakan sosial, biasiswa pendidikan, perancangan Bandar dan Negara, kesihatan dan kebersihan awam, parit dan tali air dan lain-lain. Rujuk *Ibid.*

³⁷⁰ Senarai Negeri merangkumi Hal-ehwal Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan, undang-undang negeri dan lain-lain. *Ibid.*

³⁷¹ *Ibid.*, 133.

³⁷² *Ibid.*

³⁷³ *Ibid.*, 133-134.

2.5.2(b) Peranan Pemimpin Agama Islam (Negeri) – Tugas Majlis Agama Islam Negeri

Manakala di setiap negeri pula sebuah Majlis Agama Islam ditubuhkan bagi berperanan menasihati Raja atau Sultan berkaitan hal ehwal Agama Islam di mana penubuhan majlis ini adalah berdasarkan undang-undang negeri.³⁷⁴ Sebagaimana yang dihuraikan di dalam bahagian sebelum ini hal ehwal Agama Islam adalah di dalam Senarai Negeri yang merangkumi perkara-perkara berkaitan (1) hukum syara' dan undang-undang diri dan keluarga, (2) adat istiadat Melayu, (3) wakaf, (4) fitrah, (5) Zakat, (6) Baitulmal, (7) Masjid, (8) Hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat Islam terhadap Rukun Islam, (9) Mahkamah Syariah dan (10) mengawal iktikad dan kepercayaan di kalangan masyarakat Islam.³⁷⁵

2.5.3 Pemimpin Agama Islam - Bertindak atas nasihat

Oleh yang demikian dengan merujuk kepada huraian di atas didapati secara jelas bahawa tugas YDPA selaku Ketua Agama Islam di peringkat Persekutuan dan Raja atau Sultan di peringkat Negeri bukan pemutus kepada sesuatu perkara tetapi perlu mendapat pertimbangan daripada badan-badan yang dilantik untuk menasihati Baginda dalam membuat keputusan. Sebagaimana termaktub di dalam perlembagaan perkara 40³⁷⁶, menyebut:

Perkara 40 Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat.

(1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau di bawah undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang

³⁷⁴ *Ibid.*, 134.

³⁷⁵ *Ibid.*

³⁷⁶ *Perlembagaan Persekutuan*, 47

Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini; tetapi Yang di-Pertuan Agong adalah berhak, atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri.

(1A) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, jika Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat, atau selepas menimbang nasihat, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

Dalam Perkara 40 (2A)³⁷⁷, yang dilihat seakan Yang di-Pertuan Agong menjadi pemutus tetapi sebenarnya masih tertakluk kepada memberi buah fikiran, sebagaimana dinyatakan :

(2A) Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan tugas-tugas yang berikut iaitu:

- (a) melantik seorang Perdana Menteri;
- (b) tidak memersetujui permintaan membubar Parlimen;
- (c) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan mengambil apa-apa tindakan dalam mesyuarat itu.

Jika berdasarkan Perkara 40 (2A) (a),(b) dan (c) di atas jelas menunjukkan bahawa budi bicara Ketua Agama Islam tidak termasuk hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal Islam kecuali dalam Perkara 11 (4)³⁷⁸ Kebebasan Agama sebagaimana disebut:

³⁷⁷ *Ibid.*, 47-48. Untuk maklumat lanjut berkaitan peranan –peranan Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sila rujuk Nadzan Haron dan Rozeman Abu Hasan, *Malaysia Melangkah ke Hadapan, Pengajian Malaysia sejak 1945*, 141-146.

³⁷⁸ *Perlembagaan Persekutuan*, 12-13

(4) Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama, antara orang-orang yang menganuti agama Islam.

Maka dengan itu Perkara 38 (2) (b) dan Perkara 38 (6) (d) telah menyokong Perkara 11(4) di atas dengan menyebut:

Perkara 38 Majlis Raja-Raja³⁷⁹

(2) Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan tugas-tugasnya bagi- (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.

(6) Ahli –ahli Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam apa-apa urusan berhubung tugas-tugas berikut iaitu – (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perubahan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun sekali lagi ditegaskan bahawa Majlis Raja-Raja yang dianggotai oleh seluruh Raja atau Sultan termasuk Yang di-Pertuan Agong masih tidak berfungsi sebagai pemutus atau tidak berkuasa penuh kepada sesuatu perkara termasuk hal-hal berhubungkait dengan agama Islam. Ini telah dijelaskan di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 38 (3):

(3) Apabila Majlis Raja-Raja menimbang perkara-perkara mengenai dasar negara Yang di-pertuan Agong hendaklah disertai oleh Perdana Menteri, dan Raja-Raja yang lain dan Gabenor-Gabenor disertai oleh Menteri-menteri Besar atau Ketua-Ketua Menteri mereka; dan pertimbangan-pertimbangan itu adalah antara tugas-tugas yang dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Jemaah Menteri, dan oleh Raja-Raja yang lain dan Gabenor-Gabenor mengikut nasihat Majlis Kerajaan mereka.

³⁷⁹ *Ibid.*, 44-46. Semua Sultan atau Raja setiap Negeri adalah menjadi Ahli Majlis Raja-Raja.

2.5.3(a) Peranan Majlis Agama Islam Negeri

Selain itu Majlis Agama Islam setiap negeri juga berperanan untuk menasihati Raja dalam hal ehwal agama Islam. Penulis akan membawa contoh dua negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak untuk menjelaskan perkara ini.³⁸⁰

Pertama, Negeri Selangor Darul Ehsan, Majlis Agama Islam Selangor berfungsi untuk menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Jika dirujuk di dalam Enakmen 1 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Bahagian II- Majlis Agama Islam Selangor, Seksyen 4. Penubuhan Majlis (1), telah dinyatakan;

“Maka hendaklah ada suatu badan “Majlis Agama Islam Selangor” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam perkara-perkara berhubung dengan Agama Islam”.³⁸¹

Manakala dalam Seksyen 6. Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan, sebagaimana dinyatakan,

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia

³⁸⁰ Negeri Selangor dipilih oleh penulis adalah kerana isu-isu yang melibatkan hubungan antara agama kerap berlaku di Selangor sehingga menjadikannya sebagai isu di peringkat nasional. Manakala Negeri Perak dipilih adalah kerana Mufti Perak iaitu Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Hj. Harussani bin Hj. Zakaria kerap membuat pandangan-pandangan peribadi yang menimbulkan kontroversi terutama melibatkan isu-isu hubungan antara agama.

³⁸¹ Maklumat lanjut rujuk Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Negeri Selangor rujuk http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/9cfc6b063418fbdf482570ff0001c894?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainya dalam Enakmen ini”³⁸²

Kedua, Negeri Perak Darul Ridzuan: Dalam Enakmen 4 Tahun 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Bahagian II- Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Seksyen 4. Penubuhan Majlis (1) menyatakan;

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara berhubung dengan agama Islam”³⁸³

Manakala di dalam Seksyen 6. Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan menyatakan;

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam di negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syara’ dan berhubung dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di negeri Perak Darul Ridzuan selepas Duli Yang Maha Muli Sultan, kecuali jika diperuntukkan selain dalam Enakmen ini”³⁸⁴

2.5.3(b) Peranan Mufti.

Di peringkat negeri huraian Ketua Agama iaitu Raja atau Sultan bertindak atas nasihat tidak berhenti di sini sahaja. Ini adalah kerana selain Majlis Agama Islam Negeri,

³⁸² *Ibid.*

³⁸³

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/542fae263e7f21a94825703f00076744?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

³⁸⁴ *Ibid.* Untuk Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang turut menyatakan peranan majlis agama menasihati Sultan dalam hal-hal berkaitan Agama Islam di setiap negeri boleh dirujuk di <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslsg?OpenForm>, , 8 Oktober 2012.

Enakmen Negeri juga telah memperuntukkan tugas kepada seseorang yang layak³⁸⁵ iaitu diberi nama Mufti di mana peranan Mufti juga adalah untuk menasihati DYMM Sultan seterusnya mempengerusikan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Penulis akan membawa dua contoh yang sama iaitu daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor dan Negeri Perak untuk menjelaskan perkara ini.

Pertama, Negeri Selangor Darul Ehsan: Merujuk kepada Enakmen 1 Tahun 2003, Pentadbiran Agama Islam(Negeri Selangor) 2003, Bahagian III- Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatan Kuasa Fatwa dan Fatwa Yang Berhubung Dengan Kepentingan Nasional, Seksyen 45. Fungsi Mufti menyatakan;

“Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini”³⁸⁶

Merujuk kepada Seksyen 51³⁸⁷. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional, enakmen menyatakan

(1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47,³⁸⁸ apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati

³⁸⁵ Enakmen 1 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran (Negeri Selangor)2003, Bahagian III Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama Jawatankuasa Fatwa dan Fatwa Yang Berhubung dengan Kepentingan Sosial dalam Seksyen 44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti telah menyatakan “(1) Duli Yang Maha Muli Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak yang sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor”. Rujuk,http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/dffc75b6feb214f3482570ff0028bc2d?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

³⁸⁶http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/7ca02aa61bf7268a482570ff0028bb38?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

³⁸⁷http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/95419d53061d5c78482570ff002a3052?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

³⁸⁸ Subseksyen 47 Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa menyatakan “Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubung dengan Hukum Syarak”. Rujuk http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/5afd2a65f4cd852b482570ff0028b76a?OpenDocument.

bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengahkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.

(2) Selepas menimbang teliti perkara itu Majlis boleh membuat syor[menasihati] kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapat perkenannya supaya fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, melalui Majlis Raja-Raja.

(3) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.

(4) Jika Duli Yang Maha Mulia Sultan memberi perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum fatwa itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.

(5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2) tentang perkara itu.

(6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dicadangkan itu dibuat, dengan atau tanpa ubahsuai yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam Warta tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuai dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

Bagi Negeri Perak perkara yang sama juga telah dihuraikan di dalam Enakmen 4 Tahun 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 iaitu dalam Bahagian

III- Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatan Kuasa Fatwa dan Fatwa yang berhubung dengan Kepentingan Nasional. Di antara seksyen yang berkaitan adalah; Seksyen 33-Pelantikan Mufti (1), Seksyen 34-Fungsi Mufti dan Seksyen 40-Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional (1) hingga (6).³⁸⁹ Manakala di dalam negeri-negeri lain di Malaysia turut menyatakan perkara yang sama di dalam enakmen negeri masing-masing terutama Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing.³⁹⁰

Dengan merujuk kepada huraian enakmen di atas penulis mendapati bahawa pihak yang berperanan sebagai pemutus adalah (1) Mufti dan Ahlijawatankuasa Fatwa Negeri, (2) Majlis Agama Islam Negeri dan (3) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Manakala Sultan di peringkat negeri mahupun Majlis Raja-Raja yang bertindak sebagai Ketua Agama di Negeri dan Persekutuan hanya bertindak menerima nasihat dan syor daripada ketika-tiga pihak di atas. Oleh yang demikian penulis membuat kesimpulan bahawa Enakmen Pentadbiran Agama Islam contohnya di Negeri Selangor, Negeri Perak dan negeri-negeri lain ini tidak menjelaskan peranan Sultan sebagai Ketua Agama dalam apa-apa hal melainkan perlu bertindak atas nasihat pihak ketiga.

2.5.3(c) Pemimpin Agama dan Peranan Simbolik

Maka dengan huraian dan maklumat yang jelas dengan merujuk kepada sumber yang tepat iaitu Perlembagaan Persekutuan dan juga Enakmen Negeri di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam didapati bahawa Ketua Agama Islam sebagaimana yang

³⁸⁹ Maklumat lanjut rujuk;

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/542fae263e7f21a94825703f00076744?OpenDocument, 8 Oktober 2012.

³⁹⁰ Maklumat lanjut berkaitan Enakmen Pentadbiran Agama negeri-negeri lain sila rujuk; <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsprk?OpenForm>, 8 Oktober 2012.

termaktub di dalam kedua-dua dokumen itu tidak lebih sebagai simbolik sahaja. Pada peranan Ketua Agama berhubung dengan agama Islam tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Tambahan lagi jika dilihat kepada hurai-huraian di atas adalah amat jelas jika di peringkat Persekutuan Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak atas nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Dalam hal ehwal berkaitan Agama Islam pula sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini ia diselaras oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang turut dipengerusikan oleh Perdana Menteri.³⁹¹ Manakala di peringkat negeri Raja atau Sultan juga dikehendaki bertindak atas nasihat Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Exco di peringkat negeri³⁹² serta Majlis Agama Islam Negeri termasuk Mufti dan Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri. Sebagaimana telah dinyatakan oleh Prof. Dr. Abdul Azizi Bari, Pakar Perlembagaan Malaysia bahawa;

“Peranan[Ketua Agama] berhubung dengan agama Islam tidak dinyatakan dalam perlembagaan. Perkara ini tidak memeranjatkan kerana jika kita berbalik pada kehendak perlembagaan dalam soal kedudukan agama Islam sebenarnya tidak timbul soal peranan agama di peringkat pusat atau persekutuan. Ini kerana sewaktu perundingan kemerdekaan dahulu raja-raja hanya bersetuju memberi kebenaran supaya peruntukan tentang perisytiharan agama Islam sebagai agama persekutuan dimasukkan ke dalam perlembagaan setelah mereka diberi jaminan bahawa perisytiharan sedemikian tidak akan menjejaskan kedudukan raja-raja sebagai ketua agama di peringkat negeri masing-masing”³⁹³

“Peranan[Majlis Raja-Raja] dan nilai simbolik sukar untuk dipisahkan daripada institusi beraja di mana-mana pun jua.

³⁹¹ Ini turut telah disahkan oleh Puan Nor Safina Bt Zainal, Timbalan Penolong Pengarah, Bahagian Fatwa, Jabatan Agama Islam Malaysia Jakim. Temu bual telah berlangsung pada 18 April 2012 di Tingkat 5, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, jam 10 -11 pagi.

³⁹² Nadzan Haron dan Rozeman Abu Hasan, *Malaysia Melangkah ke Hadapan, Pengajian Malaysia sejak 1945*, 129

³⁹³ Abdul Azizi Bari, *Majlis Raja-raja, Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 86.

Bahkan tidak salah jika dikatakan bahawa sebelum perlembagaan yang ada sekarang wujud pun, raja-raja lebih berfungsi simbolik daripada menjalankan kerja-kerja rutin mentadbir negeri...³⁹⁴

“Mungkin perlu diulang bahawa ciri yang menonjol dan mungkin utama dalam peranan dan fungsi negara umumnya dan sistem monarki amnya adalah untuk menjadi lambang dan simbol; baik buat autoriti pemerintah, perpaduan atau negara itu sendiri...³⁹⁵

Justeru dengan merujuk kepada huraian di atas penulis mendapati bahawa pihak yang memainkan peranan dan bertanggungjawab atas segala perkara berkaitan hal ehwal masyarakat Islam di Malaysia adalah (1) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, (2) Mufti dan Ahlijawatankuasa Fatwa Negeri, dan (3) Majlis Agama Islam Negeri. Manakala Sultan di peringkat negeri mahupun Majlis Raja-Raja yang bertindak sebagai Ketua Agama di Negeri dan Persekutuan hanya bertindak menerima nasihat dan syor daripada ketika-tiga pihak di atas. Oleh yang demikian penulis membuat kesimpulan bahawa Perlembagaan Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam contohnya di Negeri Selangor, Negeri Perak dan negeri-negeri lain ini tidak menjelaskan peranan YDPA di peringkat Persekutuan dan Sultan sebagai Ketua Agama dalam apa-apa hal melainkan perlu bertindak atas nasihat pihak ketiga.

2.5.4 Pemimpin Agama bukan Islam – Agama Kristian

Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 32 iaitu berkaitan “Kepala Utama Negara” menerangkan bahawa Ketua Negara iaitu YDPA memegang kuasa tertinggi dalam pentadbiran negara termasuk Ketua Agama atau Pemimpin Agama.³⁹⁶

³⁹⁴ *Ibid.*, 92.

³⁹⁵ *Ibid.*, 94

³⁹⁶ Rujuk *Perlembagaan Persekutuan* dalam Perkara 3 (5), 3.

Walaubagaimanapun peranannya hanya kepada Ketua Agama atau Pemimpin Agama bagi masyarakat yang beragama Islam sahaja. Ini menunjukkan bahawa Ketua Agama bagi masyarakat yang beragama bukan Islam tidak dibincangkan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia secara langsung sebagaimana bagi masyarakat beragama Islam. Ini juga amat jelas seperti huraian yang terkandung di dalam enakmen-enakmen negeri yang menyatakan bahawa Raja atau Sultan berperanan sebagai Ketua Agama bagi masyarakat Islam tanpa menyentuh peranannya sebagai ketua agama bagi masyarakat bukan beragama Islam. Maka siapakah yang berperanan sebagai Ketua Agama atau Pemimpin Agama bagi masyarakat yang bukan beragama Islam di Malaysia terutama bagi masyarakat Kristian sebagaimana fokus kajian ini? Oleh itu di dalam bahagian ini penulis akan mengkaji siapakah yang memainkan peranan sebagai Ketua Agama atau Pemimpin Agama bagi masyarakat yang beragama Kristian di Malaysia terutama dalam kontes realiti.

2.5.4(a) Pemimpin Agama Kristian – Golongan Paderi (*Clergy*)

Penganut agama Kristian di Malaysia mempunyai kira-kira 40 buah mazhab gereja terbesar di Malaysia. Oleh itu dengan kesedaran yang tinggi untuk menyatukan seluruh penganut Kristian, maka pada tahun 1986 pihak agama Kristian telah berjaya menubuhkan Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation Of Malaysia*).³⁹⁷ Di antara matlamat lain penubuhan pertubuhan ini juga adalah didorong oleh kesan pelaksanaan Dasar Islamisasi oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1982.³⁹⁸ Selain itu pertubuhan ini juga berperanan sebagai satu platform untuk masyarakat Kristian menyuarakan bantahan dan cadangan dalam pelbagai perkara yang berkaitan

³⁹⁷ Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-2, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 15; Albert Sudararaj Walter, "Issues in Christian-Muslim Relation: A Malaysian Christian Perspective", *Islam and Christian-Muslim Relation*, Jil. 18, Bil. 1, (January 2007), 71.

³⁹⁸ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Azizizyana Saili, "Dialog Antara Agama.", 48- 54.

masyarakat Kristian kepada pihak berwajib di Malaysia terutama Kerajaan Malaysia serta berfungsi sebagai platform komunikasi, dialog, perbincangan dalam konteks menjaga kepentingan pelbagai agama di Malaysia.³⁹⁹

Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) dianggotai oleh tiga badan Kristian yang mewakili lebih 90% populasi masyarakat Kristian di Malaysia iaitu *Catholic Church in Malaysia*, *Council of Churches of Malaysia* dan *National Evangelical Christian Fellowship*.⁴⁰⁰ Ini juga dianggarkan mewakili lebih 5000 gereja yang menjadi ahli.⁴⁰¹ Manakala Gereja Pentecostal dan Gospel Assembly tidak menyertai gabungan ini.⁴⁰²

Untuk mengenalpasti pemimpin agama bagi agama Kristian dalam konteks Malaysia, penulis akan meneliti ketiga-tiga badan gereja ini dari dua aspek. Pertama dari aspek struktur organisasi peringkat nasional tiga badan yang bernaung di bawah Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*). Kedua dari aspek peranan yang dilaksanakan di peringkat nasional untuk kemaslahatan masyarakat Kristian keseluruhannya. Pada bahagian ini penulis tidak akan meneliti secara analisis kepada perbezaan yang wujud berkaitan pemimpin agama di kalangan mazhab-mazhab Kristian mahupun perbezaan yang wujud berkaitan istilah-istilah yang digunapakai

³⁹⁹ W. John Roxborough, *A Short Introduction To Malaysian Church History*, cet. ke-2, (Kuala Lumpur: Catholic Research Centre, 1989), 15; *The Malaysian Church in the 90s: Address, Papers, Homilies and Recommendation of the Fourth National Christian Conference*, (t.tp: Christian Federation of Malaysia, 1992), 3; Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-2, 15; Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali, *Dialog Antara Agama*., 54; Christian Federation of Malaysia, <http://www.oikoumene.org/en/member-churches/regions/asia/malaysia/cfm.html>, 6 Jun 2012.

⁴⁰⁰ *Ibid.*

⁴⁰¹ Albert Sundararaj Walter, "Issues in Christian-Muslim Relation: A Malaysian Christian Perspective", 71.

⁴⁰² Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-2, 17

sebagai gelaran atau panggilan kepada setiap pemimpin agama terutama di dalam gereja masing-masing.⁴⁰³

2.5.4(a) (i) Struktur Peringkat Nasional – Pemimpin Agama Mengetuai Wilayah Pentadbiran dan Badan Pengurusan Gabungan Gereja

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini terdapat tiga badan gereja Kristian yang menganggotai Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) iaitu *Catholic Church in Malaysia*, *Council of Churches of Malaysia* dan *National Evangelical Christian Fellowship*. Maka untuk melihat dengan lebih lanjut struktur tersebut penulis akan meneliti setiap satu daripada organisasi tersebut.

(i) Gereja Katolik.

Di Malaysia Gereja Katolik terbahagi kepada tiga zon atau wilayah⁴⁰⁴ dan setiap zon atau wilayah diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Archbishop*⁴⁰⁵ yang dilantik di kalangan *Bishop*.⁴⁰⁶ *Archbishop* adalah seorang paderi yang tertinggi di dalam sesebuah gereja. *Archbishop* yang berada di zon tengah iaitu di zon *Archdiocese* Kuala Lumpur

⁴⁰³ Untuk membincangkan berkaitan dengan pemimpin agama dari konteks Malaysia sebagaimana fokus kajian ini terlebih dahulu penulis telah meneliti berkaitan kedudukan paderi di dalam agama Kristian secara konseptual termasuk huraian berkaitan dengan perbezaan yang wujud di kalangan mazhab-mazhab Kristian. Maklumat lanjut berkaitan perbincangan konsep paderi di dalam agama Kristian telah dirujuk, Hamizan Abd. Azizi, "Konsep Kepaderian di dalam Kristian", 67-108.

⁴⁰⁴ Maklumat lanjut sila rujuk Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-4, 18. Rujuk juga Catholic Churches in Malaysia di <http://www.sfx.com.my/index.php?option=content&view=category&layout=blog&id=100&Itemid=205>, 6 Jun 2012. Rujuk juga Malaysian's Online Catholic Community Network, di <http://www.catholics.com.my/churches>. Rujuk juga http://en.m.wikipedia.org/wiki/Roman_Catholicism_in_Malaysia, 6 Jun 2012.

⁴⁰⁵ *Archbishop* adalah ketua kepada *Bishop-bishop* yang mempunyai kuasa dan kedudukan yang lebih tinggi daripada *bishop*. Perkataan *arch* digunakan bagi ketua setiap kumpulan antara anggota-anggota gereja seperti *Archchancellor*, *Archdeacon* dan *Archdiocese* Rujuk, V.J.Pospishil, "Archbishop", dalam, *New Catholic Encyclopedia*, ed. John P.Whalen, (Washington: University of America, 1981), 1:743.

⁴⁰⁶ *Bishop* pula secara konsepnya berfungsi sebagai paderi dan turut dibantu oleh *deacons*. *Bishop* hanya berfungsi di dalam urusan penyebaran, pertemuan dan memutuskan tindakan atau keputusan di kawasan pentadbirannya sahaja iaitu yang bertugas (1) mewakili sesebuah mukim, (2) ketua upacara keagamaan dan (3) ketua pentadbir mukim. Rujuk Judith Taylor, *Career in the Church*, cet. 1, (London: Kogan Page, 1984), 40.

adalah *Archbishop* yang terkanan di kalangan *Archbishop* yang lain.⁴⁰⁷ Manakala di setiap zon pula dibahagikan kepada beberapa kawasan atau dipanggil sebagai *diocese*. Manakala di setiap *diocese* pula akan diketuai oleh seorang paderi yang bertaraf *Bishop*.⁴⁰⁸

Zon/Wilayah Pertama: berpusat di Kuala Lumpur atau dikenali sebagai Archdiocese of Kuala Lumpur yang meliputi Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Terengganu. Zon ini diketuai oleh seorang paderi yang bertaraf *Archbishop*.⁴⁰⁹ Di bawah zon ini terdapat dua *diocese* iaitu Diocese Melaka-Johor yang diketuai oleh seorang paderi yang bertaraf *Bishop*.⁴¹⁰ Diocese kedua adalah Diocese Penang yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Zon ini diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Bishop*.⁴¹¹

Zon/Wilayah Kedua: adalah untuk Malaysia Timur di Negeri Sarawak dan berpusat di Kuching. Ia dikenali sebagai Archdiocese of Kuching dan diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Archbishop*.⁴¹² Di bawah zon ini terdapat dua *diocese* iaitu Diocese Miri dan Diocese Sibul dan kedua-dua *diocese* ini diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Bishop*.⁴¹³

⁴⁰⁷ Archbishop di Archdiocese of Kuala Lumpur yang terkini adalah Archbishop Murphy Pakiam. Rujuk Catholic Archdiocese of Kuala Lumpur, <http://www.archway.org.my/>, 6 Jun 2012.

⁴⁰⁸ Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-4, 18

⁴⁰⁹ Catholic Archdiocese of Kuala Lumpur, <http://www.archway.org.my/>, 6 Jun 2012; http://en.m.wikipedia.org/wiki/Archdiocese_of_Kuala_Lumpur, 6 Jun 2012.

⁴¹⁰ Catholic Diocese of Malacca-Johor, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Melaka-Johor, 6 Jun 2012.

⁴¹¹ Catholic Diocese of Penang, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Penang, 6 Jun 2012

⁴¹² Catholic Archdiocese of Kuching, <http://www.kuchingcatholic.org.my/>, 6 Jun 2012.

http://en.m.wikipedia.org/wiki/Archdiocese_of_Kuching, 6 Jun 2012.

⁴¹³ Catholic Diocese of Miri, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Miri, 6 Jun 2012; Catholic Diocese of Sibul, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Sibul, 6 Jun 2012.

Zon Ketiga: adalah untuk di Negeri Sabah yang berpusat di Kota Kinabalu. Zon ini dikenali sebagai Archdiocese of Kota Kinabalu yang diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Archbishop*.⁴¹⁴ Di bawah zon ini terdapat dua diocese iaitu Diocese Keningau dan Diocese Sandakan yang kedua-duanya diketuai oleh seorang paderi yang bertaraf *Bishop*.⁴¹⁵

Merujuk kepada huraian sebelum ini, kajian menunjukkan bahawa pemimpin agama bagi masyarakat Kristian yang bermazhab katolik adalah paderi yang bertaraf *Archbishop* yang di lantik di kalangan *Bishop* di mana mengetuai zon atau wilayah pentadbiran masing-masing yang dipanggil sebagai *Archdiocese*. Manakala paderi yang bertaraf *Bishop* pula mengetuai kawasan pentadbiran yang dipanggil sebagai *Diocese*.

(ii) Gereja Evangelical.

Gereja mazhab ini bernaung di bawah badan yang bertaraf nasional iaitu *National Evangelical Christian Fellowship* (NECF). Gereja ini lebih tertumpu kepada aktiviti penyebaran agama Kristian dengan pelbagai cara yang berslogankan “*Sharing the good news*” kepada semua orang.⁴¹⁶ Gereja ini juga bergerak dengan satu matlamat iaitu “*Transforming the nation through the Local Church*”. Oleh itu untuk mencapai matlamat ini satu majlis di peringkat nasional iaitu *NECF Malaysian Council* ditubuhkan bagi memantau seluruh agenda. Majlis yang diketuai oleh seorang paderi yang bertaraf *Reverend* dan dianggotai oleh para paderi yang juga bertaraf

⁴¹⁴ Catholic Archdiocese of Kota Kinabalu, <http://www.kkdiocese.net/homepage.cnt>, 6 Jun 2012, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Archdiocese_of_Kota_Kinabalu, 6 Jun 2012.

⁴¹⁵ Catholic Diocese of Keningau, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Keningau, 6 Jun 2012, Catholic Diocese of Sandakan, http://en.m.wikipedia.org/wiki/Diocese_of_Sandakan, 6 Jun 2012.

⁴¹⁶ Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, cet. ke-4, 17.

Reverend dan ahlijawatankuasa yang dilantik berlandaskan *NECF Leadership Commission*.⁴¹⁷

(iii) Gereja-Gegeja bernaung di bawah Majlis Gereja Se-Malaysia(*Council Churches of Malaysia*).⁴¹⁸(Protestan dan Oriental Ortodok)

Di bawah organisasi gereja ini pula terdapat pelbagai ciri mazhab yang menjadi tulang belang kepada pergerakan gereja masing-masing. Di antaranya adalah (1) Methodist⁴¹⁹, (2) Anglican⁴²⁰, (3) Lutheran⁴²¹, (4) Presbyterian⁴²² dan (5) Spara Gereja

⁴¹⁷ Jawatankuasa Majlis ini diketuai oleh seorang Pengerusi, dua orang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha Kehormat, seorang Bendahari Kehormat dan sebelas Ahlijawatankuasa lain. Pelantikan ini dibuat adalah berlandaskan *NECF Leadership Commission* iaitu satu suruhanjaya yang dibentuk untuk membantu pihak gereja untuk melahirkan ketua gereja yang berkelayakan dan berkemampuan bertindak sebagai pemangkin kepada kebangkitan semua agama kristian di Malaysia. Pengerusi NECF terkini adalah Reverend Eu Hong Seng. Manakala Setiausaha Kehormat adalah Reverend Elisha Satvinder. Rujuk, The National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, <http://www.necf.org.my>, 6 Jun 2012.

⁴¹⁸ Council Churches of Malaysia, <http://www.ccmalaysia.org.my>, 6 Jun 2012.

⁴¹⁹ Gereja mazhab ini adalah bernaung dan menjadi ahli kepada *Council Churches of Malaysia* (CCM). Gereja-gereja ini mempunyai beberapa *Conference* (Bahagian berdasarkan kelompok bahasa untuk tujuan keagamaan. Sebagai contoh (1) *The Methodist Church in Malaysia Chinese Annual Conference*, (2) *The Methodist Church in Malaysia Tamil Annual Conference*, (3) *The Methodist Church in Malaysia Sarawak Chinese Annual Conference* dan (4) *The Methodist Church in Malaysia Trinity Annual Conference* (bagi yang berbahasa Inggeris). Semua *conference* ini diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Bishop*.

⁴²⁰ Gereja mazhab ini adalah bernaung dan menjadi ahli kepada *Council Churches of Malaysia* (CCM) di mana pentadbiran gereja ini dibahagikan kepada tiga zon yang diketuai oleh seorang *Bishop*. Zon tersebut adalah (1) Malaysia Barat: *The Anglican Diocese of West Malaysia*, (2) Sabah: *The Anglican Diocese of Sabah* dan (3) Sarawak: *The Anglican Diocese of Sarawak*. Manakala setiap zon pula terdapat beberapa kawasan yang diketuai oleh seorang paderi bertaraf *Pastor* dan dibantu oleh pegawai gereja yang bertaraf *deacon*. *Pastor* adalah gelaran paderi bagi mazhab Protetan. Rujuk Hamizan Abd Azizi, "Konsep Kepaderian Di Dalam Kristian", 105. Manakala *deacon* adalah pembantu kepada paderi dalam memastikan upacara dan urusan gereja berjalan dengan baik. Rujuk, J.J, O'rourke, "Church in the Bible", dalam *New Catholic Encyclopedia*, ed. John P. Whalen, cet. 1, (Washington: The Catholic University, 1967), 1: 667.

⁴²¹ Gereja bermazhab Lutheran ini terbahagi kepada; (1) Evangelical Lutheran: gereja mazhab ini dianggotai oleh masyarakat yang berketurunan India. Di antara contoh gereja yang masih aktif adalah The Evangelical Lutheran Church in Malaysia. (2) Lutheran Churches of Malaysia dan Singappore(LCMS): gereja ini dianggotai oleh masyarakat yang berketurunan Cina. Di antara gereja yang masih aktif adalah The Lutheran Church in Malaysia & Singapore.

⁴²² Gereja ini dikenali juga sebagai Gereja Scotland. Ghazali Basri dalam kajiannya berkaitan Sejarah Perkembangan Kristian dan Gerakan Kristian di Malaysia menyatakan gereja jenis ini tidak terikat dengan mana-mana organisasi dan ia bergerak bebas sama ada menentukan polisi dan corak pentadbiran mereka. Walaubagaimanapun pada tahun 80 an dengan keperluan kesatuan suara gereja-gereja di Malaysia pengkaji Sejarah Gereja Malaysia iaitu W. John Roxborough menyatakan bahawa mereka telah menyertai Majlis Gereja Se-Malaysia (Council Churches of Malaysia). Setelah meneliti kepada dokumen terkini sebagaimana terdapat di dalam lawan sesawang CCM ia menunjukkan bahawa gereja Presbyterian ini sah menjadi ahli kepada CCM. Gereja tersebut adalah The Presbyterian Church in Malaysia.

(*Para-Church*)⁴²³. Semua gereja ini bertindak sama ada sebagai ahli (*member*), ahli bersekutu (*associate member*), ahli gabungan (*affiliate member*), Ahli Jawatankuasa Kawasan (*Regional Committees*) dan Ahli Jawatankuasa Majlis Gereja Se-Malaysia (*CCM Committee*) kepada Majlis Gereja Se-Malaysia. Manakala di peringkat nasional majlis ini di terajui oleh satu badan pengurusan (*Board of Management*) yang diketuai oleh Presiden bertaraf paderi.⁴²⁴ Manakala ahli jawatankuasa badan pengurusan pula adalah terdiri daripada wakil-wakil daripada gereja-gereja ahli bersekutu, gereja ahli gabungan, wakil ahli jawatankuasa kawasan yang dilantik, dan ahli jawatankuasa CCM yang dilantik. Wakil-wakil ini juga terdiri dari kalangan paderi yang bertaraf *Bishop*, *Reverand* dan *Father*.⁴²⁵ Bagi yang bersifat Spara Gereja (*Para-Church*) diketuai sama ada oleh seorang bertaraf paderi seperti *Bishop*, *Reverand*, *Father* atau Ahli Jawatankuasa yang dilantik di kalangan orang biasa yang berjawatan Presiden, Pengerusi, Pengetua dan Pengarah Eksekutif bagi organisasi tersebut.⁴²⁶

Dengan berdasarkan maklumat daripada mazhab-mazhab gereja sebagaimana dihuraikan sebelum ini, kajian menunjukkan golongan paderi adalah merupakan ketua agama di setiap gereja sama ada yang berstatus *Archbishop*, *Bishop*, *Reverand*, *Pastor*, *Deacon* dengan merujuk kepada zon atau wilayah dan kawasan pentadbiran masing-masing. Manakala di peringkat nasional terdapat badan yang terdiri daripada gabungan wakil gereja-gereja di mana ditadbir oleh satu badan pengurusan yang terdiri daripada para paderi sama ada bertaraf *Archbishop*, *Reverend*, *Bishop* dan lain-lain.

⁴²³ Gereja jenis ini adalah terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan sukarelawan dan kebajikan. Di antaranya adalah Malaysian CARE, National Council of YMCAs, Young Women's Christian Association of Malaysia, Seminari Teologi Malaysia, The Salvation Army, Open Doors Malaysia dan lain-lain.

⁴²⁴ Badan Pengurusan CCM diketuai oleh seorang Presiden, seorang Timbalan Presiden, tiga Naib Presiden, seorang Setiausaha kehormat dan Bendahari Kehormat, tiga Ahlijawatankuasa beserta satu bekas Presiden yang terkini. Presiden bagi Majlis Gereja Se-Malaysia terkini adalah Bishop Datuk Dr. Thomas Tsen daripada Gereja The Basel Christian Church of Malaysia dan Setiausaha Kehormat adalah Reverend Dr. Hermen Shastri daripada Methodist Trinity Annual Conference.

⁴²⁵ Maklumat lanjut berkaitan dengan organisasi CCM di peringkat nasional layari Council Churches of Malaysia, <http://www.ccmalaysia.org.my>, 6 Jun 2012.

⁴²⁶ *Ibid.*

**2.5.4(b) (ii) Peranan Pemimpin Agama Kristian (Wilayah Pentadbiran) –
fungsi organisasi gereja-gereja**

Dalam konteks kajian ini penulis melihat bahawa kumpulan yang berperanan besar sebagai pemimpin agama adalah di kalangan paderi yang berstatus *Bishop* iaitu sama ada *Archbishop* dan *Bishop*. Di antara bidang kuasa utama mereka yang dapat dilihat secara konseptual adalah;

(1) *Legislative Power*:⁴²⁷ Berkaitan aspek ini mereka mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang atau peraturan baru di bawah kawasan jajahan. Walaubaimanapun bidangkuasa tersebut tidak boleh menjangkau peraturan umum dan pengecualian gereja sedia ada.

(2) *Judicial Power*:⁴²⁸ Berkaitan aspek ini mereka diberikuasa untuk menghakimi permasalahan yang timbul dalam wilayah pentadbirannya.

(3) *Coercive Power*:⁴²⁹ Bidang kuasa ini membolehkan mereka mempunyai (a) hak mentadbir dalaman seperti menjalankan hal-hal spiritual dan urusan semasa seperti amalan-amalan, upacara keagamaan, dan adat dalam komuniti mereka. Di antara tugas khusus adalah, menyebarkan agama Kristian sebagai refleksi wakil *Jesus Christ* di bumi⁴³⁰, berfungsi sebagai penyelamat ummah atau *savior* terutama berkaitan dosa warisan (*original sins*)⁴³¹, berperanan sebagai ketua upacara peribadatan masyarakat Kristian⁴³²,

⁴²⁷ T.A.Faulker, "Bishop: Canon Law", dalam *New Catholic Encyclopedia*, ed. John P.Whalen, cet. ke-2, (Washington:University of America, 1981), 2:586-587.

⁴²⁸ *Ibid.*

⁴²⁹ *Ibid.*

⁴³⁰ John Jay, Hughes, "Christian Priesthood", dalam *The Encyclopedia of Religion*, ed. Mircea Eliade, (New York: MacMillan Publishing Co., 1987), 2: 536.

⁴³¹ *Ibid.*, 536. Pada pandangan agama Kristian, dosa warisan adalah dosa yang ditanggung oleh seluruh masyarakat kristian akibat daripada perbuatan Adam dan Eve yang telah memakan buah larangan semasa di syurga kerana terpedaya dengan hasutan syaitan sehingga menyebabkan mereka berdua dibuang dari

berperanan sebagai pengampun dosa penganut Kristian⁴³³ yang disebut juga sebagai *confession*⁴³⁴ dan penyedia dan memberi khidmat kepada komuniti Kristian seperti memberi nasihat, bimbingan kaunseling, menyediakan kelas-kelas agama bagi penganut baru serta berperanan untuk mejadi *role model* bagi seluruh penganut Kristian. (b) Hak mentadbir luaran seperti berperanan sebagai ketua hubungan sosial terutama terhadap masyarakat beragama lain dan menjadi penasihat agama kepada pertubuhan-pertubuhan Kristian.⁴³⁵

Berdasarkan kepada perbincangan realiti di Malaysia dan beberapa gabungan huraian peranan pemimpin agama Kristian, penulis mendapati bahawa peranan pemimpin agama bagi masyarakat Kristian di Malaysia terutama yang bertanggungjawab sama ada memimpin gereja mahupun mewakili organisasi gabungan gereja dari pelbagai mazhab gereja dapat dikategorikan kepada dua aspek penting iaitu peranan yang bersifat Dalaman (*Internal*) dan Luaran (*External*).

Peranan yang bersifat *Internal* adalah seperti (1) menyediakan dan membangunkan kesedaran tentang kepentingan aspek kesatuan dan perpaduan di mana merupakan satu keinginan yang dikehendaki oleh *Christ* untuk berlaku kepada masyarakatnya. (2) Memastikan aspek keimanan (*faith*), pengharapan (*hope*) dan kasih sayanag (*love*) dapat dipelihara dan disuburkan di kalangan ahli masyarakat. (3) Menawarkan kesaksian kenabian (*prophetic witness*) dalam membangunkan keadilan,

syurga. Rujuk, J.D.Douglas, ed., *The New Bible Dictionary*, cet. 1, (London: The Inter-Varsity Fellowship, 1962), 13

⁴³² Judith Taylor, "Career in the Church", 11; J.A. Simpson & E.S.C. Weiner, *The Oxford English Dictionary*, cet. ke-2, (Oxford: Clarendon Press, 1989), 1: 465.

⁴³³ *Ibid.*, John Jay, Hughes, "Christian Priesthood", 536; J.A.Simpson & E.S.C. Weiner, *The Oxford English Dictionary*, 465.

⁴³⁴ Pengakuan dosa yang dilakukan kepada paderi bergantung kepada dosa besar dan dosa kecil sama ada dilakukan ketika ingin memulakan hidup baru, sebelum berkahwin dan ketika menetap di negara atau kawasan baru. Rujuk, F.L.Cross, ed., *The Oxford Dictionary of the Christian Church*, cet.1, (London: Oxford University Press, 1985), 545.

⁴³⁵ Rujuk, Hamizan Abd Azizi, "Konsep Kepaderian di Dalam Kristian:", 94.

keamanan dan kesatuan makhluk ciptaan tuhan. (4) Meningkatkan kesedaran tentang fungsi diri sebagai *servant mission of Christ* kepada masyarakat Kristian, organisasi Kristian sama ada dalam dan luar negara.

Peranan yang bersifat Luaran (*External*) adalah seperti; (1) Berperanan untuk menyediakan platform persahabatan dan perkongsian di kalangan gereja Kristian yang pelbagai mazhab terutama dalam pembentukan misi dan visi, usaha-usaha penyebaran agama Kristian, pengajaran dan pembelajaran bible dan interaksi sosial di kalangan masyarakat Kristian. (2) Berperanan untuk menggerakkan proses pembaharuan dan kebangkitan masyarakat Kristian di Malaysia. (3) Berperanan untuk menyediakan satu medium perlindungan dan medium penyebaran agama Kristian. (4) Berperanan sebagai wakil masyarakat Kristian dalam isu-isu yang memberi kesan langsung kepada perkembangan agama kristian, perkembangan gereja dan masyarakat kristian keseluruhannya.

Peranan-peranan ini akan dikupas dengan lebih mendalam oleh penulis di dalam bab seterusnya iaitu untuk melihat sejauhmana polisi, misi dan misi setiap badan-badan organisasi yang diterajui oleh setiap ketua agama ini mempengaruhi peranan pemimpin agama Kristian dalam berperanan membina hubungan antara agama khususnya dalam pelaksanaan dialog antara agama sebagaimana fokus kajian ini.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi sebagaimana huraian sebelum ini penulis membuat kesimpulan bahawa pemimpin agama bagi masyarakat Kristian khususnya di Malaysia adalah kumpulan paderi sama ada berstatus *Archbishop, Bishop, Reverend, Pastor, Deacon* dan lain-lain. Ini juga telah disahkan oleh kajian sebelum ini yang turut menyatakan bahawa paderi yang dilantik adalah merupakan ketua agama dan menjadi

ketua gereja iaitu berperanan memastikan seluruh ajaran dan upacara keagamaan masyarakat kristian diamalkan oleh setiap penganutnya.⁴³⁶

Kumpulan paderi ini sebahagiannya berfungsi di gereja kawasan pentadbiran masing-masing dan ada juga yang mewakili gereja mereka untuk berperanan di peringkat nasional dengan memegang jawatan-jawatan penting dalam pertubuhan-pertubuhan Kristian di bawah Pertubuhan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) seperti *Catholic Church in Malaysia*, *Council of Churches of Malaysia (CCM)* dan *National Evangelical Christian Fellowship (NECF)*. Mereka yang menduduki jawatan-jawatan penting di peringkat nasional ini adalah merupakan kumpulan pemimpin agama Kristian yang penting dan bertanggungjawab ke atas segala hal ehwal masyarakat kristian di Malaysia.

2.6 Kesimpulan – Kerangka Penentuan Pemimpin Agama dalam hal-hal hubungan antara agama (dialog antara agama) dari Konseptual ke Realiti di Malaysia

Setelah meneliti perbahasan pemimpin agama secara konseptual iaitu (1) perbahasan secara umum, (2) perspektif sumber agama iaitu Islam dan Kristian termasuk (3) peranan yang harus dilaksanakan dalam konteks dialog iaitu untuk komuniti sendiri (*intra dialogue*) mahupun antara ketua agama (*inter dialogue*), (4) persoalan rasional penglibatan pemimpin agama secara serius di dalam hal-hal hubungan antara agama khususnya dialog antara agama serta (5) pemimpin agama konteks di Malaysia (Perlembagaan, Enakmen Negeri-Negeri dan Struktur Pentadbiran Pemimpin Agama

⁴³⁶ Hamizan Abd Azizi, "Konsep Kepaderian di dalam Kristian:", 67. Rujuk juga maklumat berkaitan penegeasan bahawa ketua agama (*religious leader*) itu adalah dikhususkan kepada kumpulan paderi sebagaimana di dalam kajian Jeanne Bee-Tin Lian, "Sensemaking and sensegiving during organizational change: A case study of a Singapore Religious Leader".

Kristian), kajian mendapati bahawa wujud keperluan kepada suatu kerangka awal penentuan pemimpin agama dalam pelaksanaan dialog antara agama khususnya di Malaysia atau dipanggil sebagai alat pengenalpastian (*diagnostic tool*) iaitu alat sebagai asas *an investigative audit* dalam mengenalpasti penyertaan pemimpin agama dalam hubungan dan dialog antara agama. Ini adalah amat penting untuk membantu terutama pihak pembuat dasar⁴³⁷ seperti kerajaan, pemerintah mahupun kumpulan pertubuhan-pertubuhan agama untuk:

1. memilih dan menentukan siapakah yang sesuai untuk dilantik atau dipilih mewakili agama masing-masing dalam melancarkan hubungan antara agama khususnya dialog antara agama sama ada berbentuk dialog muhibah-agenda masa depan hubungan antara agama atau dialog penyelesaian konflik.
2. menentukan atau menambahbaik peranan setiap pemimpin agama dalam kontek hubungan antara agama khususnya dalam kontek platform dialog. Ini termasuk peranan dalam dialog formal dan tidak formal, peranan di peringkat dialog penyelesaian konflik, peranan setelah selesai dialog sama ada di luar batasan konflik atau konflik. Selain itu ia juga amat penting kerana harus diselarikan dengan matlamat hubungan antara agama dan kaum yang mungkin telah ditentukan oleh pihak *policy maker* atau kerajaan.

⁴³⁷ Selain pihak pembuat dasar maklumat ini juga diperlukan oleh badan-badan atau organisasi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan hubungan antara agama khususnya dialog antara agama seperti kumpulan Badan-Badan Kerajaan yang berkaitan (*Respected Government Department*), Ketua Agama Peringkat Tertinggi (*Authority of High Level Religious Leaders*), Wakil-wakil Jaringan Antara Agama (*Interfaith Network*), Majlis-majlis Agama (*Religious Council*), Badan-badan Bukan Kerajaan Berkaitan Agama, Pertubuhan-pertubuhan Agama, Badan-badan Aktivis dan sebagainya.

3. menilai sejauhmana kefahaman pemimpin agama terhadap asas-asas dialog antara agama yang perlu mereka fahami. Ini adalah kerana setiap kefahaman tersebut akan mempengaruhi peranan yang akan dilaksanakan.
4. mengenalpasti jurang yang wujud di kalangan pemimpin agama dan mengenalpasti tindakan susulan agar jurang dapat dikurangkan.
5. membina satu platform seperti platform dialog di peringkat nasional yang diwakili oleh setiap pemimpin agama yang sesuai dan relevan serta berkeupayaan membawa perubahan arus hubungan antara agama ke arah yang lebih objektif dan matang sebagaimana dianjurkan oleh agama masing-masing khususnya masyarakat Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini.

Kotak 2.2 di bawah diberi nama *Diagnostic RL (Religious Leader)*⁴³⁸ menerangkan kerangka awal tersebut.

⁴³⁸ *Diagnostic RL* adalah adaptasi dan gabungan model yang telah dibangunkan oleh penulis dengan merujuk kepada model dan kerangka yang dibangunkan oleh Vivien Lowndes dan Rachael Chapman dalam penentuan penyertaan kumpulan agama dalam pembanguan/hubungan antara agama dalam konteks masyarakat plural. Rujuk, Vivien Lowndes dan Rachael Chapman, "Faith, hope and clarity:.", 38-49.

Kotak 2.2: *Diagnostic RL (Religious Leader)*: dari konseptual ke realiti di Malaysia

Rasional Penglibatan Pemimpin Agama	Normatif	Sumber Maklumat	Pentadbiran	Ejen Penyatuan
Elemen Rasional	Komitmen bersepadu Beridentiti unggul Bersifat pelbagai	Modal Insan Modal Sosial Modal Fizikal	Partisipasi/Penyertaan Mewakili agama Kepimpinan	Mediator Juru cakap
Sumbangan dalam masyarakat majmuk	<u>Role Model/Motivasi</u> : Pengaruhinya masyarakat dalam bentuk hubungan antara agama / dialog	<u>Rujukan/Tempat bergantung</u> : Menambah kefahaman masyarakat	<u>Hasil</u> : Membangun Platfom Dialog <ul style="list-style-type: none"> formal tidak formal 	<u>Matlamat</u> : Perpaduan Masyarakat Penyelesaian Konflik Kesatuan Kerakyatan
Cabaran kepada Pembuat Dasar	<ul style="list-style-type: none"> Kefahaman Aspek Agama yang tinggi Kepelbagaian ideologi/pemikiran Wujud Konflik 	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruhinya masyarakat Pengaruh Politik 	<ul style="list-style-type: none"> Penentuan Ketua Menentukan/Menilai Pemberian Mandat Wujud keperluan pemberian insentif 	<ul style="list-style-type: none"> Lahirkan ideologi baru Mampu lahirkan pengaruh/kumpulan
Cabaran kepada Jaringan Kumpulan Pemimpin-pemimpin Agama	<ul style="list-style-type: none"> Kurang kefahaman konsep asas dialog/matlamat Masalah Mengimbangi Komitmen kepada agama sendiri/tugas 	<ul style="list-style-type: none"> Ketidaktepatan maklumat Keperluan peka kepada realiti semasa Memperbaharui/Meningkatkan keilmuan 	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan jaringan /wakil/sokongan Meningkatkan pemahaman/keperluan dialog antara agama di kalangan masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> Kecaman melahirkan fahaman pluralisma agama
Pembentukan Intitusi	<ul style="list-style-type: none"> Bentuk program /platfom kesedaran kepentingan hubungan antara agama/penerangan isu-sisu Aktifkan dialog tidak formal/dialog harian kalangan masyarakat (intra dialog) 	<ul style="list-style-type: none"> Penjanaan sumber institusi 	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan kepada latihan kepimpinan agama hal-hal hubungan antara agama Sokongan kerajaan (dalaman) Keperluan infrastruktur dilalog atau hubungan antara agama Aktifkan dialog tidak formal kalangan pemimpin agama/komunikasi berterusan 	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan luar daripada kerajaan Keperluan bina satu platfom menyatukan seluruh wakil pemimpin agama Pemantauan berterusan/bukan ketika wujud konflik sahaja
Pemimpin Agama Konteks Malaysia (Kontek Perlembagaan, Enakmen dan Struktur Kristian)	Islam : Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan/Wakil Majlis/Jab. Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Sumber kefahaman asas-asas hubungan antara agama Sumber penyelesaian isu-isu/konflik antara agama 	<ul style="list-style-type: none"> AJK Fatwa Kebangsaan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Majlis Agama /Jabatan Agama Negeri 	Perlu menyertai Majlis Antara Agama/Forum yang ditubuhkan oleh Kerajaan.
	Kristian : Paderi & AJK di peringkat Nasional	<ul style="list-style-type: none"> Sumber kefahaman asas-asas hubungan antara agama Sumber penyelesaian isu-isu/konflik antara agama 	Persekutuan Kristian Malaysia <ul style="list-style-type: none"> Gereja Katolik Majlis Gereja Se Malaysia Gereja Evangelical 	

Sumber: Adaptasi dan gabungan oleh penulis berdasarkan model Vivien Lowndes dan Rachael Chapman

